



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 39**

**Rabu**

**21 November 2018**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2019	(Halaman 26)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 25)
Usul Anggaran Pembangunan 2019	(Halaman 26)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**

**Rabu, 21 November 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi mencapai objektif penubuhan rangkaian Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang memberi jaminan terhadap penawaran harga barangan murah oleh kementerian sebelum ini tidak dicapai malah ianya dimonopoli oleh pihak tertentu.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Sungai Siput pada hari ini bersekali dengan Yang Berhormat Hulu Terengganu pada 3 Disember 2018 kerana menyinggung perkara yang sama iaitu berkenaan dengan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M).

Tuan Yang di-Pertua, operasi Kedai Rakyat 1Malaysia telah ditutup sepenuhnya berkuat kuasa pada 30 Oktober 2017 setelah didapati bahawa objektif penubuhannya tidak berkesan, yang mana telah menelan perbelanjaan sebanyak RM300 juta untuk diwujudkan.

Walau bagaimanapun, program KR1M telah distrukturkan dan dijenamakan semula kepada KR1M 2.0 bermula pada bulan Februari 2018, di mana dua rakan strategik telah dilantik untuk menawarkan barangan yang ditetapkan oleh kementerian pada harga yang berpatutan.

Salah satu penambahbaikan yang bakal dilaksanakan adalah penglibatan lebih ramai lagi rakan strategik di bawah inisiatif ini agar sifat monopoli oleh satu pihak dapat dielakkan. Seterusnya, penyertaan syarikat peruncitan yang berkaliber dan mempunyai kewangan yang kukuh sebagai rakan strategik di bawah inisiatif ini akan ditambah dari semasa ke semasa.

Selain itu, penjualan barangan yang murah tidak lagi diutamakan di bawah inisiatif ini. Namun begitu, apa yang dipromosikan adalah barangan dijual pada harga berpatutan dengan menggunakan jenama barangan itu sendiri. Pihak Kementerian juga dari semasa ke semasa akan melakukan proses perundingan dan mengambil kira pandangan serta maklum balas daripada pelbagai pihak bagi menentukan barangan-barangan yang ditawarkan dimasukkan dalam inisiatif baharu ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas penjelasan tadi.

Soalan tambahan saya. Dengan jawapan Timbalan Menteri, jelas bahawa kerajaan telah mengambil satu inisiatif terhadap kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam KR1M kerajaan sebelum ini dan berhasrat untuk meneruskan dengan KR1M 2.0. Jadi, saya minta penjelasanlah kerana sebelum ini ada banyak aduan berkenaan barang dijual Kedai Rakyat 1Malaysia dari segi kualitinya, dari segi tarikh luputnya dan juga dari segi perkhidmatannya yang memang tidak mencapai hasrat sebenar penubuhan untuk menjadi satu pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan harga barang yang lebih murah daripada harga di pasaran. Apakah kerajaan mengambil mekanisme yang boleh memberikan kesan yang lebih baik?

Saya juga ingin hendak tanya kesan implikasi kewangan kepada negara apabila KR1M 2.0 diteruskan. Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Inisiatif baharu ini tidak akan di bawah jenama KR1M 2.0. Kita akan tukarkan jenamanya kepada satu jenama yang baharu.

Apa yang disoalkan Yang Berhormat Sungai Siput mengenai impak kewangan kepada kerajaan, mekanisme yang akan kita menggunakan dalam inisiatif baharu ini adalah berbeza. Dahulu dalam KR1M 1.0, mekanismenya ialah kerajaan membekalkan dana, memperuntukkan dana untuk KR1M *produce* atau menghasilkan barangan jenama sendiri. Akan tetapi ini telah terbukti adalah tidak berkesan. Oleh sebab itu apa yang akan kita buat di bawah inisiatif baharu itu adalah kerajaan akan memainkan peranan sebagai *negotiator* di antara pembekal barangan atau pengilang dengan rakan strategik. Rakan strategik kita akan dapat itu bekalan barangan pada harga yang *as low as possible*, yang paling murah, supaya mereka boleh jualkan barangan di kedai mereka dengan harga yang berpatutan.

■1010

Oleh itu, tidak ada apa-apa kesan kewangan, ada impak kewangan kepada kerajaan atau kementerian. Kita hanya mainkan peranan sebagai *negotiator* di antara kedua-dua pihak itu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu lebih lanjut lagi tentang Kedai Rakyat 1Malaysia ini di mana kementerian bercadang untuk melaksanakan beberapa proses menambah baik terhadap operasi Kedai Rakyat 1Malaysia termasuklah membuka tender pembekalan dan juga lebih banyak pembekal berbanding dengan dua buah syarikat yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Jadi yang keduanya, hasrat untuk penjenamaan semula Kedai Rakyat 1Malaysia ini diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelumnya. Mungkin hari ini ditukar nama kepada 'kedai harapan' bagi memastikan matlamat asal meringankan atau menangani kos sara hidup rakyat. Jadi soalan saya, apakah yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi dia punya hasrat Kedai Rakyat 1Malaysia ini sebenarnya untuk memberi peluang rakyat yang berpendapatan rendah untuk membeli barangan yang murah. Sekarang Yang Berhormat Menteri

sebut harga berpatutan, bukanlah harga yang murah. Jadi, adakah dasar ini terpesong daripada yang sebenarnya?

Keduanya, apakah kesan langsung daripada penggunaan ataupun pelaksanaan cukai SST ini memberi beban kepada Kedai Rakyat 1Malaysia ataupun 'kedai harapan' ini yang mana ia tidak lagi melalui fokus kepada membantu rakyat? Ketiganya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanya satu soalan sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua soalan boleh diberikan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

[Ketawa]

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Yang Berhormat dari Jempol. Yang Berhormat, kedua-dua itu rakan strategik yang saya sebutkan tadi bukanlah pembekal. Mereka adalah peruncit yang menjual barang dan apa yang kita buat adalah berunding dengan pembekal barangan kepada peruncit itu. Memang itu adalah hasrat kementerian untuk menambahkan lagi rakan strategik yang telah saya sebutkan dan itu terbuka kepada sesiapa yang berniat mengambil bahagian dalam program kita.

Tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jempol bahawa tujuan kita di bawah inisiatif baharu itu adalah untuk menawarkan barangan pada harga yang berpatutan berbanding dengan apa yang ditujukan di bawah KR1M di mana tujuan dan matlamatnya adalah untuk membekalkan dan menjual barang dengan harga murah. Mengikut penelitian kita dan juga mengikut maklum balas daripada orang awam, walaupun di bawah KR1M itu matlamatnya adalah untuk menjual barang dengan harga yang murah tetapi maklum balas daripada orang awam itu barangan dijual di KR1M itu walaupun di bawah jenama KR1M, harganya tidak murah dan mutunya tidak baik.

Oleh itu, ini adalah *complaint* yang kita terima dan kita memandangkan bahawa itu harga barangnya adalah *control by market forces*. Kita tidak boleh untuk *interfere* terlalu banyak dalam penentuan harga dalam *market forces*. Oleh itu, apa tujuan kita sekarang iaitu matlamat kita di bawah inisiatif baharu ialah untuk menawarkan barangan pada harga yang berpatutan. Dahulu di bawah KR1M ini memang memesongkan rakyat kerana barangan yang dijual tidak murah dan mutu pun tidak baik. Oleh itu, program itu gagal. Sekian, terima kasih.

**2. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan langkah kerajaan baharu untuk membantu pengusaha IKS dan meningkatkan kemampuan bersaing di peringkat antarabangsa.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, kementerian melihat penerokaan pasaran antarabangsa sebagai medium penting kepada pengembang dan pembangunan usahawan. Namun begitu, produk serta perkhidmatan yang dihasilkan oleh PKS tempatan mestilah memenuhi piawaian yang tinggi supaya dapat bersaing di peringkat global.

Sehubungan itu, MED akan mempertingkatkan dan mengemaskinikan program-program yang sedia ada dan inisiatif-inisiatif berikut dalam usaha membantu usahawan menembusi pasaran antarabangsa. Antaranya adalah:

- (i) Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB). Program ini menyediakan bantuan geran dan skim pinjaman mudah untuk membantu meningkatkan keupayaan eksport syarikat PKS bumiputera serta menambah bilangan PKS bumiputera yang mampu untuk menembusi pasaran global. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama seperti MARA, MATRADE dan EXIM Bank. Sejak tahun 2016, maklumat yang diberikan sebanyak 37 permohonan telah diluluskan dengan nilai geran pinjaman berjumlah RM38 juta, 25 kelulusan geran berjumlah RM36 juta dan 12 kelulusan pinjaman mudah berjumlah RM34 juta;
- (ii) Program *Going-Export*, program yang dilaksanakan oleh MATRADE ini membantu PKS mengeksport produk mereka di pasaran sedia ada atau pasaran baharu. Di bawah program ini, geran bernilai RM200,000 ditawarkan kepada PKS untuk membangunkan pelan jualan eksport dan pembiayaan kos-kos lain untuk menerokai pasaran baharu. Sehingga Oktober 2018, sejumlah 287 PKS telah menyertai Program Go-Ex dengan 37 pasaran baharu berjaya ditembusi dengan jualan eksport bernilai lebih kurang RM470 juta; dan
- (iii) Program Rangkaian Perniagaan (BLing) *which is basically a partnership* ataupun *matching*. Program ini bertujuan untuk mewujudkan peluang rangkaian perniagaan yang melalui sesi padanan perniagaan, *business matching* dan diaturkan. Program ini dilaksanakan oleh SME Corp. Inisiatif e-dagang juga dan perniagaan dalam talian, *online business* adalah digalakkan. Proses globalisasi dan aplikasi teknologi sebenarnya banyak membuka peluang perniagaan kepada usahawan merentasi sempadan. Justeru itu, inisiatif ini perlu digunakan dan dieksploitasi oleh usahawan untuk tujuan promosi, pemasaran dan mewujudkan jaringan kerjasama strategik dalam meningkatkan potensi perniagaan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, kementerian akan memperkukuhkan penglibatan usahawan untuk menggunakan platform yang sedia ada seperti *Lazada*, *11street*, *Shopee* serta lain-lain media sosial sebagai medium meluaskan pasaran di samping mempromosikan PKS. Sehingga Oktober 2018, sebanyak 116,000 buah syarikat dilaporkan telah berdaftar sebagai syarikat yang menjalankan aktiviti berkaitan e-dagang. Kementerian sedang dalam proses membangunkan program-program baharu untuk penambahbaikan, meningkatkan keupayaan dan pengembangan usahawan untuk bersaing di peringkat global. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 29 September 2018, Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa sumbangan IKS terhadap KDNK negara tidak begitu memberangsangkan. Hasil penyelidikannya kita berada di tangga yang ketiga daripada 65 buah negara. Ini juga menyebabkan beberapa faktor yang kalau diteliti perbandingan bajet bagi tahun 2019, jika dibandingkan dengan tahun 2018 berkurangan – TEKUN sahaja saya ambil satu contoh, daripada RM500 juta kepada RM100 juta kalau tidak silap saya. Ini bebanan IKS juga ditambah dengan tambahan gaji minimum pun akan memberi kesan kepada IKS.

■1020

Persoalan saya, apakah faktor yang menyebabkan sumbangan usahawan IKS dan KDNK negara pada tahun ini kurang memberangsangkan? Apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan bagi menyelesaikan perkara tersebut bagi menarik sebarang inisiatif kerajaan bagi membantu usahawan IKS ini yang mungkin boleh diteruskan yang boleh kita fikirkan bersama. Ini termasuklah kerajaan daripada Pakatan Harapan bagi menyelesaikan perkara-perkara yang saya nyatakan sebentar tadi. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat laporan *Mid-Term Review of the 11<sup>th</sup> Malaysia Plan*, kita ada menasaskan pertumbuhan atau sumbangan PKS kepada KDNK meningkat kepada 41 peratus. Dengan adanya belanjawan yang telah kita lihat, saya selalu sebutkan di mana-mana, kita kena buat ataupun dengan izin *we have less for more*. Kita ada sedikit berkurangan seperti disebutkan tadi, TEKUN tetapi kita *target*, nasaskan untuk membuat aktiviti-aktiviti keusahawanan yang lebih. Contoh dahulunya, kita lihat RM100 juta dikeluarkan oleh TEKUN tetapi tidak ada sistem pemantauan, apakah pulangan daripada RM100 juta yang kita telah beri bantuan menerusi TEKUN? Tidak ada langsung.

Contoh kalau kita lihat hari ini, saya sudah dapat tahu, dapat maklumat RM100 juta itu diberikan begitu sahaja. Tidak ada data bagaimanakah, apakah usaha-usaha yang mereka lakukan. Itulah dia antara perkara yang kita sedang kenal pasti untuk memastikan *the little that we have* dengan izin, *we have to do more*. Jadi, kita kena lebih efisien. Kita sudah menasaskan dalam satu kenyataan yang saya buat, peningkatan daripada PKS, sumbangan daripada golongan PKS Bumiputera, kita nasaskan kepada 70 peratus. Hari ini, sumbangan PKS yang saya lihat, sumbangan Bumiputera di bidang SME, PKS ini cuma bertahap 39 peratus.

Kalau kita tengok dari segi nilai, RM43 bilion sumbangan SME kepada KDNK negara, sumbangan bumiputera setakat lebih kurang RM170 bilion. Jadi, apabila kita nasaskan dengan adanya maklumat yang kita telah ketengahkan ataupun kita laporkan kepada peningkatan sumbangan bumiputera terhadap pertumbuhan KDNK, kita bolehlah ada satu titik tanda yang kita boleh laksanakan dengan lebih efisien supaya sedikit dana yang ada, kita boleh sumbangkan kepada pertumbuhan ini. Itu tadi saya bagi contoh sebagai TEKUN.

Antara lain yang kita akan laksanakan untuk memberangsangkan lagi— esok saya nyatakan di sini, kita akan mengumumkan satu Pelan Tindakan Pembangunan Usahawan

Nasional di mana kita akan butirkan apakah langkah-langkah strategik untuk memastikan penumbuhan itu dapat apa yang kita sasarkan menjadi kenyataan, *insya-Allah*. Esok kita akan lancarkan dan kita akan umumkan kerangka pelan tindakan ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, sumbangan PKS kepada eksport negara cuma 18 peratus, satu angka yang kecil. Kita juga sedia maklum selain kerajaan ada juga individu ataupun syarikat yang berusaha untuk menembusi pasaran luar. Ada juga badan perniagaan, ada juga *multinational companies*. Jadi soalan saya, apakah kerajaan akan melihat kepada pendekatan-pendekatan selain daripada pendekatan yang diambil oleh kerajaan termasuklah *strategic partnership* dengan syarikat-syarikat multinasional ataupun badan-badan perniagaan, *chambers of commerce*. Itu yang pertama.

Seterusnya, apakah langkah-langkah yang lebih agresif yang dirancang, diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa peratusan 18 peratus ini dapat ditingkatkan dengan mendadak memandangkan pasaran Malaysia yang kecil dan juga saingan yang semakin sengit di pasaran antarabangsa. Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Benar Tuan Yang di-Pertua, sumbangan eksport oleh PKS adalah bertahap pada lebih kurang 17 peratus. Antara perkara-perkara ataupun usaha-usaha yang agresif yang kita buat, kita akan melaksanakan contoh dalam masa terdekat, kita akan mengadakan hubungan ataupun perjanjian dua hala terutamanya apabila kita lihat pasaran ke timur, barangan halal. Itulah antara fokus kita. Pasaran halal begitu besar. Contohnya di Olimpik 2020, satu bulan pasaran USD300 juta. Jadi minggu depan contoh, kita akan mengadakan satu memorandum ataupun perjanjian untuk kita meningkatkan perdagangan ke negara Jepun untuk memenuhi kehendak atau permintaan di Olimpik. Itu sebagai satu platform ataupun landasan untuk melonjakkan lagi usaha kita dari segi pengenalan barangan kita untuk dieksport.

Di antara lainnya, kita juga menggalakkan industri automotif untuk dibangunkan semula untuk lebih kepada menyasarkan dari segi eksport barangan yang dikeluarkan oleh warga-warga tempatan ataupun usahawan-usahawan tempatan. Itulah di antara perkara yang boleh melonjakkan lagi paras kita boleh mengeksport barangan daripada 17 peratus kepada *insya-Allah*, lebih daripada 20 peratus. Terima kasih.

**3. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berkaitan *West Coast Expressway (WCE)* Banting ke Taiping, berapa tahun konsesi diberikan kepada *West Coast Expressway (WCE)* dan jajaran sepanjang 233km lebuh raya tersebut, berapa jumlah pondok kutipan tol yang akan didirikan oleh pihak konsesi yang dipersetujui oleh kerajaan terdahulu.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa berbesar hati untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh salah seorang Yang Berhormat kita yang sangat aktif sepanjang pengetahuan saya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat soalan ini telah dijawab ketika Sesi Pertanyaan Menteri (MQT) pada 18 Oktober 2018 yang lepas. Oleh itu jawapan saya pada hari ini adalah mengulangi jawapan yang sama yang telah diberikan dengan beberapa makluman-makluman tambahan, mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan keseluruhan projek Lebuhraya WCE sepanjang 313 kilometer ini telah dibahagikan kepada dua kaedah iaitu seperti berikut;

Kaedah penswastaan bertol. Kerja-kerja pembinaan dilaksanakan oleh pihak konsesi WCE Sdn. Bhd. iaitu melibatkan jajaran baharu sepanjang 233 kilometer. Bermula dari Jalan B18, Banting ke KLIA dan berakhir di Persimpangan Bertingkat Tanjong Karang, Selangor. Manakala di negeri Perak pula ia bermula dari Jambatan Sungai Bernam di Hutan Melintang dan berakhir berhampiran di Plaza Tol Changkat Jering, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS).

Kaedah konvensional JKR iaitu melibatkan skop menaik taraf Jalan Persekutuan 5 atau FR5 yang sedia ada sepanjang 81.5 kilometer. Bermula dari Tanjong Karang, Selangor ke Hutan Melintang, Perak yakni sejauh 50 kilometer dan dari Teluk Intan ke Kampung Lekir, Perak 31.5 kilometer. Kos pembinaan keseluruhan projek Lebuhraya WCE ini ialah sebanyak RM6.542 bilion iaitu meliputi pakej penswastaan dengan nilai RM5.044 bilion dan RM1.498 bilion untuk pakej konvensional yang dilaksanakan oleh JKR.

#### ■1030

Kaedah kutipan tol yang akan digunakan adalah sistem kutipan tol tertutup (*closed system toll*) dengan izin, di mana tol dikenakan jajaran baharu yang dibina oleh WCE Holdings Berhad sahaja. Manakala untuk laluan jalan persekutuan FR05 sedia ada yang dinaiktaraf oleh JKR, tidak dikenakan sebarang kutipan tol (*toll free*), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya sukacita memaklumkan bahawa jumlah keseluruhan plaza tol di sepanjang lebuhraya ini ialah sebanyak 20 semuanya, di mana enam plaza tol terletak di laluan utama dan 14 plaza tol lagi berada di persimpangan bertingkat. Mengenai tempoh konsesi pula Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perjanjian konsesi yang telah ditandatangani pada 2 Januari 2013, lima tahun yang lalu, tempoh konsesi lebuhraya ini ialah selama setengah abad, 50 tahun iaitu bermula dari tarikh perjanjian konsesi mula berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, kemajuan Lebuhraya WCE telah mencapai *progress* keseluruhannya 60 peratus dan ia akan dibuka secara berperingkat kepada pengguna mulai tahun hadapan, yakni 2019. Keseluruhan projek Lebuhraya WCE dijangka akan disiapkan pada tahun 2022 iaitu lewat dua tahun berbanding tarikh jangka siap asal pada bulan April 2020. Kelewatan ini Tuan Yang di-Pertua, disumbangkan oleh faktor proses pengambilan balik tanah dan juga faktor penentuan atau pemilihan jajaran bagi Seksyen 7 di Tanjong Karang, Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut kepada Yang Berhormat Sungai Besar bahawa Kementerian Kerja Raya amat memberikan perhatian kepada perjalanan projek ini. Malah saya sendiri selaku Timbalan Menteri Kerja Raya pernah melawat ke bahagian seksyen



tertentu dalam kawasan Parlimen Ahli Yang Berhormat pada 17 Ogos 2018 kerana mendapat tahu ada dua kemalangan maut berlaku di situ. Saya melihat sendiri tempat itu dan melihat sendiri bagaimana *traffic management* dijalankan kerana melibatkan orang ramai, orang kampung dan rakyat yang lalu lintas ketika projek ini berterusan sampai sekarang. Saya sempat menziarahi keluarga yang kematian ayahnya akibat satu kemalangan di situ. Kemudiannya Yang Berhormat Menteri kami juga sewaktu merasmikan satu jajaran di situ pada 12 Oktober 2018, telah juga ikut melawat kawasan itu.

Kami tahu penduduk, rakyat sentiasa menyatakan hal-hal yang berkaitan dengan perjalanan yang terlalu lama dan kekurangan-kekurangan yang berlaku dalam pelaksanaan projek ini. Di pihak kami di kementerian telah pernah kami bincang isu ini Yang Berhormat, dalam *post CAB* mingguan menunjukkan bahawa kementerian sangat prihatin kepada projek ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas pencerahan dan penjelasan. Sebagaimana jawapan Menteri, konsesi yang diberikan kepada syarikat WCE adalah selama 50 tahun oleh kerajaan terdahulu. Soalan saya, adakah kerajaan baharu Pakatan Harapan berhasrat mengkaji semula tahun konsesi yang diberikan memandangkan pada pandangan kita, 50 tahun konsesi adalah tidak munasabah dan berkaitan dengan satu laporan menyatakan bahawa projek ini sedang disiasat oleh SPRM. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Tuan Yang di-Pertua, memang tak ada suatu pun yang akan tetap dan begitu keadaannya selama-lamanya. Soal tempoh konsesi 50 tahun ini, namun pihak yang berunding, yang terlibat, yang telah membuat keputusan mengenai tempoh konsesi yang agak panjang ini adalah setelah mengambil kira berbagai-bagai faktor. Faktor yang paling utama yang kita berikan perhatian ialah soal kadar tol yang munasabah, kadar pulangan modal kepada pihak pelabur.

Semua ini telah dibincangkan secara mendalam oleh Jawatankuasa Penswastaaan yang diketuai oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan setakat ini, keputusan konsesi 50 tahun ini adalah suatu yang munasabah walaupun lamanya itu panjang. Ini kerana kita ambil kira tentang kadar tol yang akan terpaksa dibayar oleh rakyat. Kita boleh mempercepatkan tempoh ini, tetapi apakah rakyat nantinya bersedia menerima kadar tol yang tinggi? Oleh sebab itu panjang tempoh masa yang diberikan. Itu mengambil kira supaya kadar tol itu adalah yang *affordable* dengan izin, kepada pihak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, yang menentukan keputusan ini dalam jawatankuasa yang mengkaji hal ini melibatkan tidak cuma Kementerian Kerja Raya. Ia melibatkan Kementerian Kerja Raya bersama Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara. Saya percaya tempoh panjang untuk kadar tol yang munasabah masih boleh kita terima daripada mengenakan tol yang terlalu tinggi walaupun mungkin tempohnya itu tidak terlalu lama.

Tuan Yang di-Pertua, *benchmark* atau pengukur aras yang kita gunakan dalam menentukan kadar tol ini adalah berdasarkan kadar yang kita berikan kepada PLUS dalam tol

tertutup sebanyak RM13.96 sen satu kilometer yang kita anggap adalah suatu yang *affordable toll rate*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi, untuk Yang Berhormat Sungai Besar, setakat ini, itulah pendirian yang kita ambil dan seperti mana yang disebut, *nothing is permanent in this world* Tuan Yang di-Pertua, *except for changes*. Jadi kemungkinan-kemungkinan berlaku kemudian itu soal lain, tetapi setakat ini itulah keputusan yang kita ambil. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah tentu Yang Berhormat Menteri, sudah tentu kewujudan WCE nanti pada 2019 akan memberikan kesenangan kepada rakyat yang akan berulang alik terutamanya daripada Taiping ke Kuala Lumpur.

■1040

Saya ingin bertanya di sini, adakah kadar tol yang akan diwujudkan nanti sama berkadar dengan kadar tol yang PLUS lakukan sekarang? Adakah akan wujud kenaikan daripada tahun ke tahun?

Seperkara lagi, berapa peratus kah kerja-kerja kontrak ataupun pakej 233 kilometer WCE ini diberikan kepada bumiputera? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Sekarang tidak bersama saya angka berapa peratus yang diberikan kepada bumiputera. Saya percaya jawapan bertulis boleh dibuat mengenai hal itu.

Ahli Yang Berhormat yang bertanya, memang kita, seperti mana saya sebut tadi, dasar kadar tol bagi tol tertutup seperti ini akan didasarkan kepada yang kita berikan kepada pihak PLUS. Soal kita akan berusaha untuk tidak menaikkan kadar tol, kita berusaha supaya apabila masanya sampai untuk kenaikan pun seperti mana dalam perjanjian yang ada, kita akan berunding dengan pihak yang pemegang konsesi supaya tidak menaikkan tol tersebut dengan memberikan imbalan kepada mereka, misalnya memanjangkan sedikit lagi tempoh pemegang konsesi kepada mereka.

Itulah yang saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat. *Insya-Allah*, sebolehnya mungkin kita akan mempertahankan supaya harga tol tidak naik. Kalau sampai masa esok nanti kalau sampai keadaan mengizinkan, tol ini pun, seperti mana disebut, yang kita janjikan, akan diberikan— kita akan kaji semula keberadaannya. Terima kasih.

**4. Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan komitmen dan tekad kerajaan untuk melaksanakan semua resolusi yang dicadangkan sewaktu Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018. Apakah strategi jangka masa pendek dan sederhana dalam merealisasikan keutuhan ekonomi bumiputera.

**Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018 atau KBN 2018 yang telah diadakan pada 1 September 2018 adalah kongres ekonomi Bumiputera yang keenam setelah diadakan pada tahun 1965, 1968, 1980, 1992 dan 1999.

Suasana dan cabaran pada hari ini pastinya berbeza dengan beberapa dekad yang lalu. Maka, Kongres Bumiputera Negara 2018 dianjurkan untuk mendapatkan maklumat balas dan

input daripada pelbagai pihak tentang usaha untuk memperdayakan ekonomi bumiputera selaras dengan cabaran ekonomi semasa. Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk melaksanakan resolusi yang dicadangkan dalam kongres ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kongres ini telah mendapat penyertaan yang amat menggalakkan. Seramai 2,500 peserta kongres termasuk dari Sabah dan Sarawak telah mengambil bahagian yang aktif sepanjang kongres berlangsung.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapatama telah melontarkan beberapa gagasan baharu dan menggesa satu anjakan minda di kalangan bumiputera dan orang Melayu agar menggarap ilmu dan kemahiran, bersedia untuk bersaing, memiliki nilai-nilai moral dan etika, budaya kerja yang baik dan menolak rasuah. Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut jelas menunjukkan komitmen kerajaan baharu untuk menjadi sebuah kerajaan yang *business-friendly* dan mendukung usaha untuk memperdayakan ekonomi bumiputera dan orang Melayu.

Pembentangan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) yang menekankan soal nilai dan integriti telah menjadi teras utama dalam kongres ini dan mendapat sambutan yang cukup positif daripada peserta komuniti ekonomi bumiputera. Ini menunjukkan satu pendekatan dan penerimaan yang berbeza di kalangan usahawan bumiputera. Peserta menerima baik saranan GIACC dalam memperkukuh sistem penyampaian dan penyertaan orang Melayu dan Bumiputera serta mendukung tindakan tegas terhadap mereka yang mensabotaj ekonomi.

Kongres ini telah menghasilkan 63 cadangan resolusi merangkumi empat bidang fokus iaitu nilai, moral dan etika, pendidikan dan modal insan, pemilikan dan penciptaan kekayaan serta keusahawanan dan perniagaan. Sebahagian daripada cadangan resolusi kongres telah pun diambil kira dalam hala tuju strategi dan inisiatif Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

Antara cadangan resolusi jangka pendek yang telah dikemukakan adalah seperti berikut:

- (i) Menjadikan Kongres Bumiputera Nasional sebagai platform untuk memantau pelaksanaan resolusi menepati niat serta aspirasi komuniti bumiputera negara;
- (ii) menstrukturkan semula agensi sedia ada supaya lebih efektif dan efisien serta bebas daripada campur tangan politik;
- (iii) menubuhkan jawatankuasa tindakan khusus yang melibatkan kementerian dan agensi untuk mengkaji dasar dan akta di peringkat Persekutuan dan negeri;
- (iv) memperkasakan agensi sedia ada untuk mengawal selia dan melibatkan diri dalam pembangunan tanah rizab dan tanah wakaf; dan
- (v) mewujudkan pangkalan data yang bersepadu dan boleh diakses daripada pelbagai agensi sedia ada menuju ke arah inisiatif *big data*.

Manakala antara cadangan resolusi jangka sederhana yang telah dikemukakan adalah:

- (i) Mencadangkan kajian semula dasar perolehan kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan berhubung keutamaan kepada syarikat bumiputera;
- (ii) menggalakkan pengambilalihan kawalan atau *management buyout* bagi anak-anak syarikat yang bukan utama bagi GLC yang berpotensi untuk berkembang;
- (iii) mengumpul, menyelaras dan memusatkan informasi kepada satu pangkalan data yang dapat menyalurkan maklumat tentang keusahawanan di bawah satu kementerian atau agensi yang ditentukan;
- (iv) mewujudkan undang-undang penyalahgunaan kuasa berkaitan integriti; dan
- (v) mewujudkan Tabung Pembiayaan Pendidikan Bumiputera ataupun *Bumiputera Education Fund* yang dibiayai melalui sumbangan GLC, syarikat dan individu bagi membiayai pengajian golongan yang memerlukan berdasarkan pendapatan, latar belakang dan keupayaan.

Dalam hal ini, pelaksanaan resolusi akan diwajibkan dengan pelan pelaksanaan dasar KSP Rancangan Malaysia Kesebelas, mengenal pasti kementerian atau agensi untuk menerajui strategi dan inisiatif dengan *milestone* tertentu bagi memastikan pelaksanaan setiap resolusi tersebut.

Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk memastikan agenda Bumiputera kekal sebagai agenda nasional. Dalam hal ini, Tonggak 2 dalam dokumen KSP Rancangan Malaysia Kesebelas telah memberi penekanan khusus kepada strategi memperkukuhkan komuniti ekonomi bumiputera. Ini termasuk inisiatif untuk memperkukuhkan keberkesanan institusi dan program, memperkasa pendidikan dan modal insan, meningkatkan kawalan efektif dan kemapanan dalam pemilikan ekuiti korporat, meningkatkan pemilikan kekayaan serta membina komuniti ekonomi bumiputera yang berdaya tahan dan mapan.

Ahli Yang Berhormat boleh merujuk ke muka surat 11 hingga 13 dokumen KSP Rancangan Malaysia Kesebelas yang mencerakinkan strategi dan inisiatif secara terperinci. Terima kasih.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang pada saya amat padat dan lengkap. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sentiasa melakukan ikhtiar yang berterusan dalam mengangkat agenda bumiputera sebagai agenda nasional.

Saya tertarik bila mana Yang Berhormat Menteri sebut tentang soal penciptaan dan pemilikan kekayaan. Ini kerana ada dua, tiga instrumen yang saya lihat, dengan izin, *not has been fully unlock*. Contohnya tadi sebagai mana disebut *endowment*, tanah wakaf.

Demikian juga berkaitan dengan *estate* ataupun pusaka. Kalau kita dapat tinjau *the unadministered estate* yang dimiliki oleh bumiputera di bawah Amanah Raya, jumlahnya telah mencecah hampir bilion malahan puluhan bilion. Demikian juga wakaf. Bayangkan kalau ini dapat *diunlock*, ia akan mencipta kekayaan yang baharu dan lebih *sustainable*.

## ■1050

Selain daripada itu juga Yang Berhormat Menteri, mengikut satu laporan yang disebut dalam *State of the Global Islamic Economy 2018/2019* yang meletakkan Malaysia sebagai kedudukan yang paling nombor satu dalam *Islamic finance*. Saya sebut begini sebabnya ialah kerana *the State of Global Islamic Economy* ini, dia punya pasaran nilai dia ataupun dalam *halal industry* nilai dia hampir mencecah 2.5 trilion. Dijangka akan menjadi 3.3 trilion pada 2023. Antara yang kita hebat adalah dalam *Islamic financing*.

Akan tetapi, dalam soal *halal travel*, *halal food*, *modest fashion* dan banyak lagi *halal pharmaceutical*, kosmetik yang saya lihat ini mungkin menjadi *niche area* dalam juga melihat sumber ataupun *area* kekayaan, sumber kekayaan yang baharu untuk bumiputera. Akan tetapi malangnya saya tidak lihat ini terwujud seperti dorongan besar daripada pihak kerajaan bila mana bajet untuk halal diturunkan daripada satu bilion kepada hanya sekadar 100 juta.

Jadi soalan saya, apakah Yang Berhormat Menteri mempunyai perancangan untuk melihat bidang-bidang perekonomian baharu yang berbentuk sebagai *strategic advantage* ataupun yang dalam bidang-bidang *niche*? Ia bagi memastikan hasrat untuk mewujudkan *Bumiputera commerce and industry community* yang berjaya ini dapat dicapai melalui reformasi agenda pemerikasaan bumiputera di bawah kementerian ataupun di bawah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas yang dapat membantu Dewan yang mulia ini untuk melihat bagaimana kita dapat berbincang bagi mencipta pemilikan kekayaan di kalangan golongan bumiputera dan Melayu.

Antara langkah yang telah pun saya nyatakan dalam jawapan awal ialah untuk melihat usaha bagi mencipta nilai terhadap tanah-tanah wakaf dan juga tanah-tanah *reserved* Melayu. Di mana yang hari ini kita sedia maklum sebahagian besar daripada tanah-tanah ini juga terletak di kawasan-kawasan yang strategik, yang mempunyai nilai yang begitu tinggi sekiranya kita ada usaha untuk membangunkan secara menyeluruh dan bersepadu.

Saya menyambut baik saranan Yang Berhormat Kepala Batas supaya perkara ini dapat dilihat dan telah pun dinyatakan dalam resolusi kongres ini supaya kerajaan memberikan penekanan terhadap usaha membangunkan tanah-tanah wakaf, tanah-tanah *reserved* Melayu dan juga tanah-tanah pusaka yang terletak di bawah penguasaan Amanah Raya supaya nilai tanah-tanah itu dapat ditingkatkan.

Saya juga amat bersetuju tentang cadangan Yang Berhormat Kepala Batas tentang instrumen-instrumen baharu dalam sistem perbankan dan kewangan Islam yang harus menjadi model kepada negara-negara lain. Malaysia pada satu ketika dahulu telah pun mencipta beberapa instrumen baharu untuk diperkenalkan dalam sistem perbankan Islam dan telah menjadi contoh kepada negara-negara termasuk negara-negara Barat dan negara maju.

Cuma, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepala Batas ialah bagaimana industri halal ini dapat diperkembangkan? Ia kita telah pun mewujudkan inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebagai *halal hub* tetapi usaha ini harus ditingkatkan walaupun peruntukan yang

dibahaskan dan akan diluluskan ini merekodkan satu angka yang lebih kecil memandangkan kedudukan kewangan negara pada hari ini.

Namun, kita juga boleh bekerjasama dengan negeri-negeri yang telah memulakan usaha ini secara besar-besaran termasuk negeri Pulau Pinang, negeri Selangor dan beberapa negeri yang lain, untuk melihat bagaimana kita boleh *move the value chain* dan membina ekosistem yang lebih bersepadu, bukan sahaja dari segi produk tetapi dari segi sumber untuk membangunkan produk itu juga harus memenuhi istilah dan definisi halal itu termasuk *financingnya*, *raw materials* dan supaya ekosistem itu benar-benar menjadi satu produk yang halal, bersih untuk mendapat pasaran. Ini kerana pasaran halal ini begitu besar. Bukan sahaja di kalangan negara-negara Islam tetapi juga negara-negara yang bukan Islam telah menerima produk halal ini sebagai produk penting untuk diperdagangkan. Terima kasih.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Akta Perolehan Kerajaan (APK) diharap dapat mengawal selia proses perolehan bagi memastikan ketelusan dan persaingan terbuka. Baru-baru ini, Majlis Tindakan Ekonomi Melayu Bersatu telah membuat satu komentar dan berharap, hanya kontraktor Bumiputera yang berkelayakan dan tulen akan berpeluang untuk mendapat kontrak kerajaan yang dikhaskan untuk bumiputera.

Soalan saya, apakah langkah kerajaan untuk memastikan— menghapuskan amalan Ali Baba yang pernah diamalkan pada suatu zaman, satu ketika dahulu? Soalan saya Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Ini satu perkara yang amat menarik berlaku dalam kongres ekonomi bumiputera dan negara baru-baru ini. Di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah dengan tegas dan berani mengajak usahawan bumiputera dan Melayu menolak budaya lama dengan mendapat sokongan politik, mendapat AP dan kemudian menjual dengan mudah untuk mendapatkan keuntungan singkat dan disusuli dengan kertas pembentangan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Abu Kassim yang meminta supaya satu penegasan melalui akta bagi memastikan tidak ada lagi amalan Ali Baba dalam perolehan kerajaan.

Seperti yang saya nyatakan dalam jawapan awal, saya teruja kerana sambutan daripada peserta itu amat baik. Memberikan tepukan yang gemuruh kepada Tan Sri Abu Kassim apabila beliau menyatakan perlu ada satu akta untuk dikenakan kepada mereka yang sabotaj ekonomi negara iaitu apabila mendapat perolehan ataupun kontrak, kemudian menjualnya kepada orang lain semata-mata untuk mendapat keuntungan. Maka, ini tidak berlaku pada zaman yang sebelum ini. Ini kerana budaya ketika itu, kontrak diperoleh melalui sokongan politik ataupun dengan cara tidak terbuka.

Akan tetapi, bila Tan Sri Abu Kassim mencadangkan supaya sistem Ali Baba ini ditolak, amalan rasuah hendaklah dihentikan dan harus diadakan secara terbuka dan memberikan peluang kepada golongan bumiputera yang mempunyai ilmu kemahiran, integriti dan ia mendapat tepukan yang gemuruh. Ini merupakan satu budaya baharu di kalangan usahawan

Bumiputera yang bersedia untuk bersaing berdasarkan merit, kemahiran dan kepakaran masing-masing. Jadi, saya melihat kita mempunyai masa depan yang cukup cerah kerana orang Melayu dan Bumiputera hari ini sudah bersedia untuk bersaing dalam pasaran terbuka dan memberikan sistem penyampaian yang terbaik untuk meningkatkan produktiviti negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sandakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh tambah satu lagi? Boleh tambah soalan penting?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan penting?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Silakan Yang Berhormat Pontian. Sebab saya nampak Yang Berhormat Pontian sudah bangun banyak kali. Boleh Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sebab ini perkara penting. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapakah jumlah peratus pemilikan ekuiti bumiputera pada saat dan ketika ini dan bagaimana kaedah untuk meningkatkannya? Berapakah peratus jumlah profesional daripada pelbagai kumpulan secara keseluruhan peratus iaitu 30 peratus kah atau 40 peratus kah yang telah dicapai pada setakat ini dan apakah kaedah untuk meningkatkannya? Dua perkara. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya akan memberikan jawapan secara bertulis tentang angka pemilikan sebenar iaitu pemilikan ekuiti bumiputera pada ketika ini. Namun, saya hendak tegaskan beberapa inisiatif yang dijalankan oleh Ekuinas itu sedang terus diperkasakan supaya syarikat-syarikat bumiputera yang memerlukan suntikan modal dan juga teknologi dan kemahiran dapat diberikan bantuan.

Saya percaya Yang Berhormat Pontian sedia maklum bahawa antara matlamat penubuhan Ekuinas ialah untuk membantu syarikat-syarikat bumiputera yang bersaiz sederhana bagi mendapatkan modal dan dengan suntikan daripada Ekuinas ini, syarikat bumiputera itu dapat diperkembangkan dan dalam satu tempoh di antara tiga hingga enam tahun, syarikat-syarikat ini akan dapat dinaikkan prestasi dan produktiviti dan akan memberikan pulangan yang baik kepada pihak yang berkenaan.

#### ■1100

Namun Ekuinas juga ada – seperti saya nyatakan semalam mengambil alih syarikat bukan Bumiputera, tetapi dengan hasrat untuk menjadikan syarikat itu dimiliki oleh Bumiputera dan kita meletakkan pengurusan syarikat itu di kalangan golongan profesional Bumiputera. Ini telah berlangsung dengan baik dan saya boleh memberikan angka-angka ini kepada Yang Berhormat secara bertulis kerana ia melibatkan perkara yang spesifik. Saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

5. **Datuk Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dasar pertukaran kad pengenalan merah ke biru kepada golongan yang berkeelayakan berdasarkan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 dan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018, penganugerahan kewarganegaraan kepada pemegang kad pengenalan pemastautin tetap ataupun MyPR yang berumur 60 tahun ke atas adalah tertakluk kepada pematuhan syarat seperti mana di peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini pertimbangan bagi setiap permohonan adalah berdasarkan kepada prosedur operasi standard ataupun SOP yang telah mengambil kira aspek kemanusiaan serta diperincikan daripada peruntukan Perlembagaan Persekutuan seperti mana berikut:

- (i) memenuhi tempoh permastautinan yang dikira daripada pemegang MyPR seperti berikut:
  - (a) dua tahun bagi permohonan di bawah perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan oleh isteri kepada warganegara Malaysia; atau
  - (b) tujuh tahun bagi permohonan di bawah perkara 16 Perlembagaan Persekutuan oleh individu berumur 18 tahun dan ke atas yang mengemukakan sijil kelahiran sebagai bukti dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka atau 12 tahun bagi permohonan di bawah perkara 19 Perlembagaan Persekutuan oleh individu berumur 21 tahun dan ke atas.
- (ii) mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang diukur melalui tiga komponen ujian pengetahuan bahasa Melayu atau UPBM iaitu lisan, membaca dan menulis. Dalam hal ini pemohon berumur 60 tahun dan ke atas diberikan kelonggaran seperti berikut iaitu selaras dengan apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
  - (a) dikecualikan daripada menjalani komponen membaca dan menulis;
  - (b) pertimbangan bagi pemohon yang mendapat gred terendah dalam UPBM; dan
  - (c) berkelakuan baik yang dinilai melalui tapisan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia. Dalam hal ini pemohon berumur 60 tahun dan ke atas yang gagal tapisan keselamatan masih dipertimbangkan untuk dianugerahkan kewarganegaraan sekiranya kesalahan



dilakukan lebih 20 tahun yang lalu dan bukan dalam kategori jenayah berat, jenayah profesional atau jenayah terancang.

Perlu ditegaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa para pemohon yang telah mendapat kelulusan perlu hadir di Jabatan Pendaftaran Negara bagi mengangkat sumpah selaras dengan jadual pertama.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ada juga pemohon-pemohon yang telah mendapat surat kelulusan ini, mereka beranggapan bahawa mereka telah secara automatik dianugerahkan kewarganegaraan, sebenarnya itu tidak benar. Apa yang penting setelah mereka mendapat kelulusan ini, mereka masih perlu untuk hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara bagi proses mengangkat sumpah selaras dengan Jadual Pertama Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya membuat pembayaran fi sebelum dikeluarkan dengan sijil kewarganegaraan.

Dalam hal ini kad pengenalan MyKad hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah mempunyai sijil tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapannya begitu jelas. Namun di sini saya ingin bertanya, nampaknya satu SOP begitu jelas yang memproses permohonan kewarganegaraan ini. Dua tahun, tujuh tahun dan 12 tahun.

Akan tetapi soalan saya ini, mengapakah kita nampaknya ada banyak lagi permohonan yang susah mendapatkan kewarganegaraan, walaupun dia telah memohon selama berpuluh tahun. Ada yang telah memohon sehingga 30 tahun tanpa mendapat sebarang jawapan dari kementerian tertentu. Saya juga ingin tahu, berapa banyak pemegang kad pengenalan merah yang telah bertukar kepada IC biru yang telah dianugerahkan kewarganegaraan sehingga hari ini? Sekian.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan Yang Berhormat Sandakan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Dalam Negeri sedang berusaha untuk mengambil tindakan segera terhadap semua permohonan kewarganegaraan secara berperingkat atau selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh kementerian akan diproses dan diteliti bagi memastikan bahawa yang memohon ini benar-benar layak dari segi undang-undang, sebagaimana yang tertulis di dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Justeru itu tempoh bagi mendapatkan keputusan sesuatu permohonan kewarganegaraan ini adalah berbeza-beza mengikut kes. Kadang-kadang ada juga permohonan yang dihantar kepada kita, tetapi bilamana dokumen-dokumen sokongan itu tidak disertakan, membuatkan permohonan itu akan memakan masa yang agak panjang. Selain daripada itu kita pun sedia maklum, bahawa setiap permohonan ini akan ada *vetting* daripada agensi-agensi lain, khususnya daripada Polis Diraja Malaysia sebagaimana telah disebut sebentar tadi dalam jawapan saya bahawa, kita akan melihat sama ada pemohon-pemohon ini mempunyai rekod-rekod jenayah yang lepas.

Jadi, pada ketika hari ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil maklum tentang proses ini agak lambat. Ini kerana setiap dokumen yang kita serahkan kepada agensi-agensi lain khususnya Polis Diraja Malaysia, masih dilakukan secara manual. Tidak ada satu sistem khusus yang membolehkan pihak JPN untuk menggunakan sesuatu sistem untuk mengenal pasti bahawa pemohon-pemohon ini mempunyai rekod-rekod jenayah yang lepas.

Oleh sebab itu, selaras dengan aspirasi Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, beliau telah meminta untuk saya mempengerusikan satu jawatankuasa khusus untuk memanggil semua agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri untuk mengkaji dan melihat dari aspek proses pelaksanaan, dari segi *information sharing* dengan izin, di bawah kementerian ini. Melalui sistem ini, *insya-Allah* setelah ia diperkenalkan nanti, pihak PDRM akan memasukkan semua data-data yang diperlukan oleh agensi lain khususnya seperti mana saya sebutkan tadi, Jabatan Pendaftaran Negara apabila ia melibatkan rekod-rekod jenayah yang pernah dilakukan oleh mana-mana individu. Pihak JPN hanya boleh mengakses maklumat ini melalui satu sistem yang akan diperkenalkan nanti. Jadi, ini di antara satu langkah-langkah yang akan kita ketengahkan bagi mempercepatkan proses-proses ini. Sekian dan terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Satu ketika dahulu Perdana Menteri kita pernah menyasarkan supaya penduduk negara mencecah 70 juta orang. Dengan pelbagai pendekatan yang hendak dibuat. Oleh sebab negara kita menjadi suatu negara tumpuan, bukan sahaja dari segi pekerjaan, bahkan dari segi pelancong dan sebagainya. Malahan ramai daripada mereka ini yang terpaksa kadang-kadang melanggar undang-undang negara, melebihi tempoh yang dibenarkan sebagai pelancong, pekerja dan sebagainya. Akhirnya mereka berusaha untuk mendapatkan kewarganegaraan.

Saya hendak tambah soalan yang dikemukakan oleh yang pertama tadi. Berapakah jumlah rakyat kita yang telah mendapat kewarganegaraan ini dan dari negara mana mereka ini? Saya juga ingin tahu, kita juga hendak tahu, apakah sasaran kerajaan? Apakah kerajaan menyasarkan supaya penambahan penduduk di negara kita ini dibuat melalui pengambilan penduduk-penduduk daripada negara lain.

■1110

Sedangkan, sepatutnya kita menambah penduduk negara kita dengan memastikan supaya faedah yang diperoleh yang dijana oleh negara ini kembali kepada rakyat kita. Sebagai contoh, hari ini kita ada berapa juta orang pekerja asing? Billion ringgit keluar, Timbalan Menteri Sumber Manusia, ya. Keluar negara. Ini kerana hasil pendapatan yang diperoleh oleh pekerja asing. Jadi, setakat ini saya mahu tahu juga, berapa ramai sebenarnya rakyat Malaysia yang telah diberikan anugerah kewarganegaraan sehingga mereka menjadi rakyat negara ini? Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Maran.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Maran.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Yang Berhormat Maran. Sebenarnya saya tertinggal tadi soalan Yang Berhormat Sandakan berkenaan bilangan yang telah diluluskan dan bersekali saya jawab dengan soalan Yang Berhormat Maran.

Pertama, soalan yang tadi yang disebut bahawa warga asing. Ingin saya tegaskan di sini bahawa warga asing yang masuk ke negara kita melalui proses yang salah, kita tidak pernah pertimbangkan untuk berikan MyPR. Ini yang perlu kita fahami bahawa hanya mereka-mereka yang masuk ke negara kita mengikut proses yang sah, tinggal di negara kita dalam satu tempoh masa yang telah ditetapkan yang disebutkan tadi iaitu mengikut perundangan, maka inilah orang-orang yang akan kita pertimbangkan.

Mereka-mereka yang masuk ke negara kita melalui lorong-lorong tikus, masuk secara haram ini kalau kita jumpa, kita tangkap dan kita hantar semula. Maknanya, tidak ada pertimbangan yang diberikan oleh kerajaan. Kita tidak akan kompromi dalam sudut itu. Bagi menjawab soalan berapakah bilangan jumlah yang telah diluluskan? Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara, telah merekodkan sejumlah 57,191 orang individu bertaraf pemastautin tetap ataupun pemegang MyPR yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia dari tahun 2008 sehingga 30 September 2018.

Pecahan mengikut negeri-negeri itu, saya tidak ada maklumat ini di atas meja saya dan saya berikan jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**6. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah pelan kementerian untuk mengatasi masalah OKU yang tidak dapat peluang pekerjaan, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah pekerjaan untuk golongan OKU yang ingin bekerja dan berdikari.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Baling. Terima kasih di atas soalan Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Sumber Manusia dari semasa ke semasa membantu rakyat Malaysia meningkatkan taraf sosioekonomi melalui penawaran peluang-peluang pekerjaan dan latihan kemahiran kepada golongan rentan, termasuk orang kurang upaya (OKU). Kementerian Sumber Manusia juga menyelaraskan tanggungjawab semua peranan jabatan dan agensi di bawah kementerian dan mempengerusikan Jawatankuasa Pekerjaan bagi Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya.

Selain itu, menggalakkan majikan memberikan peluang pekerjaan kepada OKU. Manakala, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) berfungsi sebagai menjaga hak dan kebajikan dari aspek pengajian melalui Akta Kerja 1955. Dalam sektor awam pula, mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16, Tahun 2010 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA menggalakkan pengambilan OKU sekurang-kurangnya satu peratus dalam perkhidmatan awam.

JPA juga telah menguatkuasakan dasar satu peratus pengambilan kakitangan awam kepada semua kementerian, jabatan, agensi, selaras dengan pekeliling tersebut. Manakala, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) juga telah menambah baik proses dan prosedur temu duga pengambilan OKU yang bersesuaian untuk calon OKU sebagai penjawat awam.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga, sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menjalankan dan melaksanakan Program Penempatan Pekerjaan yang dikhususkan kepada golongan OKU.

Di samping itu, Pusat JobsMalaysia Centre (JMC) Negeri juga terus berusaha untuk meningkatkan dan menambahbaikkan keberkesanan serta mengoptimumkan penempatan pekerjaan dalam kalangan OKU. Berdasarkan kepada laporan penempatan JMC, sehingga September 2018, seramai 537 orang yakni terdiri daripada 350 orang lelaki dan 187 orang wanita dari kalangan orang kurang upaya (OKU) telah berjaya ditempatkan di dalam sektor pekerjaan.

Kerajaan juga melalui KSM, komited untuk meneruskan Program Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya. Peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dari tempoh tahun 2016 hingga tahun 2020, bagi membantu usahawan-usahawan OKU yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan menerusi pemberian geran perniagaan yang bertujuan meningkatkan penyertaan OKU dalam perniagaan, seterusnya pengajian OKU sendiri.

Sehingga 30 September 2018, seramai 54 orang OKU telah berjaya dibantu oleh kementerian melalui geran ini untuk tahun 2018. Sehingga kini, daripada rekod yang ada, iaitu daripada tahun pelaksanaan RMKe-9 lagi tahun 2007 sehingga Oktober 2018, seramai 1,061 orang OKU yang telah dibantu untuk menjadi usahawan. Kementerian melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah memperkenalkan OKU Talent Enhancement Programme (OTEP) pada tahun 2016.

Program ini menyediakan geran latihan khusus kepada majikan yang menggajikan OKU yang berdaftar dengan PSMB. Majikan layak menuntut geran sebanyak RM500 sebulan untuk tempoh tiga bulan pertama bagi setiap OKU yang telah diambil bekerja meliputi yuran kursus dan peralatan bahan semasa menghadiri kursus.

KSM juga melalui Jawatankuasa Pekerjaan di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya, sentiasa memberikan keutamaan meningkatkan hak dan insentif pengajian OKU melalui Karnival Kerjaya Khas OKU, pada setiap tahun bertujuan pepadanan pekerjaan OKU dengan majikan yang berminat mengajikan OKU. Karnival Kerjaya yang dianjurkan telah juga diberikan nilai tambah dengan pendedahan peluang latihan dan kemahiran serta keusahawanan.

Penggajian OKU di bawah suatu kontrak perkhidmatan menikmati faedah dan perlindungan yang sama di bawah perundangan perburuhan sebagai mana yang ditakrifkan di bawah Jadual Pertama, Akta 265. JTK juga menjalankan aktiviti penempatan pekerjaan untuk OKU serta memberikan peluang perniagaan orang kurang upaya membesarkan perniagaan melalui Skim Bantuan Perniagaan untuk orang kurang upaya. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ucapan yang begitu panjang lebar. Akan tetapi, bagi saya, terima kasihlah apa yang telah dilakukan oleh kerajaan di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi, masih ada lagi jurang yang mana kalau kita tengok informasi tambahan yang boleh saya kongsi dengan pihak kementerian,

menurut pegawai tadbir *recession counseling*, kerjaya di Universiti Malaya iaitu Firdaus Hasan. Isu utama mahasiswa OKU bukanlah jumlah atau kemudahan yang disediakan oleh universiti. Akan tetapi, mereka masih gagal mendapat tempat dalam industri pekerjaan.

Walau bagaimanapun, sebelum ini, akhbar tempatan pada 30 April. Ini hendak jawab apa yang Menteri sebutkan tadi, satu peratus. Setakat hari ini, di kalangan OKU hanyalah 0.24 peratus daripada 1.6 juta orang penjawat awam di Malaysia, keratan akhbar pada 30 April yang lalu. Angka ini masih terlalu rendah daripada sasaran kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 untuk menyediakan satu peratus peluang pekerjaan kepada golongan OKU dalam sektor awam menjelang tahun 2020. Kita ada lebih kurang setahun lebih lagi, dua tahun. Jadi, saya harap kerajaan boleh memikirkan kaedah-kaedah, apakah insentif-insentif yang boleh kita tambah baik untuk kita berikan kepada majikan yang menggaji pekerja-pekerja OKU ini bagi membantu mereka menyediakan kemudahan tempat kerja yang kondusif kepada mereka.

Seterusnya menyediakan kuota khas. Apakah kuota khas kepada penjawat awam ini dapat kerajaan melaksanakan dalam satu program yang boleh mempromosikan galakan kepada industri bagi memberikan peluang pekerjaan kepada golongan OKU ini? Selain daripada yang berbanding daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi, ini soalan tambahan saya, apakah ada kuota yang boleh kita wujudkan kepada OKU ini untuk mencapai sasaran satu peratus dan juga kita fikirkan insentif-insentif kepada majikan untuk menarik lebih ramai lagi golongan OKU diberikan peluang pekerjaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat Baling. Rakan saya daripada satu negeri iaitu negeri Kedah. Hari ini nampak bersih eloklah. Baik, terima kasih. Pada Januari 1997, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengadaptasikan pengurusan elektronik dalam perkhidmatannya apabila sistem pengambilan berkomputer iaitu sistem mengambil sepanjang masa diperkenalkan.

#### ■1120

Sistem ini direka bentuk dan dibangunkan oleh urus setia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam tahun 1995/1996 dan dilancarkan oleh KSN pada 21 Disember 1996. Dengan adanya SMSM, ia akan memastikan urusan pengambilan dapat dilaksanakan secara berterusan. Ini antara cara-cara bagaimana kemudahan-kemudahan yang kita sediakan.

Namun begitu, untuk Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa sasaran satu peratus itu masih belum tercapai dan Yang Berhormat kata 0.24 peratus. Kalau ikut rekod kami ini, 0.29 peratus. Antara kementerian yang mencapai sasaran dan melebihi sasaran satu peratus itu ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dia sudah sampai ke 1.59 persen. Oleh sebab dia menjaga OKU, sudah tentulah dia lebih mengambil berat dan mudah untuk melihat di manakah keperluan-keperluan di kementerian dia bersesuaian dengan kecacatan-kecacatan kepada OKU dengan keperluan pekerjaan itu sendiri.

Kementerian Sumber Manusia— 0.68 persen. Pada tahun ini sahaja, kami mengambil 51 orang OKU untuk bekerja di kementerian dan ada di kalangan mereka juga mempunyai kedudukan yang sangat tinggi di bahagian perundangan dan sebagainya. Ini usaha yang

dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia dan kita harap bahawa pekeling JPA itu akan dapat diikuti oleh semua kementerian malah akan diberikan perhatian secara yang serius.

Namun, sudah tentulah akan ada masalah kepada pihak sektor awam ini dan juga pihak-pihak yang lain swasta dan sebagainya, kerana untuk hendak sesuaikan pekerjaan dengan masalah kecacatan yang ada itu, itu yang menjadi masalah. Jadi sebab itu mungkin mereka ini lebih sesuai gred 'N' perkeranian, gred 'W' kewangan ataupun gred 'F' dalam bidang IT.

Akan tetapi kalau dalam penguatkuasaan ini, agak sukarlah mereka hendak bergerak dan sebagainya sebab jawatan-jawatan itu memerlukan pergerakan. Kalau mereka mempunyai kecacatan-kecacatan yang menyulitkan mereka untuk hendak bergerak, maka sudah tentu agak sukar bagi jabatan, agensi ataupun pihak swasta untuk mengambil mereka bekerja.

Namun, kita sentiasa memberikan perhatian terhadap ini dan cadangan Yang Berhormat itu kami sedia mengambil maklum. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menjurus kepada Kapar, soalan tambahan.

Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya memahami hasrat dan iltizam Kerajaan Pakatan Harapan. Setelah kita rungaikan beberapa perkara termasuk Yang Berhormat Baling membicarakan sebentar tadi, setakat ini, sekitar laporan yang diterima, sebanyak tidak capai satu persen atau 0.24 persen. Manakala laporan daripada kementerian-kementerian tertentu yang melibatkan OKU ini, 0.5 peratus dan juga ada yang 68 peratus. Sasaran kementerian pada Rancangan Malaysia Kesebelas ini menyasarkan satu peratus kepada setiap kementerian.

Namun, yang saya nampak hari ini ialah persiapan pada orang-orang OKU ini, adakah dia bermula daripada peringkat vokasional? Untuk mengenal pasti spesifikasi mereka ini membolehkan mereka bekerja tanpa gangguan, tanpa ada yang boleh menghalang mereka untuk mendapat pekerjaan itu.

Maka soalan tambahan saya ialah, yang sebenar-benarnya sasaran peratus OKU di sektor awam ini sebetul-betulnya berapa peratus, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Setakat sekarang ini berapa? Mengelirukan saya. Berapa yang sebenar-benarnya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar: [Ketawa]** Hebat Yang Berhormat Kapar ini. Ini baru pejuang sebenar bagi saya. Tabik Yang Berhormat Kapar.

Macam saya sebutkan tadi bahawa mengikut rekod kementerian kami, sekarang ini 0.29 peratus dalam sektor awam. Itu merupakan berasaskan daripada pekeling JPA yang telah pun dikeluarkan sejak daripada sebelum-sebelum ini.

Namun begitu, bagi kami, macam saya sebutkan tadi, bahawa kita sangat menggalakkan OKU ini bukan sahaja untuk mereka ditempatkan dalam sektor-sektor pekerjaan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi juga untuk menggalakkan mereka terlibat dalam bidang-bidang keusahawanan. Ini yang cuba dilakukan melalui peruntukan skim penggalakan keusahawanan dalam OKU ini sejak daripada sebelum ini sebanyak RM10 juta dalam RMKe-11 ini dan kementerian telah pun

membelanjakan RM1.9 juta untuk tahun ini. Setahun RM2 juta. Untuk tahun ini sahaja kita telah membelanjakan RM1.9 juta untuk membantu OKU. Bantuan yang kita berikan kepada OKU ini adalah untuk mereka dapat mempertingkatkan perniagaan mereka.

Ada seorang peguam— saya tidak mahu menyebut nama. Seorang peguam ini dia keluar daripada universiti, kemudian dia buka syarikat guamannya, kemudian kita berikan galakkan melalui geran ini untuk dia dapat meningkatkan dan hari ini dia menjadi seorang peguam yang berjaya yang dapat mengajikan orang-orang OKU di dalam syarikat dia. Sebab, kita letakkan antara satu syarat yang bukanlah terlalu *rigid* ataupun terlalu ketat tetapi kita hendak berikan geran ini kepada usahawan OKU dengan syarat dia boleh mengambil OKU untuk bekerja dengan dia. Walaupun kita tidak meletakkan syarat yang begitu ketat—

Setakat ini dalam tahun ini sahaja, yang saya sebutkan tadi bantuan 54 orang yang kita berikan untuk tahun ini, 37 orang OKU telah digaji dalam 54 usahawan tadi ini. Seramai 54 orang usahawan yang kita bantu dengan geran ini, Tuan Yang di-Pertua, dia telah mengambil OKU untuk bekerja dengan dia seramai 37 orang. Jadi saya rasa ini satu yang cukup hebat. OKU dapat bantu OKU.

Akan tetapi, sudah tentulah bahawa dia tidak dapat hendak ambil semua OKU kerana kadang-kadang masalah juga kepada dia. Kalau dia ambil semua OKU, akan terlalu ramai OKU kerana dia juga OKU. Jadi kita cuba untuk bantu sebaik-baik mungkin dan kalau ada Yang Berhormat di kawasan-kawasan Yang Berhormat OKU yang terlibat dalam bidang keusahawanan, boleh pergi kepada JTK untuk mendapatkan permohonan daripada pihak JTK, *insya-Allah*. Terima kasih.

**7. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kementerian mempunyai cadangan untuk merombak semula sistem pilihan raya sedia ada dan melaksanakan persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya yang sedia ada supaya ia adalah selaras dengan prinsip "*One man, One Vote, One Value*".

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Yang di-Pertua, beliau bertanyakan tentang soalan berkaitan rombakan terhadap sistem pilihan raya, adakah kerajaan mempunyai cadangan?

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam dunia ini, sebenarnya ada tiga sistem pilihan raya yang boleh dikatakan *common*lah. Satu dipanggil, dengan izin, sistem *first-past-the-post*. Satu lagi sistem *proportional representative*. Yang ketiga ialah sistem yang *mix* yang kedua-dua sistem itu. Sistem pertama itu contohnya adalah negara kitalah dan juga Singapura dan United Kingdom. Cuma di Singapura ini, untuk makluman Parlimen ini, mereka juga ada sistem pelantikan yang dipanggil *Group Representation Constituency* (GRC). PR ini kita tahulah banyak seperti negara Indonesia. Sistem yang *mix* ini contohnya New Zealand dan juga Jerman.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, SPR dalam menjalankan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya sentiasa berpegang kepada empat prinsip

persempadanan seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 2, Bahagian I, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung dengan isu ketidakseimbangan jumlah pemilih dalam sesebuah bahagian pilihan raya, Perlembagaan Persekutuan memberi panduan kepada isu tersebut dengan mengambil kira faktor geografi dan kemudahan infrastruktur yang terdapat di kawasan luar bandar dan pedalaman seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 2(c), Bahagian I, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Saya tidak bercadang untuk membacanya, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa yang terhad. Sesuai dengan peruntukan undang-undang yang dinyatakan tersebut, perwujudan bagi bahagian-bahagian pilihan raya adalah tidak bergantung sepenuhnya kepada jumlah pemilih seperti mana mungkin difahami oleh ramai orang lah. Akan tetapi, keadaan-keadaan khas atau *special circumstances* yang wujud di setiap bahagian pilihan raya tersebut juga turut dititik beratkan dan diberi perhatian. Antara faktor-faktor yang dinilai oleh SPR berkaitan dengan perkara tersebut adalah seperti berikut:

- (i) keadaan geografi dan topografi kawasan berkenaan;
- (ii) tahap pembangunan kawasan-kawasan yang terlibat;
- (iii) keadaan demografi, kepadatan penduduk dan bilangan pemilih; dan
- (iv) kemudahan asas infrastruktur serta jalan raya dan sistem komunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri contoh Hulu Rajang. Hulu Rajang ini, Tuan Yang di-Pertua, keluasan dia ialah 31,000 meter persegi yang hampir menyamai seluruh negeri Pahang. Seluruh negeri Pahang, keluasannya ialah 33...

#### ■1130

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** 31 kilometer persegi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ha! Tiga. *Sorry, sorry.* Mungkin tersilap sebut itu. Jadi, 33 ini dengan Hulu Rajang dengan *whole* Pahang dengan izin, hampir sama. Akan tetapi kalau kita hendak bagi sama, itu mungkin agak - Kalau Hulu Rajang itu kalau kita hendak samakan dengan mungkin tempat-tempat lain, kita mungkin kena ambil sedikit pengundi daripada Kapit sebagai contoh. Itu contohlah, kita hendak bagi tahu kenapa kadang-kadang jumlah pengundi semata-mata tidak boleh dijadikan faktor.

Perkara 113 Perlembagaan memperuntukkan bahawa kajian semula persempadanan boleh dimulakan dengan dua kaedah iaitu berlaku pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negeri. Kedua, tamat lat tempoh sekurang-kurangnya 8 tahun daripada tarikh siap kajian semula persempadanan sebelumnya. Dalam hal ini, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023, negeri Sabah pada tahun 2025, manakala negeri-negeri Tanah Melayu ataupun negeri Semenanjung pada tahun 2026.

Oleh yang demikian, sekiranya kajian semula persempadanan hendak dilaksanakan sebelum Pilihan Raya Umum akan datang yang dijangka selewat-lewatnya pada tahun 2023, kerajaan perlu meminda peruntukan undang-undang di bawah perkara 113 Perlembagaan



berkaitan lat tempoh minimum satu kajian semula persempadanan atau meminda perkara 46 Perlembagaan. Kedua-dua pindaan undang-undang itu jika hendak dibuat, perlu mendapat persetujuan dua pertiga majoriti Ahli Dewan Rakyat. Oleh itu, kerajaan akan meneliti opsi yang terbaik berhubung perkara ini.

SPR juga sedang meneliti sistem pilihan raya sedia ada dan kesesuaian sistem-sistem pilihan raya yang lain. Di samping itu, SPR juga mengadakan kerjasama dengan Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya Malaysia, ERC (*Electoral Reform Committee*), dengan izin dan juga mendapat pandangan daripada pelbagai pihak seperti Jawatankuasa Pilihan Khas di bawah Parlimen berhubung penambah baikkan prestasi pilihan raya 2012, masyarakat sivil, badan bukan kerajaan, parti-parti politik dan ahli-ahli akademik berkaitan cadangan penambah baikkan sistem pilihan raya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini sebelum saya mengemukakan soalan, untuk mengalu-alukan kedatangan pelawat-pelawat dari kawasan Parlimen Telok Intan. [*Tepuk*] Kawasan dipegang oleh Timbalan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, masalah *malapportionment* ataupun *gerrymandering* adalah amat berleluasa, kita sedia maklum.

Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, sememangnya ada satu perkara yang kita harus kaji iaitu apabila kita memerhatikan klausa 2 perenggan subklausa (3), Jadual Ketiga Belas yang menyatakan bahawa bilangan pemilih di dalam setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu negeri patutlah lebih kurang sama banyak, kecuali bahawa dengan mengambil kira kesulitan yang besar untuk sampai ke pemilih di daerah desa dan kesukaran yang lain.

Berkenaan dengan isu ini, saya percaya bahawa isu-isu telah pun terbangkit sebelum ini dalam persempadanan semula yang dibentangkan pada penggal yang lepas yang mana turut menjadikan Malaysia menduduki tangga yang terakhir di *Electoral Integrity Project ranking*. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah sama ada kerajaan bercadang mempunyai cadangan untuk meminda klausa 2 subklausa (3) kepada Jadual Ketiga Belas supaya kita boleh memasukkan satu peruntukan bahawa julat perbezaan bilangan pengundi antara kedua-dua kawasan haruslah tidak melebihi, katakan 15 peratus seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang lepas sebelum ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur. Soalan beliau adalah berkaitan sama ada kita kerajaan ada cadangan. Soalan dia panjang Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak jawab pendeklah. Sebenarnya, masa ini tidak ada lagi apa-apa cadangan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kerusi di Sarawak dan Sabah, jumlah 56 kerusi ini adalah 25 peratus daripada 222 kawasan Parlimen. Penduduk di Sarawak dan Sabah adalah 20 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia. Ini bererti 25 peratus kerusi untuk 20 peratus penduduk, saya kira itu adalah suatu yang munasabah. Walau bagaimanapun, keluasan Sabah dan Sarawak Tuan Yang di-Pertua, ialah 60 peratus daripada

keseluruhan tanah Malaysia, sedangkan kerusi hanya 25 peratus. Jadi, ini fakta tambahan. Saya bukan tanya, tetapi hanya bagi fakta tambahan. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Peraturan Mesyuarat, tidak ada fakta tambahan, yang ada adalah soalan. Jadi saya pun hendak bagi tahulah, ini lah peraturan yang perlu difahami.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak apa, bagi peluang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pertanyaan sudah tamat. Usul Yang Berhormat Menteri.

*[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]*

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.35 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran semua kementerian-kementerian menjawab perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang diputuskan bacaan kali kedua. Selepas itu, majlis akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 22 November 2018.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Tuan Yang di-Pertua, Sepanggar menyokong. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2019 ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis".

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh enam bilion tujuh ratus juta ringgit (RM56,700,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2019, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2018, adalah diutamakan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." **[19 November, 2018]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, kini adalah giliran untuk Menteri menjawab. Hari ini ada lagi 11 kementerian untuk menjawab. Sekarang saya menjemput Kementerian Pembangunan Usahawan. Yang Berhormat Menteri di persilakan. Sila.

**11.38 pg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Ayer Hitam yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang antara lain menyentuh portfolio Kementerian Pembangunan Usahawan atau ringkasnya dikenali sebagai MED. Keprihatinan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara yang berkaitan dengan usahawan adalah saya hargai. Sehubungan dengan itu, izinkan saya memberi penjelasan ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kalabakan telah mencadangkan supaya kerajaan - Ada sini Yang Berhormat Kalabakan? Yang Berhormat Kalabakan ada tak? Tidak ada, tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Untuk Dewan, saya meneruskan juga perbahasan ini. Beliau telah mencadangkan supaya kerajaan memberikan lebih banyak geran dan peluang latihan keusahawanan kepada penduduk di Sabah bagi memberikan mereka modal dan ilmu

untuk menjalankan perniagaan hasil laut dengan jayanya. Industri hasil laut ini berpotensi mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MED melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Maktab Koperasi Malaysia, TEKUN Nasional, SME Corporation Malaysia dan *Malaysian Global Innovation and Creativity Centre* (MaGICC) telah menyediakan pelbagai program untuk para usahawan dan perusahaan kecil dan sederhana bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan serta daya saing usahawan tempatan seperti kursus pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan serta strategi pemasaran dan promosi produk termasuk bagi industri berkaitan pengeluaran hasil laut.

#### ■1140

Bagi tahun 2018, MKM telah mengadakan 17 program latihan keusahawanan dan khidmat konsultasi khusus untuk usahawan di negeri Sabah. Manakala INSKEN mengadakan empat program latihan usahawan di negeri Sabah termasuk Kursus Pemasaran Media Sosial yang akan di Kota Kinabalu pada 26-27 November ini. Kursus ini bertujuan untuk memberi manfaat kepada para usahawan dari pelbagai industri untuk meluaskan pasaran sehingga ke peringkat global. Selain itu, TEKUN Nasional juga menawarkan Seminar Asas Keusahawanan bagi usahawan yang baru mendapat pembiayaan. Sehingga kini seramai 25,800 usahawan telah mengikuti seminar ini yang dianjurkan oleh TEKUN.

Di samping itu TEKUN Nasional turut menawarkan bantuan kewangan kepada peniaga mikro dan kecil yang terlibat dalam semua jenis aktiviti perniagaan termasuk usahawan hasil laut. Bagi tahun 2018, sebanyak RM41.3 juta telah diperuntukkan oleh TEKUN untuk membiayai seramai 3,103 usahawan di negeri Sabah. SME Corp. Malaysia juga melaksanakan pelbagai insentif dan program pembangunan PKS bagi membantu pengeluaran produk-produk tempatan. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) dan Program Peningkatan Enterprise Bumiputera dengan izin BEEP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak program TUBE dilaksanakan mulai tahun 2014 hingga 30 September 2018, sejumlah 288 belia Bumiputera dari Sabah telah menyertai program ini dengan jumlah geran yang diberi sebanyak RM4.3 juta. Program BEEP pula bertujuan untuk meningkatkan daya saing PKS Bumiputera melalui bantuan bersepadu yang meliputi khidmat nasihat, bantuan teknikal, latihan dan kewangan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan negeri serta pelbagai kementerian dan agensi teknikal.

Sejak dilaksanakan bermula tahun 2006 sehingga September 2018, sejumlah 104 syarikat PKS di Sabah telah dibantu untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan mereka melalui geran bernilai RM14.7 juta. Bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai program-program pembangunan untuk PKS, SME Corp. Malaysia juga menganjurkan program capaian dan sesi perkongsian maklumat dengan kerjasama agensi-agensi lain.

SME Corp. Malaysia telah menganjur dan menyertai 62 sesi capaian ataupun *outreach* dengan izin, di Sabah sejak tahun 2015 hingga September 2018. Antara program-program yang telah dianjurkan ialah *Pocket Talk*, bengkel penjenamaan produk dan *BizChat*. Bagi PKS berada

di Sabah, bolehlah dengan adanya pelancaran kita lakukan baru-baru ini bolehlah menghubungi talian bebas tol 1-300-88-102 atau mengunjungi Pusat Sehenti Keusahawanan MED yang baru sahaja dilancarkan di Kota Kinabalu bagi mendapatkan khidmat nasihat perniagaan dan juga memberi maklum balas apa sahaja bentuk bantuan yang kita boleh berikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian telah menyatakan pandangannya bahawa walaupun telah ada Kementerian Pembangunan Usahawan, Bahagian Usahawan Bumiputera di setiap kementerian, Bahagian Usahawan Bumiputera yang ada di setiap jangan diberhentikan. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, MED telah diwujudkan semula pada 2 Julai 2018 bertujuan memastikan pembangunan keusahawanan dapat dilaksanakan secara lebih tertumpu.

Bidang kuasa dan tanggungjawab MED merangkumi ke semua isu berkaitan pembangunan usahawan termasuk Agenda Pemerkasaan Usahawan Bumiputera. Ini bagi memastikan hala tuju pembangunan keusahawanan adalah lebih seragam dan selari dengan matlamat nasional yang ditetapkan untuk memupuk budaya negara keusahawanan.

Sehubungan itu kerajaan telah memutuskan supaya beberapa buah agensi yang relevan dan berkaitan dengan pembangunan usahawan diletakkan di bawah tanggungjawab MED seperti berikut. TEKUN Nasional, INSKEN, SME Corp, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Maktab Koperasi Malaysia, Bank Rakyat, SME Bank, UDA Holdings, MAGIC dan Skim Latihan 1Malaysia yang akan dijenamakan semula.

Namun masih ada fungsi pembangunan keusahawanan yang dilaksanakan dan dipikul oleh beberapa kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Walau bagaimanapun MED bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa pembangunan usahawan di Malaysia tidak boleh dibuat secara *sy/o* sebaliknya perlu diselaraskan secara holistik dengan semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Mohon mencelah.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** ...telah membangkitkan perkara...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Penjelasan sikit. Maaf.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Pontian. Sila.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, di antara punca kita dahulu memberhentikan Kementerian Pembangunan Usahawan ini ialah kerana apabila hanya satu kementerian membina usahawan, ia tidak berjaya, itu sebab diberhentikan kewujudan kementerian itu dan kita bahagikan kepada 24 kementerian. Semua sekali melaksanakan usaha membina usahawan.

Jika satu kementerian tidak boleh, tentu 24 kementerian itu hasilnya lebih daripada sebuah kementerian. Itu sebab pada pandangan saya Bahagian Pembangunan Usahawan Bumiputera di setiap kementerian itu perlu diteruskan dan apa yang telah mereka lakukan

contohnya perolehan-perolehan tertentu di kementerian tersebut ada kaedah-kaedah tertentu untuk membina usahawan melalui perolehan-perolehan di kementerian yang berkaitan.

Selain daripada itu, selain daripada Kementerian Luar Bandar dan Kementerian Perindustrian Asas Tani, ada lagi kementerian lain juga yang melaksanakan usahawan ini mengikut kaedah mereka masing-masing. Saya kira ianya tidak wajar dihentikan. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak sambung sedikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian tadi. Dalam ekosistem pembangunan usahawan ada pelbagai agensi pembangunan usahawan di Malaysia. Saya rasa kita antara negara yang paling banyak mempunyai EDO ataupun *Entrepreneur Development Organization*, dengan izin. Salah satu cabaran sebelum ini adalah penyelarasan untuk mendapat satu hala tuju yang sama daripada setiap agensi. Saya secara peribadi saya sokong penubuhan semula kementerian ini walaupun saya setuju juga dengan apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Pontian supaya setiap kementerian masih lagi ada wujud unit keusahawanan itu.

Akan tetapi apakah perancangan Yang Berhormat Menteri untuk memastikan penyelarasan itu dapat dibuat dengan baik. Dulu kita ada Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Usahawan. Saya cadangkan kalau belum, Yang Berhormat Menteri tubuhkan semula jawatankuasa itu yang melibatkan semua kementerian agar agensi-agensi ini dapat diselaraskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pontian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Antara sebab hari ini kalau kita tengok tahap kemajuan pembangunan usahawan Bumiputera, adalah kita lebih orang kata itu menjurus kepada berapa banyak kita ada, berapa orang yang melaksanakannya. Jadi kita tidak menyentuh langsung daripada sudut apa *outcome* nya. Kita banyak agensi hari ini, kita banyak proses yang kita cuba laksanakan dengan cara terbaik, tetapi tidak diuruskan dengan baik. Itu yang kita nampak hari ini.

Jadi menyahut, menyambut atau menjawab soalan yang berkait daripada Yang Berhormat Rembau, terima kasih kerana bersetuju yang perlu diwujudkan Kementerian Pembangunan Usahawan ini adalah untuk memastikan segala bentuk pembangunan usahawan diselaraskan, dikemaskinikan untuk memastikan apa yang kita sasar dapat dicapai dengan satu kaedah yang kita boleh ukur. Maksudnya tadi, apakah *outcome* dengan apa segala bentuk bantuan. Apa segala bentuk agensi yang ada yang boleh disebutkan menjadi *enablers* untuk mendapat satu tahap yang disebutkan *outcome, to measure the outcome*.

Jadi kita di kementerian ini bertanggungjawab untuk memastikan *outcome* ini, *outcome* ini kita *define*, kita perjelaskan untuk semua kementerian lain untuk memastikan memberi sumbangan terhadap *outcome* yang kita sasarkan tadi.

## ■1150

Jadi saya rasa dengan pendekatan begitu, agensi-agensi daripada TEKUN akan lebih efektif. Tadi hendak diulang balik dia sebut contoh TEKUN, dahulunya disebutkan RM500 juta. Belanjawan tahun 2019 dikatakan RM100 juta, dikurangkan kepada RM100 juta. Dulunya disebutkan contoh, TEKUN memberi bantuan tetapi hari ini Kementerian Pembangunan Usahawan akan melebihi pendekatan kepada membangunkan usahawan. Jadi kita akan ada satu *benchmark* di mana kita akan memerhatikan, kita akan memantau setiap ringgit yang kita belanjakan untuk membangun, bukan untuk membantu dari segi belanjawan *micro enterprise* tadi. Ini contoh di agensi TEKUN.

Itulah antara pendekatan yang MED akan bawa untuk memastikan RM100 juta yang ada untuk membangunkan usahawan, bukan untuk memberi bantuan. Kalau dahulu kita lihat dalam kita punya sistem maklumat pun, duit yang dikeluarkan, tidak membangunkan usahawan, dibelanjakan dengan apa saja bentuk. Kita lihat orang yang membayar balik itu untuk makluman Dewan, adalah menggunakan sumber pendapatan seperti kerja harian. Dia penoreh getah contoh, digunakan hasil dari menoreh getah untuk membayar bantuan kewangan, bukannya untuk membangunkan usahawan. Jadi bila kita sebut menguruskan dana yang sedikit itu tadi, kita kena lebih bersasar. Kita hendak membangunkan usahawan.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat sekarang ini, banyak dana untuk membantu usahawan yang diletak di bawah pelbagai kementerian. Kementerian Belia dan Sukan ada bantuan untuk usahawan, Kementerian Wanita ada bantuan usahawan. Sama ada kerajaan sekarang ini bercadang untuk *one-stop* kan semua bentuk dana bagi pembangunan usahawan ini kepada satu kementerian supaya pelaksanaan dasar-dasar untuk membantu usahawan ini dapat dipantau secara dekat dan agar matlamat untuk membantu mereka dan dana yang sedikit itu dapat digunakan sebaik-baiknya untuk membuat bantuan kepada usahawan. Adakah itu akan dilaksanakan oleh kerajaan baharu ini?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Okey, dalam Belanjawan 2019 ada disebutkan RM4.5 bilion dana diadakan untuk pembangunan usahawan dan ia disalurkan di pelbagai kementerian dan juga agensi. Kita sebagai MED cuma ada agensi yang saya sebutkan tadi dan tanggungjawab utama kita adalah untuk memastikan satu ekosistem diwujudkan untuk menyelaraskan segala bentuk saluran bantuan tadi untuk membangunkan usahawan, diselaraskan pula kementerian kita.

Kita ada SME Corp. Contoh, akan mewujudkan satu pusat data untuk memastikan perbelanjaan bantuan ini digunakan sebaik mungkin dan saya sebutkan tadi *outcome*. Bila kita *review* semuanya dalam separuh penggal, kita pastikan apakah yang telah dilakukan ataupun digunakan untuk segala bentuk peruntukan tadi adalah dilaksanakan mengikut jadual dan jadual itu kita adakan ataupun kita bukakan melalui SME Corp., contoh. Jadi kita boleh memastikan kementerian-kementerian ini, memberi maklum balas kepada kita, apakah kemajuan yang telah dibuat dengan adanya dana diwujudkan untuk pembangunan usahawan tadi.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** [Bangun]

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Apakah pangkalan data untuk peserta ataupun *recipient* bantuan itu akan diambil daripada Kementerian Yang Berhormat untuk digunakan bagi kementerian-kementerian lain? Kalau tidak, replikasi ataupun orang sama mendapat bantuan daripada pelbagai kementerian. Adakah itu bertindih? Adakah itu diambil kira dalam menyalurkan bantuan yang akan datang?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Betul. Itu adalah di antara perkara-perkara yang kita telah masukkan dalam Pelan Tindakan Usahawan Nasional yang saya sebutkan pagi tadi akan diumumkan esok. Mustahaknya satu pangkalan data pusat untuk kita memastikan *outcome* itu kita dapat sasaran.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ringkas saja Yang Berhormat Menteri. Saya setuju juga dengan pendekatan *outcome* ini lebih baik daripada output, tengok bilangan yang dilatih dan sebagainya. Namun demikian, di bawah MED sendiri iaitu SME Corp., ada sedikit pengurangan dari segi peruntukan. Ini saya minta penjelasanlah sedikit ya. Dari segi dana pembangunan dan pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana, anggaran dipinda tahun ini berjumlah 47, tahun depan berjumlah 23 manakala program keusahawanan tahun ini adalah sebanyak 36 juta, tahun depan pula adalah sebanyak 10 juta.

Jadi dalam kita hendak menguruskan wang dengan lebih baik *outcome* tetapi dengan *absolute reduction*, dengan izin, SME Corp. ini memainkan peranan yang penting untuk membangunkan PKS di Malaysia. Apakah strategi untuk mengatasi pengurangan ini?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Berkali-kali saya sebutkan dalam...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat, bolehkah saya sambung?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tambah lagi?

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Biar Yang Berhormat Menteri jawab dulu.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Berkait kah?

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Berkait.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ada berkait dengan Yang Berhormat Rembau?

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Sungguh berkait.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Lain? Okey, bolehlah, boleh.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Saya bagi contoh kalau di kementerian-kementerian tadi dikatakan– setujulah dengan Yang Berhormat bahawa diadakan pemusatan ini. Sebagai contohnya Kementerian Wanita misalnya, akan ada program usahawan untuk ibu tunggal dan wanita-wanita. Akan tetapi, adakah tidak lebih baik iaitu *instead of* kita bagi ke situ, dipusatkan kementerian Yang Berhormat sahaja. Jadi, Kementerian Wanita misalnya akan memberikan mereka yang memerlukan, dibangunkan sebagai usahawan ini tadi kepada



kementerian Yang Berhormat supaya kementerian Yang Berhormat boleh melihat koordinat dan juga dapat memantau pencapaian mereka ini.

Kalau tidak, apa yang berlaku ialah ada sedikit peruntukan ke sana, ada sedikit peruntukan ke sini tetapi pada akhirnya seperti Yang Berhormat katakan tadi, kita tidak dapat membangunkan usahawan itu. Boleh kah ini dilakukan supaya kita dapat melihat benar-benar *target group* kita yang kita hendak bangunkan itu betul-betul kita bangun dan boleh berdikari?

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ya. Saya sebutkan tadi hari ini pun kita sedang memperhalus Pelan Tindakan Usahawan Nasional. Kita mengambil maklum Yang Berhormat Rembau mengatakan ada *reduction* daripada belanjawan untuk dipergunakan, untuk dibelanjakan oleh SME Corp. Kita kena kaji peranan SME Corp. itu balik. Hari ini kalau tengok SME Corp. Yang Berhormat, OPEX untuk menjaga SME Corp. itu terlalu tinggi. Contoh, dahulunya kalau kita lihat, kalau saya hendak keluar contoh daripada SME Corp. sekarang ini, *building* yang disewa, kerajaan akan terpaksa membayar RM220 juta. Itu adalah satu *lock-sided contract*. Contoh ya, saya bagi contoh.

Jadi kita tidak nampak dahulunya, duit-duit yang diberikan yang disebutkan lebih, digunakan untuk pembangunan usahawan. Lebih kepada belanja pengurusan SME Corp. itu sendiri. Begitu tinggi sewanya, contoh, SME Corp. Tidak tahu bagaimana dahulu diuruskan, kita tidak payah bangkitkan. Cuma seperti saya sebut, *we want to be consistent*, dengan izin. *We have less, we have to do more, we have to be more efficient*. Ini pendekatan yang kita bawa. Kita lebih menyasar. Disebutkan tadi oleh Yang Berhormat di sana, di sebelah kiri saya [*Merujuk kepada blok pembangkang*], disebutkan tadi fasal golongan wanita.

Contoh SME Bank dua minggu sudah, sudah mewujudkan satu MySMELady untuk menyasarkan pembangunan usahawan yang bergender ataupun dari kalangan wanita dan kita nampak dari segi *performance* mereka. Dahulu mereka ini kita nampak peningkatan, lebih disiplin apabila dilatih. Inilah pendekatan yang kita bawa, usahawan-usahawan ini perlu dilatih. Tanggungjawab kita pemudah cara, untuk membangunkan usahawan. *Outcome* itu kita *measure*. *Enabler* itu boleh cari beberapa agensi diletak *directly* atau secara langsung di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan tetapi kementerian lain bertanggungjawab.

Dengan adanya satu ekosistem, kita ada jawatankuasa contohnya, untuk *specific industry*, untuk memastikan pembangunan usahawan itu, saya sebutkan sekali lagi, lebih bersasar. Bila ada sasarannya, kita *measure the outcome* tadi. RM1, mungkin kita boleh bangunkan 10 orang. Kalau dulunya RM1 boleh bangunkan mungkin dua orang. Jadi kita boleh *measure*.

#### ■1200

Kita banyak sangat dana-dana yang boleh saya nampak. Di kementerian kita boleh gunakan secara lebih bermakna, lebih efektif bagi memastikan pembangunan usahawan itu lebih berdaya maju, lebih berdaya saing dan lebih berintegriti. Ini lah elemen-elemen yang kita hendak bawa bagi memastikan usahawan PKS ini menjadi satu masyarakat yang relevan kepada pembangunan ekonomi negara. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Boleh saya sambung ini?

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Tidak, ada sikit berkaitan sebab ia berkaitan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tujuh minit lagi.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tidak cukup lagi kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Cuba ringkaskan. Masa tinggal tujuh minit setengah.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ya, ya. Okey, saya tertarik dan esok bila Yang Berhormat Menteri tadi pagi menyatakan pelan tindakan yang akan diumumkan esok. Dalam jawapan Yang Berhormat saya juga *noticed* bahawa Yang Berhormat ada menyatakan mengenai program-program yang berkaitan dengan MATRADE. Dulu ianya diletak di MATRADE dalam dulu bila ada pengalihan bajet itu dimasukkan di bawah kementerian Yang Berhormat.

So, persoalan yang saya hendak tanyakan pada Yang Berhormat adalah, siapakah sekarang ini, *I mean* dari segi kuasa itu memang di bawah kementerian tetapi agensi mana yang akan bertanggungjawab untuk membimbing syarikat-syarikat yang berpotensi untuk dikembangkan pergi luar negara? Oleh sebab MATRADE di bawah kementerian lain. Akan tetapi adakah ianya di bawah SME? Saya juga tahu mengenai *scoring* yang dibuat. Jadinya skor itu adakah ianya akan diguna pakai lagi ataupun akan ada *assessment* lain untuk menentukan bahawa mereka ini tidak bertindih dari segi peranan, *sorry* bukan dari segi peranan. Jadinya, boleh menganalisis kejayaan syarikat-syarikat yang ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Dari peranan MATRADE, kita kementerian membawa pendekatan. Kita yang bertanggungjawab untuk membangunkan usahawan. Antara peranan penting kita cabaran kita adalah untuk melatih untuk membawa budaya disiplin dari segi pembangunan usahawan. Bila usahawan itu telah *matured* dengan izin, maka kita akan bekerja dengan MATRADE di bawah kementerian lain sebab dia ada kepakaran tersendiri dalam MATRADE, kita ada kepakaran sendiri dalam pembangunan usahawan, mengurus untuk pembangunan.

Jadi, antara dalam *chain* yang kita lihat apakah fungsi MATRADE. MATRADE akan membantu untuk memperdagangkan ataupun *showcase* apa yang dah dibangunkan keluar negara untuk pasaran eksport dan mereka itu dipertanggungjawab untuk memasarkan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang itu saya faham. Saya faham Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Faham ya? Dah lah itu, sikit-sikit cukuplah.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Cuma di bawah kementerian Yang Berhormat, di bawah kementerian.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Dah faham cukup lah.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Di bawah kementerian Yang Berhormat, saya hendak tahu adakah ianya nanti akan diasah ataupun diasuh, *sorry* diasuh oleh SMECorp ataupun ada agensi lain yang akan mengasuh pembangunan usahawan. Saya cuma hendak tahu bawah kementerian Yang Berhormat itu agensi mana nanti yang akan melatih mereka ini.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Oh! Saya sebut, saya sebutkan tadi kita dah ada agensi MKM yang *insya-Allah* kalau Parlimen akan meluluskan, kita akan menjenamakan semula menjadi institut bukan sahaja spesifik untuk koperasi, kita akan mengadakan kursus-kursus keusahawanan yang lebih *scale* dia untuk membantu agensi lain memperkasakan lagi bentuk dari sudut membangunkan ataupun melatih usahawan tadi.

Agensi kita dah *complete*. Kita ada INSKEN yang saya sebutkan tadi, kita ada MKM, kita ada juga Institut Keusahawanan TEKUN Nasional pun ada untuk *microenterprise*. Jadi, dari segi agensi untuk melatih saya rasa dah cukup. Kalau tidak cukup kita akan wujudkan. Begitu juga kita berhubung rapat dengan institusi tinggi, universiti. *Taylor's University for example*. Berhubung dengan kita ataupun ada hubungan dengan kita untuk melatih usahawan di peringkat universiti.

UTeM di Melaka ada juga program-program usahawan yang berkait rapat dengan untuk melatih usahawan. Jadi, kita selalu orang kata itu kita akan sentiasa berhubung rapat dengan rakan-rakan strategik seperti Kementerian Pendidikan di mana mereka sekarang telah melebihi modul untuk membangunkan usahawan dari peringkat pengajian tinggi. Jadi, tidak timbul siapa yang melatih tetapi tanggungjawab kita adalah untuk melatih. Untuk melatih kerajaan baharu telah meletakkan dalam mewujudkan semula MED untuk melatih, mengukur, dan memastikan *outcome* tadi tercapai. Harap Yang Berhormat terima. Jangan tanya lagi. Cukup, sebab saya hendak teruskan ini.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Yang Berhormat Ayer Hitam telah membangkitkan perkara.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Yang Berhormat Menteri boleh tidak? Sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada masa lagi ya Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Petrajaya, Petrajaya.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ya, Yang Berhormat Petrajaya, Kuching, Sarawak.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Berhubung kait dengan kalau Yang Berhormat Menteri dapat *share* sikit apa perancangan Yang Berhormat berhubung dengan pembangunan sektor *construction*. Yang Berhormat bercakap berhubung kait dengan latihan dalam bidang *entrepreneurship* tetapi *construction* adalah satu bidang yang luas yang ekosistemnya sudah pun wujud. Bagaimana kita hendak mempertingkatkan supaya *contractors*, *the services industry* dalam bidang *construction* ini dapat dikembangkan lagi *including* menggunakan kaedah atau pun teknologi baru supaya kita *very competitive* dalam peringkat dunia.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Okey, bidang itu kita ada letakkan di bawah Kementerian Kerja Raya. Kalau kita lihat PKS, sumbangan PKS kepada KDNK negara dari segi *numbers* dia 37 peratus daripada PKS keseluruhan KDNK. Sumbangan daripada *construction* dengan *agriculture* berkisar dalam lingkungan tiga peratus. Tidak begitu tinggi. Kita lebih fokus kepada sebagai kementerian ya, lebih fokus kepada meningkatkan sumbangan KDNK oleh SMB dari sektor perusahaan dan juga kita akan tingkatkan untuk asas tani.

Akan tetapi apabila kita tengok *construction services* itu adalah satu *cycle* dan kita tengok tahap persediaan usahawan-usahawan dalam *construction industries* saya rasa kalau kita tengok pembangunan di seluruh negara latihan-latihan itu memang sentiasa diadakan oleh peringkat-peringkat ataupun agensi-agensi yang *independence* sebab mereka berdaya saing dalam arena pertandingan. Jadi, kita tidak perlu hendak melatih dengan seperti mana kita hendak melatih usahawan lain. Oleh sebab mereka melibatkan diri dalam *services* yang di mana mereka kena melatih diri mereka sendiri *in order to be competitive because* selalunya melibatkan dalam tender, dalam kontrak.

Jadi, itu tidak menunjukkan satu cabaran yang tinggi. Cuma kita telah masukkan ataupun saya rasa Kementerian Kerja Raya ada program-program tertentu. Cuma kita sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan memastikan kontraktor yang dalam golongan kelas 'F' contoh atau G1 kita beri latihan khusus di mana kita ada unit BPKU untuk memastikan mereka boleh dipertingkatkan. Itu sahaja tanggungjawab kami untuk melatih yang di bawah di naikkan, dipertingkatkan.

Apabila mereka telah sampai ke G5 dan G7 mereka boleh berdaya saing di peringkat antarabangsa pun dengan adanya *professionalism* dalam industri ini di mana banyak profesional yang berkelulusan tinggi mereka telah pun orang katakan melibatkan diri dalam kerja-kerja kontrak yang lebih tinggi nilainya kalau dibandingkan dengan G1 tadi yang kita akan latih untuk ditingkatkan dari segi apa yang mereka boleh laksanakan. Masa dah, boleh saya sambung ini? Yang Berhormat Ayer Hitam saya belum dapat jawab. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Cuba ringkaskan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Ha! Ringkas. Ringkas? Panjang ini sebab banyak sangat pertanyaan, saya pun terpaksa jawab supaya mereka faham apa pendekatan kerajaan Pakatan Harapan baharu ini.

Yang Berhormat Ayer Hitam telah membangkitkan perkara mengenai projek *new national car* ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyuarakan hasrat beliau pada 11 Jun untuk memulakan projek kereta nasional yang baharu semasa menghadiri Persidangan Nikkei di Tokyo, Jepun. Tujuan projek kereta nasional yang baharu akan memberi kesan positif kepada rantai pembekalan dan perniagaan serta pemindahan kepakaran kepada rakyat tempatan yang terlibat dalam industri teknologi tinggi ini.

Penglibatan MED dalam pemerkasaan program pembangunan vendor khusus bagi sektor automotif adalah amat perlu memandangkan prestasi usahawan dan vendor tempatan termasuk PKS pada masa ini berada dalam tahap yang kurang memberangsangkan oleh sebab

orang kata itu kita tidak lagi mahu menggunakan industri sebagai industri utama untuk mengembangkan industri yang lain.

Apabila kita sebut penggunaan kejuruteraan. MED mengambil maklum isu-isu yang dihadapi oleh vendor automotif tempatan seperti pasaran Malaysia yang terlalu kecil dan terhad kepada OEM sedia ada, ketidakupayaan vendor-vendor tempatan dari segi kewangan bagi tujuan pembangunan dan penyelidikan, cabaran menembusi rantai bekalan global atas ketetapan standard antarabangsa yang ditetapkan oleh OEM, kurang kepakaran vendor dalam teknologi terkini tersebut pembuatan enjin, transmisi bagi kenderaan *energy efficient vehicles* (EEVs), ekosistem vendor yang tidak menyeluruh dan kapasiti pembangunan yang terhad.

■1210

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat. Sila menggulung.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Itu yang saya buat sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Saya sedang menggulung tetapi dia nak membahaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya terpaksa adil kepada semua Menteri. Itu terpulung kepada Menteri menguruskan masa.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Okey. Jadi bukalah satu. Pendekkan—penggulung ini saya buka.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mungkin disebabkan kesuntukan masa. Cuma satu sahaja, Yang Berhormat. Saya bangkitkan dalam perbahasan. Saya kata unjuran 70 peratus, sumbangan 70 peratus Bumiputera kepada KDNK. Itu yang menjadi pertikaian. Ini kerana kalau kita lihat secara realistik RM1.353 bilion, kalau 70 peratus adalah RM946 bilion. Itu jumlah yang sangat besar.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Mana Yang Berhormat Ayer Hitam dengar itu?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Memang dilaporkan dalam akhbar.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Oh! Itu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** 70 percent of the...

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** 70 percent. Dalam satu majlis. Kenyataan dibuat, kita sasarkan dalam satu Program PKS. Cuma kita lingkungan 70 peratus sasaran itu daripada 37 peratus sumbangan *SME* kepada KDNK.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Maksud Yang Berhormat, saya rasa mungkin disalah petik. Ini kerana kalau sumbangan terhadap GDP, dari segi *SME* adalah 70 peratus...

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Okey, boleh saya. Masa tidak cukup. Saya sebut begini. Kadang-kadang bila kita baca surat khabar, kita kena faham yang tersirat di dalam itu. Apa konteks 70 peratus itu. Saya nak...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Akan tetapi Yang Berhormat memang. Saya boleh tunjukkan media, keempat-empat laporan itu sama.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Betul.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sebab itu saya tanya unjuran kenapa sampai RM946 bilion sebab...

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tidak, tidak betul itu. Ini kerana kalau kita lihat, kalau kita dekatkan. Sumbangan itu kita kena guna *common sense* bila kita baca surat khabar. Surat khabar contohnya macam disebutkan itu. Kalau kita sebut pemberita itu kata kalau kambing boleh terbang, kita nak percaya kambing boleh terbang?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat tunjuk balik, tidak apa. Tidak apa.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Kalau kita sendiri faham...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kita boleh bincang di peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** KDNK. Nanti sekejap. KDNK negara lebih kurang RM1.3 trilion. Kalau kita tengok sumbangan PKS hari ini, cuma RM430 bilion. Jadi tidak munasabah.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Bukan, Yang Berhormat kata sumbangan daripada bumiputera *70 percent. That is too good to be true.* Itu yang saya kata.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** *70 percent*, sasaran lima tahun untuk PKS. Sektor PKS iaitu sekarang ini kalau kita lihat sumbangan bumiputera kepada semua. Ini maklum...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Akan tetapi Yang Berhormat, dalam tempoh lima tahun takkan cuma *4 percent, 5 percent.*

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** 8 peratus. Ini bukan bohong. Kita sendiri tahu selepas 60 tahun, kita sebutkan Dasar Ekonomi Bumiputera. Kita lihat, kita sasarkan 30 peratus. Hari ini pencapaian bumiputera di peringkat SME, cuma 8 peratus.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Betul.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Jadi tujuan kita ada majlis untuk pengusaha SME tadi yang kebanyakannya bumiputera untuk menggalakkan mereka dengan sasaran yang disebutkan, kita kena lebih relevan dalam sumbangan kepada KDNK dalam sektor PKS ataupun dalam kluster PKS.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kalau macam itu, Menteri tersasul sebab memang jelas Yang Berhormat Menteri kata *70 percent.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, tidak boleh buat macam ini.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Tidak bolehlah. Itu laporan akhbar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, saya terlalu murah hati. Sudah bagi enam minit tambahan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Kalau dikatakan kambing terbang pun nak kata kambing terbang?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, tentang- dengan peruntukan kepada penaja dan juga SME.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, bangkitkan pada peringkat Jawatankuasa. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sudah bangkitkan tetapi jawapan bertulislah saya minta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Boleh, boleh.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Boleh ya sebab masih hutang lagi. Jawapan bertulis dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, ini bukan kedai kopi. Tidak boleh sembang-sembang macam ini. Sila Yang Berhormat Menteri menggulung.

**Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof:** Okey saya habiskan ini. Saya cuma nak sebutkan tadi. Yang Berhormat Ayer Hitam tidak puas hati lagi tetapi sebab masa tidak mengizinkan, akhir kata saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan begitu prihatin kepada pembangunan usahawan terutamanya Yang Berhormat Ayer Hitam sebutkan tadi nak memahami apa itu 70 peratus. Kita telah terangkan.

Saya sekali lagi ingin mengulangi saya sentiasa mengalu-alukan pandangan ini dan idea serta cadangan yang membina dari semua pihak khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat demi memastikan usahawan kita dapat terus berkembang maju dan berdaya tahan pada era Dasar Ekonomi dan Revolusi Industri 4 ketika ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang adalah giliran Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Yang Berhormat Menteri dipersilakan. Masa 30 minit.

#### **12.14 tgh.**

**Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang telah meluluskan sejumlah RM4.001 bilion yang merangkumi peruntukan perbelanjaan mengurus sejumlah RM1.172 bilion dan peruntukan pembangunan sejumlah RM2.829 bilion. Kementerian juga turut merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan 15 ahli Yang Berhormat yang telah berbahas isu-isu di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bajet pembangunan 2019 kementerian telah meningkat sebanyak 11 peratus berbanding tahun 2018. Manakala bajet pengurusan kementerian hanya berkurang 0.71 peratus berbanding tahun 2018. Ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan pentadbiran Kerajaan Malaysia yang baharu dalam menguruskan isu-isu yang berkaitan air, tanah dan sumber asli negara.

Soalan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Pensiangan. Permohonan penjelasan kementerian berhubung cadangan untuk melombong arang batu di Sabah sebagai sumber tenaga. Sabah memiliki *reserve* arang batu yang banyak dan berkualiti tinggi serta sesuai digunakan sebagai sumber tenaga. Kuasa elektrik yang dijana dari loji jana kuasa arang batu biasanya mempunyai kapasiti tinggi dan mampu menampung kehendak industri dan domestik.

Selaras dengan *National Energy Policies 1979* untuk mempromosikan kecekapan penggunaan tenaga dengan penggunaan teknologi seperti *clean coal technology*, masalah pembaziran tenaga seperti *non-productive usage* dapat diatasi di samping menumpukan isu pencemaran terhadap alam sekitar. Walau bagaimanapun, kementerian ini memandang serius terhadap kesan alam sekitar akibat aktiviti perlombongan dan loji jana kuasa arang batu.

Sehubungan dengan itu, sebarang permohonan untuk menjalankan aktiviti perlombongan atas operasi loji jana kuasa arang batu perlu melalui proses kelulusan yang ketat termasuk keperluan laporan *Environmental Impact Assessment*. Selain itu, penelitian terhadap kawasan pengekstrakan arang batu turut diambil kira dalam proses meluluskan bagi memastikan kawasan yang dikategorikan sebagai Hutan Simpan Kekal tidak jejas.

Yang Berhormat Bagan Serai? Ada? Yang Berhormat Bagan Serai?

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada, ada.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Ada soalan? Yang Berhormat Pensiangan?

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Keningau.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Yang Berhormat Keningau. Okey.

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu perlombongan di Sabah yang telah disebut. Walaupun arang batu itu mempunyai kapasiti tinggi untuk menjana *electricity* tetapi kawasan ini adalah kawasan simpanan tetap dan adalah merupakan *World Heritage Site*. Sepatutnya tidak diusik sama sekali memandangkan lebih banyak lagi alternatif yang lain melalui *Green Technology* dan sebagainya untuk mendapatkan kuasa elektrik yang kita perlukan termasuk juga gas daripada kawasan telaga minyak kita di Sabah. Jadi saya ingin tahu adakah *statement* Yang Berhormat Menteri ini merupakan satu persetujuan dan satu dasar baru untuk *to go ahead with this kind of environmentally damaging proposal*? Thank you.

■1220

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih, kerajaan tidak akan beri kelulusan kepada mana-mana pihak untuk membuat perlombongan di dalam hutan kekal *especially your heart of Borneo, alright*. Akan tetapi kalau ada kawasan-kawasan luar dari hutan kekal kita boleh kaji tetapi kena dapatkan kelulusan dari EIA dan sebagainya dan syarat-syarat yang kita akan keluarkan ialah syarat-syarat yang ketat dan ini akan dikaji balik sebelum kita bagi apa-apa kelulusan. Yang Berhormat Bagan Serai ada?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada, Yang Berhormat.



**Dr. Xavier Jayakumar:** Yang Berhormat Bagan Serai telah pun minta kita mengirakan SOP ataupun memperketatkan lagi undang-undang berkaitan hutan. Kementerian ini menyambut baik saranan daripada Yang Berhormat Bagan Serai supaya undang-undang diperketatkan dan bajet ditambah dalam melindungi hutan.

Dalam hubungan ini, pihak kementerian berpandangan bahawa sudah tiba masanya isu perhutanan dilihat dari perspektif kepentingan negara secara holistik. Ini mencakupi keadaan bagaimana sumber hutan diguna, diurus, di bangun dan dipelihara. Pendekatan ini amatlah diperlukan memandangkan isu persekitaran perhutanan ini mempunyai implikasi serius kepada prestasi sektor komoditi negara yang akan menjejaskan agenda pembangunan negara.

Oleh yang demikian, pihak kementerian menyeru kepada semua kerajaan negeri agar meningkatkan pengurusan dan pemeliharaan khazanah hutan di negeri masing-masing. Dalam konteks ini salah satu pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani pemansuhan ataupun pewartaan keluar hutan simpanan kekal ialah diperlukan pendengaran awam, *public hearing* sebelum keputusan pewartaan keluar HSK dibuat wajar dicontohi oleh kerajaan negeri yang lain.

Secara terperinci pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah membuat semakan semula Akta 313 sejak 2009 untuk menambah baik pentadbiran, pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan hutan. Hutan utama menambahbaikkan Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) adalah untuk memperketatkan proses pewartaan keluar Hutan Simpanan Kekal (HSK), memantapkan penguatkuasaan hutan bagi membanteras kegiatan pengambilan hasil hutan secara haram dan meningkatkan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan bagi membendung kesalahan hutan yang merosakkan alam sekitar dan mengatasi isu kekaburan dan kuasa yang tidak jelas di dalam melaksanakan Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian juga akan berusaha untuk mendapatkan bajet tambahan bagi melindungi hutan negara demi kesejahteraan rakyat. Yang Berhormat Pasir Mas?

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Santubong.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya menyambut baik tindakan kementerian untuk meneruskan khususnya berhubung dengan kajian pada undang-undang hutan yang kita lihat sudah lapuk tetapi Yang Berhormat undang-undang itu sahaja tidak mencukupi mengikut pengalaman yang saya dapati selama dua tahun lebih.

Apa yang penting ialah untuk melihat sistem pengurusan. Sekarang kita menggunakan sistem *sustainable management* hutan iaitu kita boleh tebang hutan dan hutan ini pula di*control* berapa *acres* yang boleh di*harvest* dalam tahunan setiap tahun oleh Majlis Kanun Negara iaitu peringkat pusat. Jadi ini juga tidak mendatangkan kesan yang positif dalam pengurusan hutan

itu sendiri. Itulah kenapa saya minta pihak Jabatan Hutan Semenanjung dan juga FRIM untuk buat kajian secara menyeluruh.

Kita ubahkan sistem *sustainable management* itu kepada *non-harvesting totally*. Kita hanya *harvest* hutan daripada hutan tanaman sahaja. Jadi maknanya kita *reserved* satu kawasan memang tidak boleh diganggu-gugat sebagai hutan simpanan dan tidak boleh ditebang jadi Kanun Tanah Negara tidak perlu lagi buat keputusan. Dia tidak boleh tebang sudah jadi *sustainable management* itu kita ubah kepada permanent *forest management*. Tidak ada lagi beri kepada orang *license* untuk *harvesting* atau *logging*. Jadi itu juga mengurangkan pencurian. Dengan keadaan sedemikian kita hanya tebang hutan yang kita tanam sahaja. Selain daripada itu tidak boleh tebang lagi, Yang Berhormat.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memang sekarang kita akan alihkan kepada *sustainable management of forest* ataupun kita akan gunakan *forest as standing economy* di dalam negara kita. Kita kena bekerjasama Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak untuk kita adakan satu Akta Perhutanan yang bersama. Masalah sekarang ialah Akta Hutan Negara ini ialah Akta Hutan Negara untuk Semenanjung, Akta Hutan untuk Sarawak dan Akta Hutan untuk Sabah, ketiga-tiga portfolio ini tidak bersama dengan kita. So, saya minta kita kena bekerjasama atas isu ini.

*This is a national interest issue.* Kalau kita tidak bekerjasama kita di luar akan, *we are going to be forced to follow norms* yang ada di luar kawalan kita. *It is already happening.* Kalau kita sebagai satu negeri kita tidak buat keputusan untuk jaga keselamatan negara kita di atas isu hutan sahaja, *this is going to have a major economic effect on the nations especially the commodities that is being involved.* So, saya setuju dengan Yang Berhormat untuk kita adakan satu pendirian bersamaan dengan semua negeri-negeri dan juga Kerajaan Persekutuan untuk kita atasi masalah ini. Saya bersetuju.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Satu sahaja Yang Berhormat, satu lagi Yang Berhormat. Sedikit, pendek, ringkas sahaja, 1 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih. Satu yang menjadi satu kebimbangan saya, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat ucapan di United Nations dia menggunakan istilah *virgin forest*. Sebenarnya istilah *virgin forest* ini tidak digunakan *internationally*, kita gunakan iaitu *forest cover*. Jadi dalam keadaan sedemikian, istilah *virgin forest* itu diguna ini istilah yang digunakan oleh NGO dan digunakan 44 peratus *ramification*, dengan izin menggunakan 44 peratus sahaja tinggal hutan *virgin* ini mendatangkan kesan yang negatif kepada Eropah yang menekan kelapa sawit kita hingga kelapa sawit kita pun tidak laku lagi di sana.

Jadi keadaannya Yang Berhormat, sebenarnya *forest cover* kita masih 54.5 peratus. Keseluruhannya kalau Sarawak 68 peratus, kalau Sabahnya ada 54 peratus. Jadi dalam keadaan sedemikian Yang Berhormat kita kena memperbetulkan apa sahaja kita cakap sebagai seorang Menteri ataupun seorang Perdana Menteri di mana-mana forum antarabangsa kita kena

jaga benda ini. *Ramification* kepada maklumat yang kita pakai ini akan mendatangkan kesan negatif kepada pihak-pihak lain, Yang Berhormat.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih atas penjelasan itu. Kita telah pun *correct* istilah yang digunakan di United Nations itu dan juga *figure* ataupun fakta-fakta yang telah dikeluarkan kita pun telah diberitahu bahawa fakta-fakta itu kita boleh betulkan, terima kasih. Yang Berhormat Pasir Mas mohon kerjasama untuk memberi pampasan kepada Kelantan sebagai ganti rugi memelihara hutan. Untuk sementara waktu kerajaan pusat tidak bagi pampasan untuk tidak sediakan pampasan untuk selanjutnya.

Akan tetapi saya mintalah Kerajaan Negeri Kelantan ini bekerjasama dengan kerajaan pusat untuk kita bekerjasama untuk kita tahankan hutan simpanan yang kita ada. Kalau tengok apa yang saya tahu di negeri Kelantan, pada tahun 2019 pun *you* akan adakan tempahan tahunan dekat 4,500 hektar lesen kawasan baru akan dikeluarkan.

#### ■1230

Untuk tahun 2019, bukan catatan tambahan tahunan 70,000 hektar, semua sekali 11,000 hektar. So, kita ini kena buat kajian dan belajar dari apa yang telah berlaku untuk masa depan yang akan datang.

Kepada Yang Berhormat Arau. Kalau tidak ada saya bagi jawapan dia dengan jawapan bertulis sahaja. Saya masuk kepada sektor air. Ada banyak soalan yang telah diminta dan ditanya ini. Dari Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Puncak Borneo...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya minta sedikit, sebelum pindah kepada itu. Saya fikir isu besar penebangan balak ini kita setuju bahawa suatu kawalan mesti dibuat oleh semua di peringkat negeri-negeri dan kerjasama dengan pihak Persekutuan. Isu yang besar berlaku di peringkat negeri ialah sumber kewangan bagi menampung perbelanjaan di peringkat negeri.

Saya fikir, kalau kita buat satu polisi untuk mengehendkan penebangan mengikut peraturan yang ada, Kerajaan Pusat juga perlu memikirkan satu mekanisme untuk pampasan. Sebagai contoh di Pahang, kita ada *reserve* Taman Negara yang luas, kerajaan negeri hilang sumber pendapatan beribu hektar di situ.

Bagaimana Kerajaan Pusat boleh menampung kekurangan di peringkat negeri yang kita hadkan penebangan? Saya fikir, untuk masa depan yang lebih panjang, suatu mekanisme perlu dibuat untuk pampasan ataupun suatu *credit carbon* dibuat kepada negeri-negeri yang mengawal penebangan hutan mengikut peraturan yang ada. Ini sebagai langkah jangka panjang. Terima kasih.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih. Memang kita akan buat kajian dan saya harap kerajaan-kerajaan negeri boleh bagi kerjasama dengan Kerajaan Pusat atas isu ini. Kalau kita ada persefahaman di antara satu sama lain dan macam mana kita boleh kuatkan penguatkuasaan dan juga pemberian tanah untuk melanjutkan industri ini, kita boleh ada persefahaman untuk kekurangan dan ada cara-cara lain untuk meningkatkan pendapatan di dalam negeri masing-masing juga.

Air ini saya masuk soalan Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Puncak Borneo, Yang Berhormat Mas Gading dan juga Yang Berhormat Kapit meminta penjelasan kerajaan berhubung jumlah peruntukan bagi projek bekalan air untuk negeri Sarawak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan pinjaman sebanyak RM1.4 bilion kepada Sarawak di bawah RMKe-11 untuk menyelesaikan masalah bekalan air di negeri Sarawak. Izinkan saya menjelaskan bahawa Projek Bekalan Air Luar Bandar terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana peruntukan disediakan dalam bentuk geran. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak untuk menyelesaikan masalah bekalan air luar bandar di Sarawak.

Ini ditunjukkan melalui pengumuman yang dibuat oleh Ketua Menteri Sarawak pada 10 Oktober 2018 semasa merasmikan *Borneo Water* dan *Waste Water Exhibition and Conference 2018* bahawa kerajaan negeri telah menyediakan pelaburan berjumlah RM2.8 bilion bagi meningkatkan bekalan air luar bandar di Sarawak bagi tempoh 2019 hingga 2021. Ini melambangkan komitmen Kerajaan Negeri Sarawak dalam menyelesaikan masalah bekalan air tanpa semata-mata bergantung kepada bantuan daripada Kerajaan Persekutuan.

Kepada Yang Berhormat Puncak Borneo...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dr. Xavier Jayakumar:** ...YB Puncak Borneo dengan satu projek di RTB Kampung Sebeban, Lembangan Batang Sadong. Kerajaan telah meluluskan RM2.5 juta dan telah pun diluluskan pada 31 Oktober 2018. Ini akan terus dipamerkan dalam surat khabar untuk jalan ia dimulakan dalam masa yang terdekat.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Sukacita pihak kementerian memohon supaya kementerian dan jabatan yang merancang dan melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah supaya mengadakan perbincangan untuk menyelaraskan isu-isu dasar dan teknikal bersama Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Pihak KATS bersedia untuk memberi khidmat nasihat teknikal melalui Jabatan Bekalan Air, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Mineral dan Geosains bagi memastikan perancangan sumber dan sistem bekalan air dibuat secara holistik dan bersepadu bagi memenuhi keperluan penduduk luar bandar di seluruh negara.

Yang Berhormat Kalabakan. Yang Berhormat Kalabakan ada?

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada, sila.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Kerajaan untuk menyelesaikan isu bekalan air terawat di negeri Sabah. Terdapat sembilan buah projek pembinaan dan menaik taraf loji rawatan air yang telah diluluskan dalam bentuk pinjaman di bawah RMKe-11 bagi negeri Sabah berjumlah RM2 bilion.

Kawasan yang terlibat adalah di kawasan bandar seperti Kota Kinabalu, Tawau, Lahad Datu termasuk kawasan-kawasan lain seperti Keningau, Ranau, Beaufort dan juga Semporna.

Manakala bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar pula, peruntukan adalah terletak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian difahamkan bahawa Projek Pembinaan Empangan Tawau yang akan ditender semula pada tahun ini, projek ini diteruskan bagi memenuhi keperluan bekalan air di mana kajian menunjukkan empangan ini mampu meningkatkan *yield* Sungai Tawau daripada kapasiti semasa 13 juta liter per hari kepada 140 juta liter sehari.

Peruntukan di bawah RMKe-11 telah diluluskan sebanyak RM450.5 juta melalui Pinjaman Kerajaan Persekutuan. Manakala bagi *Rolling Plan* Keempat tahun 2019, kerajaan telah meluluskan dua buah projek baharu bekalan air iaitu menaik taraf sistem saluran agihan utama dan pembinaan tiga buah tangki simpanan utama di Sandakan dengan peruntukan sebanyak RM100 juta.

Di samping itu, kerajaan juga telah meluluskan penambahan kapasiti Loji Rawatan Air Kogopon dari 40 juta liter sehari kepada 80 juta liter sehari dengan peruntukan sebanyak RM312.2 juta. Kerajaan juga akan mempertimbangkan projek pembinaan Empangan Papar tertakluk kepada perbincangan lanjut kerajaan negeri bersama pemegang taruh iaitu *stake holders* di negeri Sabah. Isu banjir. Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri, bolehkah sebelum bergerak ke topik lain itu?

**Dr. Xavier Jayakumar:** Ada tujuh minit.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan tentang Beaufort. Ada loji di Beaufort itu yang telah diluluskan zaman dahulu lagilah dan telah siap dibina tetapi masih bermasalah. Bolehkah kementerian Yang Berhormat meninjau apakah permasalahan ini masih lagi menghantui rakyat di Beaufort walaupun loji yang baru itu sudah dibina.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah dapatkan sedikit butir tentang Beaufort itu dan saya akan beritahu selepas kita adakan perbincangan dengan apa yang berlaku di Beaufort dan selepas itu saya akan beritahu kepada Yang Berhormat ya. Terima kasih.

Isu banjir Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan banjir. Fenomena banjir boleh berpunca daripada kenaikan paras air laut dan juga sungai, kejadian air pasang terbesar dan banjir kilat. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan bahawa kejadian banjir di dalam bandar, *flash flood* adalah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Walau bagaimanapun, kementerian ini bersedia untuk bekerjasama dalam membantu pihak berkuasa tempatan negeri dari sudut teknikal dan kewangan demi kepentingan rakyat negara ini. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, dalam Bajet 2019 yang diperuntukkan kepada kementerian terdapat peringatan dalam peruntukan bagi projek tebatan banjir, saluran mesra alam dan juga kawalan hakisan pantai berbanding 2018.

Soalan daripada Yang Berhormat Kota Samarahan, memohon kerajaan untuk meneruskan projek hakisan sungai di Kampung Tambirat dan juga projek tebatan banjir di Taman Uni Garden, Kota Samarahan.

Kementerian melalui JPS telah pun diluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi kerja-kerja penstabilan tebing di Kampung Tambirat, Asajaya. Kerja-kerja kecemasan, penstabilan benteng hakisan sungai di Kampung Tambirat, Asajaya dengan kos RM2.26 juta telah siap dilaksanakan pada 2 Mac 2018. Manakala baki kerja berjumlah RM2.74 juta dalam peringkat reka bentuk.

■1240

Projek tebatan banjir di kawasan perumahan Uni Garden dan SK Jalan Muara Tuang, Kota Samarahan adalah antara komponen Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak. Projek PLSB Sungai Sarawak telah diputuskan oleh pihak kerajaan untuk ditangguhkan pelaksanaan ke tahun hadapan.

Yang Berhormat Kapar? Yang Berhormat Kapar tidak hadir. Saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Kapar sebab ada berkaitan dengan kerja menyelesaikan isu banjir di dalam Kapar dengan menaikkan taraf saluran longkang dan juga membuat kolam takungan air untuk Kapar.

Yang Berhormat Tumpat? Yang Berhormat Tumpat yang telah mohon penjelasan kerajaan mengenai peruntukan projek tebatan banjir di Kelantan. Ini sudah pun dijawab beberapa kali di dalam Dewan ini. Isu dia sama juga. Kita ada fasa 1, 2 dan 3. PLSB di Sungai Golok Fasa 1 telah pun bermula pada tahun 2018 dan dijangka siap pada 22 April 2022 dengan siling kos projek sebanyak 300 juta. Kerja-kerja awalan sedang dilaksanakan di tapak dan juga kemajuan terkini projek adalah sebanyak lima peratus. Peruntukan tahunan yang diluluskan bagi setiap projek adalah berdasarkan kepada unjuran keperluan sebenar projek mengikut unjuran kemajuan pelaksanaan projek.

Yang Berhormat Batang Lupar? Yang Berhormat mohon kerajaan meneruskan projek hakisan pantai dan projek tebatan banjir di kawasan Batang Lupar. Untuk makluman, tiada projek kawalan hakisan pantai yang dibatalkan di kawasan Batang Lupar. Kementerian melalui jabatan JPS sedang melaksanakan projek pengawalan hakisan pantai iaitu projek pengawalan hakisan pantai di Sebuyau, Batang Lupar, Sarawak dengan siling kos projek yang diluluskan adalah sebanyak RM5 juta dalam RMKe-11. Komponen kerja yang dilaksanakan adalah ban batu *revetment* dan juga ban batu di mana peratusan kerja di tapak adalah sebanyak 53.61 peratus.

Projek tebatan banjir di kawasan Batang Lupar bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan Batang Lupar. Peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir dan kerja-kerja kecemasan di luar jangka sebelum dan selepas banjir telah disalurkan kepada kementerian kepada Jabatan Pengairan dan Saliran dan diagihkan kepada JPS negeri Sarawak. Kerja-kerja berkenaan telah dan sedang dilaksanakan di kawasan sekitar Batang Lupar bagi memastikan risiko kejadian banjir di kawasan Batang Lupar dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Ledang?

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kota Samarahan. Depan.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Saya hendak balik dengan jawapan tadi berkaitan dengan Kota Samarahan tadi. Tebatan sungai tadi, Kampung Tambirat tadi, yang mana dimaklumkan RM2.2 juta telah siap dilaksanakan untuk kecemasan pembinaan benteng dan berkaitan dengan RM2.7 juta lagi. Saya dimaklumkan kerja-kerja reka bentuk dan *design* telah pun siap sepenuhnya dan menunggu proses perolehan iaitu tender. Akan tetapi, saya dimaklumkan setakat ini tidak ada peruntukan untuk meneruskan projek berkenaan. Boleh tidak Menteri memberi sedikit pencerahan dalam perkara ini?

**Dr. Xavier Jayakumar:** Apa yang saya difahamkan ialah peruntukan itu telah diluluskan dan akan diteruskan dengan kerja yang ada sekarang.

Yang Berhormat Ledang ada?

**Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming:** Ya, masa sudah tamat.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Saya bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Ledang. Yang Berhormat Setiu? Yang Berhormat Setiu ada? Mengenai cadangan pembinaan *breakwater* bagi menyelesaikan masalah keketekan muara Sungai Merang dan masalah hakisan di Batu Rakit. Sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi isu keketekan muara Sungai Merang, untuk langkah jangka panjang, kajian lebih lanjut perlu dilaksanakan. Bagi langkah jangka pendek pula, pihak kerajaan negeri melalui JPS negeri Terengganu melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pengorekan dari semasa ke semasa. Di dalam *rolling plan* ketiga RMK, kita di Kuala Nerus Terengganu, kita ada projek pengawalan hakisan pantai. Projek berjumlah 90 juta di dalam *rolling plan* ketiga RMKe-11.

Sebagai penutup...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit, Yang Berhormat Menteri. Saya dimaklumkan oleh pihak JPS, projek yang menelan kos RM90 juta tadi telah dibatalkan. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Ini ialah di Batu Rakit ya. Kerajaan telah meluluskan projek pengawalan penghakisan pantai di Pantai Nerus yang saya ada tulisan itu. Saya faham ia diteruskan ya.

Untuk penutup ini...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Pontian ada bertanya tetapi Yang Berhormat Menteri tidak menjawab. Mungkin pegawai-pegawai di belakang itu dia tidak ambil apa yang Pontian tanya.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Apa soalnya?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** JPS di bawah kementerian Yang Berhormat ada dua jambatan JPS di Pontian yang roboh. Kita sudah dapatkan peruntukan—

bukan banyak pun— RM1.5 juta sebuah jambatan. Satu lagi, RM1.6 juta satu lagi jambatan. Jambatan itu roboh kerana pembersihan sungai yang dibuat oleh JPS yang tidak mengikut SOP. Maka rumput-rumput yang berada dalam sungai itu melanggar tiang-tiang jambatan yang berkaitan dan jambatan itu roboh. Dua-dua peruntukan sudah dibagi tetapi Kementerian Kewangan tarik balik peruntukan ini. Jambatan untuk rakyat pun Kementerian Kewangan tarik balik. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan semula peruntukan itu pada JPS Pontian supaya ia boleh dilaksanakan. Terima kasih.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Bagi saya bawa isu ini kepada pejabat jabatan saya dan selepas itu kita akan— okey, jawapan dia ialah dua-dua jambatan ini ialah projek di bawah ICU. So saya akan *follow up* dengan ICU untuk Yang Berhormat. Terima kasih.

Untuk penutup, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja lah penjelasan yang saya dapat berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 di bawah kementerian saya. Saya berharap daripada penjelasan tersebut, ia telah dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab oleh saya pada kali ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang adalah giliran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Yang Berhormat Menteri, dipersilakan.

**12.49 tgh.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tampil untuk membuat penggulungan sebagai reaksi kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sepanjang berbahas di peringkat dasar berkenaan dengan Bajet 2019.

Saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian berbahas pelbagai perkara. Namun, dalam jawapan saya, saya akan rangkumkan kepada tiga teras. Pertama adalah berkaitan dengan isu kenaikan harga barang serta kos sara hidup. Kedua berkaitan dengan penguatkuasaan serta pemantauan harga dan yang ketiga secara khusus sahabat saya dari Kinabatangan yang bertanyakan tentang perkara yang berkaitan dengan *Malaysian Business Reporting System*.

Sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan dalam berbahas telah membangkitkan satu perkara spesifik iaitu dari hal Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang telah disebut oleh Yang



Berhormat Kinabatangan sebagai meluluskan satu projek secara *direct nego* yakni untuk melaksanakan sistem *Malaysian Business Reporting System* dengan nilai kontrak RM16.5 juta.

■1250

Sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan dalam berbahas telah membangkitkan satu perkara spesifik iaitu daripada hal Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan sebagai meluluskan satu projek secara *direct nego* yakni untuk melaksanakan sistem *Malaysian Business Reporting* atau *Malaysian Business Reporting System* dengan nilai kontrak RM16.5 juta. Sahabat saya juga menyebut, dalam masa yang sama sistem ini dikatakan seharusnya dijalankan oleh SSM sendiri tetapi malangnya syarikat yang melaksanakan sistem *direct nego* ini pula diberi pula kontrak dan kontrak itu lima tahun *plus* lima tahun dan tanpa merujuk sama ada syarikat itu boleh berfungsi ataupun tidak.

Saya *quote* balik secara verbatim untuk mengembalikan ingatan Yang Berhormat Kinabatangan supaya saya boleh memberikan reaksi balas. Yang Berhormat Kinabatangan juga menyebut syarikat ini dikatakan mendapat 10 peratus daripada anggaran yang diperoleh oleh kerajaan iaitu RM400 juta setahun. Syarikat ini dikatakan cuba untuk duduk memantau sistem yang dibuat oleh SSM dan mendapat 10 peratus. Jadi kalau lima tahun, dikatakan dia akan mendapat sehingga RM40 juta wang kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk memberikan reaksi seperti berikut. Apakah kontrak tersebut dijalankan secara runding terus? Saya akan menjawab ya. Apakah tiada proses konsultasi dengan *stakeholders*? Kenapa setiausaha syarikat dikenakan tindakan saman RM300? Ini verbatim saya *quote* ya.

Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan, projek ini sebenarnya dilaksanakan pada tahun 2016 dengan proses tender secara terbuka. So, dengan sendirinya terjawab. *Direct nego* atau tender terbuka? Jawapannya tender terbuka. Bila? 2016 dan berapa banyak syarikat mengambil bahagian? 12 syarikat telah mengambil bahagian. Jawatankuasa yang membuat tapisan ada dua. Jawatankuasa Penilaian Teknikal Projek dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga Projek.

Apakala Syarikat Formis Network Services dilihat sebagai melepasi semua jawatankuasa teknikal ini dan mematuhi kesemua syarat, maka projek tersebut menjadi habuan mereka.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sedikit mencelah ya.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Sila.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat berkesudian untuk memberi penjelasan. Walau bagaimanapun, saya dimaklumkan bahawa Formis Network Services Sdn Bhd ini dia di tangga keenam daripada---ada lagi yang syarikat-syarikat lain satu sampai lima yang melepasi lebih baik daripada dia tetapi *towards the end*, SSM pilih dia juga. Jadi itu yang menjadi *argument*, menjadi persoalan masyarakat. Saya dapat maklumat ini daripada rakyat yang maklumkan saya. So saya harap Yang Berhormat cuba panggil SSM, buat kajian perkara ini sebab ada *dispute* yang berlaku. Terima kasih.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, sahabat saya. Apabila saya tampil memberi jawapan dan jawapan ini pula saya buat dalam Parlimen, saya tahu saya terdedah kepada *sanction* Parlimen, boleh merujuk kepada Jawatankuasa Pilihan kalau saya memaklumkan satu perkara yang di luar daripada maklumat rasmi yang sah.

Saya nak sebutkan bahawa kedudukan syarikat ini bukan kedudukan nombor enam seperti yang didakwa daripada 12 itu. Saya sahkan di situ dulu. Bermaksud, kalau ada maklumat selain daripada itu yang Yang Berhormat Kinabatangan terima, Yang Berhormat Kinabatangan saya mohon untuk merujuk kepada jawapan balas rasmi saya bahawa kedudukan syarikat itu bukan kedudukan nombor enam ketika proses tender ini dibuat.

Isu kedua yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan ialah pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebenarnya telah melaksanakan sesi libat urus bersama dengan *stakeholders* atau istilahnya adalah pemegang taruh. Maknanya *Malaysian Business Reporting System* ini dia mesti ada beberapa *stakeholder*. Apakah *stakeholders* ini dilibatkan? Jawapannya ada. Proses konsultasi ini dibuat sejak 2017 sebelum daripada penguatkuasaan MBRS ini pada 1 November baru-baru ini. Jadi, pelaksanaannya 1 November 2017 tetapi *consultations* dengan pihak *stakeholders* telah bermula lama sebelum itu.

Apakah latihan-latihan telah diberikan bagi memastikan apabila sistem ini dikuatkuasa, setiausaha syarikat dikehendaki untuk mengikut format baru ini, latihan ada diberikan. Berapa banyak? 329 latihan. Berapa ramai peserta yang terlibat? 12,987. Jadi, terhadap perkara yang ingin diketahui oleh Yang Berhormat Kinabatangan, apakah ada *consultation*? Ada. Adakah latihan dibuat? Ada dan saya sebutkan tadi jumlah peserta yang terlibat dan bilangan latihan yang telah dijalankan.

Isu ketiga pula ialah sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan bertanyakan ...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh sikit sahaja?

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Silakan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini saya tidak tahulah sebab apabila mereka tahu Menteri nak jawab hari ini, saya dapat maklumat latihan kurang diberikan dan sistem yang dilaksanakan ini sukar dimuat turun tetapi denda masih dilaksanakan. Jadi saya tidak tahu sama ada pegawai yang melaporkan dengan Yang Berhormat ini yang benar-benar dia ikhlas, jujur tetapi laporan yang saya terima masih ada. Saya mungkin boleh bagi nampak Yang Berhormat bahawa sistem ini sukar dimuat turun tetapi denda---sedangkan niat murni kerajaan itu mungkin baik sebab untuk memudahkan penyerahan penyata syarikat tetapi mungkin pelaksanaan itu kurang baik. Terima kasih.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Istilahnya adalah, ada atau tidak bayaran RM300 dikenakan kepada setiausaha syarikat? Jawapannya, ada. Apa status bayaran ini? Denda atau fi? Kenaan itu sebenarnya bukan denda tetapi fi yang dikenakan ke atas setiausaha syarikat jika mereka ingin membuat pindaan terhadap maklumat yang dimasukkan. Kenapa? Kenapa kita tekankan ini? Setiausaha

syarikat, kita sedapat mungkin mahukan mereka untuk pastikan maklumat-maklumat syarikat yang mereka masukkan benar-benar tepat dan *legitimate*. Jadi kalau setiausaha syarikat itu cermat dalam memasukkan input itu di dalam sistem *reporting* baru ini, maka tak timbullah soal denda. Jadi kalau mereka masukkan dengan tepat, dengan cermat maka dikenakan fi. Jadi ada beza antara fi dengan denda.

Jadi, kalau kita disiplinkan begitu setiausaha syarikat sebab kita ada berjuta syarikat. SSM ini dia daftar, dia adalah *registrar of society*. Dia juga *registrar of business*. Jadi tak ada satu syarikat di negara kita, tak ada satu pun perniagaan di negara kita kalau dia nak beroperasi secara telus dan mengikut undang-undang, dia mesti berdaftar dengan SSM dan bila dia daftar, dia diwajibkan mengemukakan laporan. Jadi operasi syarikat ini biasanya laporan itu akan disempurnakan oleh setiausaha syarikat. Jadi, SSM sebagai satu badan yang *regulates discipline* ini, mereka akan memastikan bahawa sistem MBRS yang diperkenalkan ini boleh menjadi satu sistem yang efektif untuk menyimpan kesemua maklumat tentang syarikat dan perniagaan di negara kita dan tanggungjawab ini, *the honors is on the* setiausaha-setiausaha syarikat.

Jadi ini cuma satu sistem, cuma satu sistem dan kalau sekiranya setiausaha syarikat dapat mematuhi disiplin ini, maka soal kompaun itu tak berbangkit sama sekali. Ya?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, itu sebab saya kata tadi awal-awal. Niat murni kerajaan itu memang ada untuk mempermudah dan mengumpul data-data syarikat itu untuk dilaksanakan dan dipermudahkan. Walau bagaimanapun sistem itu sendiri tidak diterjemahkan awal, tidak diberi latihan setiausaha syarikat keseluruhannya, tidak diberi latihan dan sistem itu sendiri sukar untuk dimuat turun. Itu yang berlaku. Terima kasih.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya akan terus mendengar, tekun dan mengambil maklum. Pada masa yang sama, ketika saya memberikan respons ini, saya menyebut dengan jelas terhadap persoalan ada atau tidak latihan untuk membiasakan dengan sistem baru ini dibuat oleh SSM. Jawapannya ada. Kalau Yang Berhormat Kinabatangan merasakan bahawa dibuat latihan sekalipun masih ada kelemahan kerana ini merupakan satu sistem yang baru sahaja dikuatkuasakan, baru 1 November, sekarang kita di minggu ketiga November. Kalau ada masalah di peringkat pelaksanaannya, saya bersedia untuk mendengar sebab itu pun tujuan kita. Niat yang baik tetapi kalau pelaksanaannya tempang atau kucar kacir, ia perlu kita beri penambahbaikan. Saya tidak akan bangun untuk membuat *denial* sebab itu tak akan ke mana tetapi pada tahap---

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri niat baik, *nawaitu* pun baik tetapi sekarang had masa beristirahat pun baiklah.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sudah sampai pukul 1.00. Majlis disambung semula pukul 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita teruskan dengan jawapan-jawapan daripada kementerian. Dijemput Yang Berhormat Menteri KPDNHEP, sila.

**2.32 ptg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum rehat tadi, saya sedang memberikan reaksi terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh sahabat saya dari Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi, saya memilih untuk membuat sedikit lagi reaksi terhadap...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum *last* untuk saya *clarify* sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama Yang Berhormat Menteri, hujah saya dahulu iaitu saya menyentuh soal *core system* yang di *direct negotiate* bukan MBRS.

Kedua, yang menghairankan kita orang ramai iaitu sistem yang ada ini seharusnya dilaksanakan oleh SSM sendiri tetapi di *outsourcing* dengan sebuah syarikat POMIS. POMIS mendapat 10 peratus daripada melaksanakan *monitoring system* sedangkan SSM perlu membayar *software* dan *hardware*. Jadi kalau macam ini, nampak tidak cantiklah. Oleh sebab kalau tidak ada kerja, pungut 10 peratus, dianggarkan pendapatan SSM berjumlah RM400 juta setahun. Kalau 10 peratus, sudah RM40 juta kerajaan hilang. Kalau lima tahun, bermakna RM200 juta. *Agreement* ia pun, lima tahun *plus* lima tahun, automatik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan.

Pada permulaan saya memberikan jawapan, saya memetik secara verbatim perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Dalam teks itu tersebut dengan jelas, "*Baru-baru ini, SSM telah meluluskan satu direct negotiate untuk melaksanakan projek Malaysian Business Reporting System*". Jadi MBRS disebut dengan jelas di sini ya. Jadi, respons saya adalah terhadap perkara yang disebut secara spesifik di dalam *Hansard*.

Akan tetapi kalau perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan itu merujuk kepada persoalan yang sebaliknya, saya mohon notis untuk memberikan reaksi. Namun, kerana seawal sesi tengah hari tadi, kita telah berlegar kepada jawapan atau reaksi saya terhadap perkara ini, maka termasuk perkara yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Kinabatangan iaitu tentang adanya beberapa kelemahan, jika sistem itu dikuatkuasakan. Yang Berhormat Kinabatangan, saya harus ucapkan terima kasih kerana membangkitkan perkara ini.

Oleh kerana itu secara jujur, kita akui, tidak dapat dinafikan, ia memang ada aduan berhubung masalah yang dihadapi pada peringkat permulaan menggunakan sistem ini.

Mohon saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah menyediakan satu pasukan pusat yang – satu tim khusus untuk menguruskan soal komunikasi ini dan membantu dari aspek komunikasi atau respons kepada aduan-aduan. Mirip seperti *call center*. Ini bertujuan untuk membantu setiausaha syarikat secara komunikasi terus dengan izin, *one to one*. Selain itu, ekoran daripada reaksi-reaksi awal terhadap beberapa kekurangan dalam aspek pelaksanaan, SSM juga telah menubuhkan pasukan khas yang dianggotai oleh pegawai-pegawai teknikal yang memahami proses polisi dan operasi yang ditempatkan di dalam satu *outfit* yang dipanggil sebagai *war room* bagi membantu menyelesaikan setiap aduan yang dikemukakan kepada pusat panggilan. Sehingga kini, masalah-masalah yang telah diterima oleh pengguna, dapat diuruskan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk beralih kepada beberapa perkara lain yang juga disinggung dalam perbahasan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Sering kali, ketika kementerian ini membuat penggulungan, sama ada di peringkat soalan-soalan oleh Ahli Yang Berhormat ataupun ketika membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia, perkara berkaitan dengan kos sara hidup ataupun kenaikan harga barang ini adalah topik yang sangat popular dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat kerajaan, kita memilih untuk mengaktifkan semula satu majlis yang kita sebut sebagai Majlis Tindakan Kos Sara Hidup, yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Mesyuarat telah dibuat, idea telah kita bincang. Antara hasil awalnya Tuan Yang di-Pertua ialah apabila Kementerian Kewangan tempoh hari mengumumkan tentang bagaimana untuk meringankan kos sara hidup ini yang datang daripada segmen pengangkutan. Kita sedia maklum, kos sara hidup disumbangkan oleh kos pengangkutan, kesihatan, pendidikan, perumahan, *utilities* dan makanan. Enam segmen inilah yang merupakan penyumbang terbesar kepada kenaikan kos sara hidup. Apa reaksi kerajaan? Kita *activate*-kan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup.

Kenapa saya guna istilah kita *activate*-kan? Majlis ini asalnya telah diwujudkan oleh kerajaan yang lepas. Cuma tidak kesampaian dari segi perjalanannya, kerajaan beralih. Akan tetapi saya melihat, ia satu idea yang baik. Saya anggap ia satu platform yang efektif kalau dapat kita gerakkan bersama. Saya berpandangan bahawa isu kos sara hidup tidak boleh diuruskan secara terpisah oleh satu-satu kementerian. Ia harus merangkumi penglibatan kementerian-kementerian lain yang juga terbabit. Maka lahirlah kita *activate* kan semula.

Antara hasil awalnya adalah, kita mencadangkan supaya bantuan pas bulanan tanpa had kepada pengguna perkhidmatan rel, Rapid Rail dan Rapid Bus. Pas bulanan tanpa had Rapid Bus dan diskaun, tambang KTM komuter semua ini dibincangkan dalam Majlis Tindakan Kos Sara Hidup, diangkat kepada Jemaah Menteri, diluluskan dan dimasukkan dalam ucapan belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ini antara hasil awal. Ada lagi beberapa perbincangan di peringkat idea yang sedang kita usahakan sekarang, di peringkat majlis eksekutif

yang saya pengerusikan dan di peringkat kluster. Kluster pengangkutan, kluster pendidikan, kluster kesihatan yang dipengerusikan oleh ketua setiausaha kementerian masing-masing.

■1440

Jadi, ia adalah satu usaha yang berterusan oleh kerajaan sekarang ke arah menggembleng seluruh potensi berfikir dan kepakaran yang ada dalam ruang lingkup keupayaan kerajaan untuk mencari dan mengusahakan formula terbaik. Pada masa yang sama, ketika penyelesaian jangka sederhana dan jangka panjang diusahakan Tuan Yang di-Pertua, kita juga sensitif dalam menerima aduan daripada rakyat terbanyak. Oleh sebab itu apabila rakan-rakan Ahli Yang Berhormat saya termasuk daripada Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Limbang yang membangkitkan bagaimana tidak berlaku langsung penurunan harga selepas pelaksanaan SST menggantikan GST.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kementerian ini sejak 10 tahun yang lepas kita ada lebih kurang 1,000 orang, 1,000 lebih sedikit pegawai pemantau harga. Mereka ini graduan tetapi dilantik oleh kementerian secara kontrak sudah 10 tahun mereka berfungsi. Tugas hakiki mereka adalah mengumpul data-data harga barang. Setiap hari mereka pergi ke premis-premis perniagaan yang menjadi tempat tumpuan rakyat berbelanja, *hypermarket*, *supermarket*, pasar basah, pasar malam, kedai runcit, mereka pergi. Setelah mereka sampai ke premis itu, mereka akan teliti harga barang setiap hari dalam enam kategori barangan pengguna ini.

Apa maksud kategori barangan pengguna ini? Kalau kita berbelanja, barang-barang ini pasti tergolong dalam barang yang kita beli. Jadi, senarainya adalah 417 barangan. Sahabat saya Yang Berhormat Pontian pernah menganjurkan, mengapa mesti kita hadkan 417. Oh! Barangkali ia tidak memberikan satu gambaran sebenar tentang harga barang. Saya akui *hypermarket* yang besar ini, ia akan ada sampai 40,000 barangan yang dipanggil *stock keeping unit* (SKU). Botol mineral ini satu SKU, cawan ini satu SKU, gula-gula ini satu SKU, ada 40,000. Akan tetapi ada beza di antara barangan yang kerap rakyat beli. Apa dia? Minyak masak, beras, Maggie, sayur, sosej, kopi, milo, *diapers*, banyak lagi senarainya.

Jadi apabila tinjauan itu dibuat ke atas 417 barangan melibatkan hampir 2,000 premis Tuan Yang di-Pertua, setiap hari tanpa gagal kemudian maklumat ini dihantar kepada kementerian di bawah Majlis Harga Barang Negara. Kemudian dibina carta pai, tiga kategori harga barang 417 tadi yang kekal, yang naik dan yang turun setiap hari. Faktanya ialah ada barangan yang naik, ada barangan yang kekal dan ada barangan yang turun harga. Barangan yang turun itu mengatasi jumlah yang naik.

Saya bagi contoh, di seluruh negara sehingga sekarang kita bercakap ini, saya ambil contoh lima barangan yang menyaksikan penurunan setelah pegawai pemantau harga pergi. Pertama, bawang kecil dan bawang merah ini turun di seluruh negara. Bawang putih seluruh negara turun. Minyak masak cap Buruh, tiga kilogram turun. Kordial F&N, dua liter turun. Susu rumusan bayi, susu *baby* turun. Jadi turun itu ada yang turun satu peratus, ada yang turun lima peratus, ada yang turun tiga peratus. Oleh sebab itu saya mengucapkan terima kasih sahabat

saya Yang Berhormat Bintulu yang menyampaikan kepada saya bahawa ayat dia adalah di Bintulu tidak ada langsung barang turun harga.

Jadi— sekejap Yang Berhormat Pontian, saya hendak habiskan yang ini, saya semak dengan pegawai pemantau harga saya. Saya kata tolong bagi data terkini barang-barang di Bintulu sebanyak 417 item ini yang disemak oleh pegawai pemantau harga. Mereka beritahu saya, barang yang naik harga ini 92 item, yang kekal enam, yang turun 180. Saya tanya lagi, tolong beritahu sebab saya hendak jawab dalam Parlimen, apa contoh barangan yang turun harga? Dia sebut tepung gandum cap Sauh, ini di Bintulu di Pontian mungkin harga berbeza. Minyak jagung cap Mazola, susu sejat penuh krim Ideal, sardin cap ayam, teh Lipton uncang— ini yang turun.

Baik, turunnya banyak mana? 0.12 peratus. 0.25 peratus. Saya akui. Oleh sebab turun itu sangat kecil, kita tidak terasa. Kita tidak terasa. Akan tetapi soalnya ada tidak naik? Ada. Berapa? Sebanyak 92 item. Ada tidak yang turun? Ada. Banyak mana? 180 item. Jadi saya sekarang sedang berkongsi maklumat bagaimana pegawai pemantau harga yang setiap hari kerjanya adalah memberikan maklum balas harga barangan pengguna di luar sana dari Perlis sampai ke Sabah. Silakan Yang Berhormat Pontian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sebelum Yang Berhormat Pontian bertanya, saya ingin memaklumkan kehadiran pemimpin dan AJK sayap-sayap belia persatuan lima Daerah Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Selamat datang, semoga bermanfaat. Sila Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, kawan lama. Diperiksa 417 barangan dan 417 barangan itu ada yang tidak terkena SST pun sebagai mana contoh bawang, minyak masak, tepung. Dahulu GST tidak dikenakan, baru ini SST pun dikenakan. Apa yang menjadi kerunsingan saya ialah 6,405 barangan yang ada SST itu perlu dibuat kajian sebab baru-baru ini saya sudah sebarkan juga, saya pergi ke dua *outlet* 24 jam yang di dua tempat yang berbeza. Saya bertanya manakah yang barangan yang naik 10 peratus. Orang yang menjaga *outlet* itu menyatakan bahawa mereka sendiri yang menaikkan dan menukar segala harga di kedai itu hampir semua naik 10 peratus apabila SST dilaksanakan.

Saya tidak puas hati, saya pergi satu lagi *outlet* atas nama lain, 24 jam. Dia kata 182 barang yang dia sendiri dengan tangannya menukarkan harga naik 10 peratus setelah SST dilaksanakan. Jadi kalau kita lihat dan Yang Berhormat Menteri menceritakan dengan 417 barang yang kemudian cerita pada orang bahawa 180 barang turun, 92 barang naik. Ia tidak memberikan gambaran sebenar apa yang berlaku, itu maksud saya. Saya berniat baik Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih. Saya tidak ada perbezaan dengan Yang Berhormat Pontian. SST ini ada kosong peratus, ada lima peratus dan ada 10 peratus. Jadi dalam item barangan yang disemak harga oleh pegawai pemantau harga ada yang kena SST, ada yang tidak kena SST. Item yang kena SST lima peratus, yang kekal tidak berubah

harganya lima peratus. Item yang naik lima peratus, yang harganya turun 90 peratus. Daripada 417 item ada yang kena SST, ada yang tidak kena SST. Item yang kena SST lima peratus, 90 peratus itu turun.

Ini adalah fakta dapatan setiap hari oleh pegawai pemantau harga. Saya telah berbincang dengan pegawai saya, kami akan masukkan dalam laman web kementerian sebagai panduan Ahli-ahli Yang Berhormat juga untuk tengok ada tidak yang SST 10 peratus? Ada. SST 10 peratus pula yang kekal harga adalah lapan peratus, yang naik adalah lapan peratus juga manakala yang turun adalah 84 peratus. Itu adalah barangan yang dikenakan SST 10 peratus dalam kategori 417 barangan.

Jadi kalau kita tengok paten ini, kita boleh memilih untuk membuat *swiping statement* sebab kita kata ini tidak memberikan gambaran sebenar atau kita boleh memilih untuk melaporkan berdasarkan kepada fakta dan angka. Saya akui sahabat saya Yang Berhormat Pontian, bekas Timbalan Menteri Kewangan, bekas Timbalan Menteri MITI seorang yang sangat *obsess* dengan angka dan fakta. Itu yang saya kenal. Jadi sekarang saya memilih untuk berkongsi angka-angka ini.

Jadi saya bersedia untuk berkongsi maklumat-maklumat terperinci ini yang disebut 417 barang itu apa. Apa yang naik, apa yang turun? Mana yang kena GST, mana yang tidak? Oleh sebab saya harus memberikan kepercayaan dan hormat saya kepada komitmen pegawai pemantau harga yang bekerja tugas hakikinya satu sahaja, dia tidak jaga kawasan macam kita, ziarah orang mati, kenduri kendara, ada banjir dan sebagainya, dia cuma satu sahaja...

#### ■1450

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sedikit. Yang jelas naik cili sos. Dahulu RM2.69, sekarang RM3.10. Itu jelas naiklah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak mengingatkan ada tinggal beberapa saat sahaja untuk dirumuskan. Baik, terima kasih

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih, saya akhiri dengan *wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. [Dewan Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah memberi jawapan tadi.

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya untuk menjawab pertanyaan. Silakan.

#### 2.55 ptg.

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Salam sejahtera dan salam hormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasaan ke atas Rang Undang-undang Bajet 2019 peringkat dasar yang turut menyentuh isu-isu di bawah bidang



kuasa Kementerian Kerja Raya pada minggu lalu. Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu yang dibangkitkan itu. Saya akan gunakan kesempatan ini dengan sebaik mungkin bagi memberikan jawapan bagi setiap soalan dan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu yang pertama oleh Yang Berhormat Jeli mengenai Jalan Raya Timur-Barat yang dikatakan sentiasa berlaku kemalangan. Yang Berhormat Jeli?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jeli tidak ada.

**Tuan Baru Bian:** Saya akan menjawab secara bertulis ya. Yang Berhormat Selayang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Selayang pun tidak ada.

**Tuan Baru Bian** Saya akan menjawab secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kota Samarahan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kota Samarahan.

**Seorang Ahli:** Tidak ada, tidak ada

**Tuan Baru Bian:** Saya akan menjawab secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kota Kinabalu dan Yang Berhormat Sandakan?

**Seorang Ahli:** Ada

**Tuan Baru Bian:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Kinabalu dan Yang Berhormat Sandakan meminta agar Berat Dengan Muatan (BDM) dapat diselaraskan antara Sabah dengan Semenanjung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan Kajian Beban Gandar (*Excel Load Study*) ke atas jalan-jalan utama Persekutuan Semenanjung Malaysia pada tahun 1988. Kajian tersebut telah mencadangkan polisi beban gandar untuk dikuatkuasakan melalui penguatkuasaan Perintah Sekatan Berat Jalan Persekutuan atau *Weight Restriction Oder (WRO) 1989*. Tujuan ialah untuk melindungi jalan dan jambatan di sepanjang Jalan Persekutuan daripada mengalami kerosakan akibat daripada kenderaan yang beroperasi melebihi had muatan yang dibenarkan.

Bagi jalan-jalan persekutuan di Sabah Sarawak dan Labuan, hasil Kajian Bridge Capacity 2011 mendapati terdapat lima jalan persekutuan di Sarawak dinaikkan kepada had berat maksimum kenderaan enam gandar daripada 38 tan kepada 40 tan iaitu Jalan Bintulu – Tanjung Kidurong (*Route 800*), Jalan Kuching Bypass (*Route 801*), Jalan Datuk Muhammad Musa (*Route 802*), Jalan Serian – Tebedu sempadan Indonesia (*Route 21*) dan jalan ke Politeknik Kuching (*Route 901*) dan diwartakan di bawah WRO pindaan tahun 2012.

Bagi jalan persekutuan lain di Sabah, jambatan yang sedia ada perlu dinaik taraf terlebih dahulu sebelum kenaikan had berat dilaksanakan. Keseluruhan kenaikan had berat kenderaan

di Sabah dan Sarawak boleh diselaraskan semula setelah Lebu Raya Pan Borneo siap sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Payar Besar...

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, sila.

**Tuan Baru Bian:** Yang Berhormat Sandakan? Okey, Yang Berhormat Sandakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Jadi tentang muatan itu, saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, bila ini yang boleh disediakan untuk menaik taraf dia punya muatan di Sabah? Saya dapat tahu ini berpuluh-puluh tahun sudah masih Sabah yang terhad untuk 38 tan sahaja. Akan tetapi di Semenanjung sini pun berapa kali sudah meningkat. Jadi saya fikir— Yang Berhormat Menteri tahukah yang ini satu keadaan yang walaupun sekarang di Sabah kita yang baharu memberi 38 tan, tetapi selarasnya lori itu yang melebihi, mengangkat muatan itu di Sabah. Kenapa ini boleh? Sebab rasuah. So, banyak yang ini lori terpaksa sebab tidak mencukupi memuat dia punya barang, jadi rasuah selalu hari-hari berlaku. *Kasi* wang nanti *kasi* dia lepas itu. Keadaan begitu.

Jadi saya haraplah, Yang Berhormat Menteri, ini selama ini kita bangkitkan isu ini, berapa lama sudah, berkali-kali memberitahu alasannya sebab jambatan itu tidak cukup kuatlah, apa itu. Saya fikir ini sudah mahu sampai sudah satu masa, kita mesti mahu jaga, kita pakai keadaan. Bila yang boleh selesai ini jambatan punya permasalahan? Saya fikir kalau yang mengikut yang punya itu, lagi 10 tahun pun tidak boleh. Jika ada jalan, tidak perlu *melimpas* itu jambatan itu. So mesti hendak *kasi* jalan dahulu. *Kasi* meningkat di Sabah sini.

Saya minta Menteri ini memberi perhatian ini kepada masalah yang kita sudah bangkit di Sabah bertahun-tahun. Sekian

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya.

**Tuan Baru Bian:** Saya akan mengambil berat perkara dan informasi yang telah dikemukakan pada hari ini. Yang Berhormat Paya Besar ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak ada.

**Tuan Baru Bian:** Saya akan menjawab secara bertulis. Yang Berhormat Segamat?

**Seorang Ahli:** Ada

**Tuan Baru Bian:** Ada ya. Terima kasih. Yang Berhormat Segamat membangkitkan tentang lebu raya dari Segamat ke Muar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Segamat – Tangkak terbahagi kepada tujuh pakej iaitu Pakej 1A, Pakej 1B, Pakej 2, Pakej 3, Pakej 4, Pakej 5 dan Pakej 6 yang melibatkan sebanyak keseluruhan panjang jajaran 63.71 kilometer. Dua pakej telah pun siap iaitu Pakej 1B dan Pakej 2. Manakala Pakej 3 dalam fasa pembinaan. Pelaksanaan jajaran seterusnya iaitu Pakej 1A, Pakej 4, Pakej 5 dan Pakej 6 adalah tertakluk kelulusan agensi pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persekutuan 12 (FR12) menghubungkan Kuantan, Pahang dengan Segamat, Johor adalah sepanjang 147 kilometer. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, projek menaik taraf Jalan Persekutuan FR 12 dari Gambang, Pahang ke Segamat, Johor Fasa 1 telah diluluskan untuk pelaksanaan. Skop projek adalah menaik taraf jalan sedia ada dari piawai R3 kepada R5 sepanjang 47 kilometer bermula dari Persimpangan Gambang sehingga ke Persimpangan Chini. Pembinaan telah dimulakan pada Ogos 2015. Kemajuan fizikal projek ini telah mencapai 78 peratus pelaksanaannya dan projek dijangka disiapkan pada September 2019.

Permohonan untuk menaik taraf baki Jajaran Persekutuan FR 12 sepanjang 100 kilometer telah diangkat dalam senarai projek baharu sebelum ini. Walau bagaimanapun, status keutamaan dan kelulusannya adalah tertakluk kepada agensi Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada.

**Tuan Baru Bian:** Beliau membangkitkan cadangan menaik taraf Jalan Pontian ke Benut serta tambahan lorong motosikal antara Benut ke Simpang Renggam.

Kementerian ini mencadangkan agar permohonan menaik taraf jalan tersebut dikemukakan kepada kementerian ini untuk dipertimbangkan di dalam permohonan projek baharu *rolling plan* yang akan datang sekiranya memenuhi keperluan teknikal untuk di naik taraf kelak.

Kementerian ini mengambil maklum isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puncak Borneo bagi jalan-jalan di Parlimen Puncak Borneo. Bagi Jalan Puncak Borneo dan Jalan Padawan yang berbahaya dan mengundang kemalangan maut, kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya Sarawak akan melakukan siasatan mengenai perkara ini. Segala pembaikan jika perlu adalah bergantung pada laporan siasatan ini. Manakala bagi cadangan menaik taraf Jalan Bau – Kuching...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Ya, sila.

■1500

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, Pontian disebut nama tadi itu. Sebenarnya kalau pegawai-pegawai sudah ada di belakang itu, apa yang saya hasratkan daripada Pontian ke Benut, sekarang ini sudah ada dua lorong yang agak besar selepas itu sudah ada jalan untuk motosikal. Kiri dan kanan jalan untuk motosikal itu kalau digabungkan sudah menjadi satu lorong. Jadi, satu lorong campur dua lorong, sudah ada tiga lorong. Dengan lain perkataan apabila saya memohon empat lorong, jalan itu sebenarnya hanya perlu satu lorong tambahan sahaja lagi dia akan menjadi empat lorong.

Ini kalau kita *adjust alignment*-nya dan juga *adjust* dia punya garisan jalan, walaupun bunyinya empat lorong tetapi sebenarnya yang perlu ditambah hanya satu lorong. Apabila digabungkan dua lorong motosikal. Antara Benut ke Simpang Renggam, Simpang Renggam ini kawasan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, dia sudah ada tol di tempat itu. Jadi, jalan itu

semakin digunakan, menjadi berbahaya kalau tidak ada laluan motosikal. Jadi, itu diperlukan untuk laluan motosikal.

Anggaplah ini sebagai permohonan rasmi, Dewan Rakyat ini Dewan tertinggi untuk menyatakan permohonan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri menjawabnya.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Pegawai yang di belakang akan semak dan akan memberi perhatian. Manakala cadangan bagi menaik taraf Jalan Bau-Kuching, semakan oleh kementerian ini mendapati bahawa jalan tersebut adalah merupakan jalan negeri Q62. Sehubungan dengan itu peruntukan dan pelaksanaan adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri.

Yang Berhormat Sarikei memohon, ada? Saya akan menjawab secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua isu seterusnya, Ahli Yang Berhormat Lanang membangkitkan tentang keadaan Jalan Sibul ke Bintulu dan Tatau ke Selangau. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jalan Sibul ke Bintulu dan Tatau ke Selangau merupakan sebahagian daripada Jalan Persekutuan yang kini sedang di naik taraf kepada empat lorong, dua hala, di bawah projek Pan Borneo Sarawak. Penyelenggaraan jalan tersebut khususnya pembaikan kerosakan jalan dan lubang-lubang jalan *potholes* adalah di bawah skop penyelenggaraan semasa pembinaan dan agen *maintenance during construction* yang dilaksanakan oleh Kontraktor Pakej Kerja, *Work Packages Contractor (WPC)* dengan izin.

Langkah-langkah penambahbaikan telah diambil bagi mempercepatkan pembaikan kerosakan jalan tersebut, terutamanya semasa musim hujan kebelakangan ini. Sebagai contoh pemeriksaan menyeluruh setiap minggu. Mengurangkan *respond time* dengan izin, pembaikan dan mewujudkan *Premix Plant* berdekatan dengan kawasan-kawasan dengan tahap kerosakan tinggi.

Yang Berhormat Limbang memohon agar kementerian mempertimbangkan semula pembinaan fasa 2 Lebuhraya Pan Borneo Limbang ke Lawas dan menaik taraf Jalan Persekutuan di Limbang ke Lawas sepanjang 42 kilometer. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan kini sedang meliliti *option* jajaran fasa 2 Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dari Limbang ke Lawas yang tidak melalui negara Brunei Darussalam.

Sehubungan daripada itu, kerajaan masih meneliti semula mekanisme dan kaedah pelaksanaan keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dan akan dimuktamadkan dalam masa terdekat. Berhubung permohonan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan sepanjang 42 kilometer di Limbang dan Lawas, kementerian akan memanjangkan permohonan tersebut untuk pertimbangan dan kelulusan agensi pusat.

Projek *Central Spine Road* dan Lebuhraya Kota Bharu Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua saya akan beralih pula isu seterusnya mengenai pembangunan di Pantai Timur yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat Jeli dan Kota Bharu. Ada dalam Dewan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jeli baru masuk.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Ada.

**Tuan Baru Bian:** Okey, ini penting. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Kelantan dan Pahang ialah Projek Lebu Raya Kota Bharu ke Kuala Krai dan *Central Spine Road*. Projek ini bakal menjadi laluan alternatif yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna yang ingin menuju ke Pahang dan Kelantan menerusi Gua Musang apabila siap sepenuhnya kelak.

Projek Lebu Raya Kota Bharu ke Kuala Krai sepanjang 61.36 kilometer telah dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek ini dibahagikan kepada tiga pakej utama iaitu Pakej 1 Wakaf Che Yeh ke Kadok sepanjang 10.8 kilometer. Pakej 2 Kadok ke Machang sepanjang 28.95 kilometer dan Pakej 3 Machang ke Kuala Krai sepanjang 21.61 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan keperluan trafik semasa, projek ini telah dimulakan dengan tiga kontrak pembinaan iaitu:

- (i) Pakej 1B Pasir Hor ke Kadok sepanjang tujuh kilometer telah pun siap pada Julai 2018;
- (ii) Pakej 2A Kadok ke Ketereh sepanjang 6.85 kilometer telah dimulakan pada April 2015 dan dijadualkan siap pada April 2019; dan
- (iii) Pakej 2B Ketereh ke Kok Lanas sepanjang 6.2 kilometer telah dimulakan pada November 2017 dan dijadualkan siap pada November 2020.

Seterusnya Projek *Central Spine Road* dari Kuala Krai Kelantan ke Simpang Pelangai Pahang sepanjang...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya mencelah sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Boleh saya tanya sedikit soalan iaitu berkaitan dengan beberapa fasa lagi ataupun pakej lagi yang tidak disebut oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai tadi. Saya hendak tahu ialah bilakah projek-projek ataupun pakej-pakej ini akan dimulakan, yang belum lagi dimulakan, yang telah siap dan yang telah pun dilaksanakan itu tidak mengapalah. Akan tetapi yang belum dimulakan lagi, ada beberapa pakej lagi, pertama.

Kedua, ada sekitar 10 kilometer saya difahamkan antara Machang ke Berangan Mek Nab. Kawasan ini ataupun laluan ini telah dibina oleh kerajaan negeri yang dinamakan sebagai Lebu Raya Rakyat, adakah termasuk dalam jajaran yang sama yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat. Masanya masih tidak dapat kita pastikan. Akan tetapi kita angkat semua ini dalam rancangan yang akan datang ini mengikut prioriti. Keduanya, mengikut...

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, Jeli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jeli, belakang sana.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Yang Berhormat Menteri saya sambung Yang Berhormat Kuala Krai tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Belakang sana.

**Tuan Baru Bian:** Oh!

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya Yang Berhormat sebut tadi Pakej 2A dan Pakej 2B, Pakej 2A April 2019, Pakej 2B mungkin tahun 2020-2021. Sebahagian besar lebuhraya ini iaitu daripada Ketereh ke Machang, Kuala Krai dan akhir Gua Musang. Jadi, banyak lagi yang belum selesai, rakyat Kelantan mahu ialah supaya kerajaan pusat menimbangkan agar disegerakan pembinaan keseluruhan. Jadi yang siap baru Pakej 1A dan 1B, 2A dalam pembinaan, 2B dalam pembinaan dan saya difahamkan yang 2A dan 2B pun ada kelewatan.

Jadi seterusnya tiga dan lain-lain ini, maknanya kita mohon pertimbangan kerajaan supaya pakej seterusnya, sekarang ini yang dalam pembinaan sampai ke Ketereh. Ketereh ke Machang, Machang ke Kuala Krai, Machang ke Gua Musang. Sambungan ke Kuala Krai tadi rakyat Kelantan ingin memohon kerajaan pusat agar disegerakan pembinaan, disiapkan secepat mungkin kerana Kelantan salah satunya negeri yang belum ada lebuhraya. Perlis sudah ada, Terengganu sudah banyak, Kelantan belum ada lagi. Pertimbangan rakyat Kelantan, permohonan rakyat Kelantan, jadi kita hendak tahu sama ada kerajaan pusat akan menyegerakan pembinaan pakej-pakej selepas 2A dan 2B yang dalam pembinaan hari ini.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Sedikit tambahan Yang Berhormat Menteri, Kuala Krai sedikit lagi. Kalau tidak silap saya dalam KSP, dua minggu lepas, ada dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia sebut khusus lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai ini. Akan tetapi dalam bajet kali ini tidak ada dan tadi Yang Berhormat Menteri sebut mungkin akan dimasukkan dalam RMK ke seterusnya. Jadi, apakah kesudahan apa yang telah disebutkan oleh Perdana Menteri dalam KSP tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bangkitkan *concern* bagi perkara ini yang izin Tuan Yang di-Pertua.

■1510

Bagi Kementerian Kerja Raya, kita ambil serius tentang perkara ini kerana ini adalah satu projek yang penting. *The Central Spine Road* adalah satu projek yang penting *to link the north*

*and the south*, dengan izin. Kita akan beri perhatian tentang projek ini dan kita sudah dimaklumkan kerana semua projek kita ini tertakluk dengan kemampuan kewangan negara. *That's the problem*. Akan tetapi, kita akan beri *serious focus* dengan CSR ini.

Mengenai satu tempat di antara Machang ke Kuala Krai, saya difahamkan dahulunya dirujuk sebagai lebuhraya rakyat iaitu 10 kilometer itu yang diambil oleh Kerajaan Negeri Kelantan yang kini tidak diteruskan atau tidak mampu diteruskan. Saya difahamkan Yang Berhormat, bahawa Kementerian Kerja Raya dan...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat, saya difahamkan projek itu diteruskan, berjalan.

**Tuan Baru Bian:** Apa yang saya difahamkan. Maklumat yang diberi kepada kementerian bahawa ada satu perbincangan di antara kementerian dan juga wakil dari Kerajaan Negeri Kelantan di mana kita sedia mengambil alih projek ini tanpa *liability*. Itu kita punya *position* sekarang ini. Okey.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, *central road*. Projek *Central Spine Road* dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai sepanjang 351.25 kilometer telah pun dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan dibahagikan kepada enam pakej utama. Pakej satu, Kuala Krai ke Jambatan Sungai Lakit, Kelantan 47 kilometer. Pakej dua, Jambatan Sungai Lakit ke Gua Musang, Kelantan 59 kilometer. Pakej tiga, Gua Musang ke Kampung Relong, Kuala Lipis, Pahang 93.8 kilometer. Pakej empat, Kampung Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang 50 kilometer. Pakej lima, Raub ke Bentong, Pahang 53.95 kilometer. Pakej enam, Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang 47.5 kilometer. Jajaran sepanjang 140.85 kilometer telah diluluskan untuk pelaksanaan iaitu 123.35 kilometer di negeri Pahang dan 17.5 kilometer di negeri Kelantan. Pemilihan lokasi projek adalah berdasarkan aspek keselamatan dan kesesakan lalu lintas.

Pada masa ini, jajaran sepanjang 55.35 kilometer dari Merapoh ke Kampung Seberang Jelai, Pahang dan 5.78 kilometer dari Kampung Asap ke Kampung Sertik telah pun siap pembinaan. Jajaran sepanjang 54.87 kilometer yang sedang dalam pembinaan iaitu pakej tiga, seksyen 3D dan 3E1 dari bulatan Gua Musang, Kelantan ke Merapoh, Pahang 16.3 kilometer. Pakej lima, Seksyen 5B, 5C2 dan 5D dari Kampung Orang Asli Sungai Chandan ke Kampung Sertik dan Bentong Bypass, Pahang 38.57 kilometer. Jajaran sepanjang 24.85 kilometer pula sedang dalam peringkat perancangan tender iaitu pakej tiga, seksyen 3B dan 3C dari kilometer 180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang, Kelantan tujuh kilometer. Pakej tiga, seksyen 3J dari Kampung Seberang Jelai ke Kampung Relong, Pahang 6.95 kilometer. Pakej empat, seksyen 4A1 dari Kampung Relong ke Kampung Bapong, Pahang 1.3 kilometer dan pakej lima, seksyen 5A, Raub Bypass 9.6 kilometer.

Bagi projek baharu dalam RP4 2019, pakej 2C dan 3A...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** ...Dari Kok Lanan ke Bukit Tiu, Machang 9.55 kilometer, projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan dan baki keseluruhan pakej empat dari Kampung

Bapong ke Raub yang sepanjang 48.7 kilometer telah pun diluluskan untuk pelaksanaan. Baki pakej yang masih belum dilaksanakan dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh *rolling plan* Rancangan Malaysia yang seterusnya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Lipis, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, ada pertanyaan. Yang Berhormat Lipis.

**Tuan Baru Bian:** Okey.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar ada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, pakej daripada Seberang Jelai ke Kampung Relong dan ini adalah menghala ke Raub, Pahang iaitu merupakan sebahagian dalam kawasan saya. Soalan saya, bilakah anggaran — Adakah tawaran telah dibuat kepada kontraktor dan bilakah dijangka akan memulakan kerja-kerja tersebut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat. Maklumat itu tidak dalam tangan saya sekarang ini, saya akan respons, *reply* dalam secara bertulis. Boleh? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sikit Yang Berhormat Menteri. Dari Kubang Kerian. Sikit sahaja.

**Tuan Baru Bian:** Ya. Ya.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya hendak *refer* kepada suatu projek yang naik taraf jalan daripada untuk dapat penjelasan tentang bila iaitu jalan di antara Jerantut ke Benta. Saya fikir dalam penjelasan tadi tidak dimasukkan. Akan tetapi, saya difahamkan peruntukan telah pun diluluskan untuk projek ini. Saya ingin dapatkan penjelasan, kalau tidak segera pun mungkin bertulis. Terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada maklumat tentang perkara itu. Saya akan jawab secara bertulis ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa. Yang Berhormat Setiawangsa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak ada.

**Tuan Baru Bian:** Saya akan menjawab secara bertulis. Yang Berhormat Petrajaya? Ya, ada. Membangkitkan tentang status terkini bagi beberapa projek jambatan di Sarawak. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, status terkini bagi projek Jambatan Batang Igan, Batang Lupar dan Batang Rambungan adalah ditangguhkan seperti surat MoF bertarikh 3 Ogos 2018. Walau bagaimanapun, pihak KKR telah meneliti cadangan Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan hala tuju ketiga-tiga jambatan tersebut dan akan diangkat ke MoF untuk dipertimbangkan dan kelulusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Bagan Datuk, Dungun dan Kangar...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** [Bangun]



**Tuan Baru Bian:** Ya, Yang Berhormat Petrajaya.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Yang Berhormat, terima kasih. Dua perkara juga saya bangkitkan selain dari apa yang dikatakan tadi mungkin projek yang telah berjalan, termasuklah Jalan Datuk Mohd Musa, Kota Samarahan bila ia akan dimulakan tender dan proses untuk melaksanakan projek tersebut. Ini sebab ia agak kritikal untuk masyarakat kita di Kota Samarahan yang berdepan dengan kesesakan jalan yang begitu teruk. Itu yang pertama.

Kedua, saya juga ada berbahas, mungkin saya tidak pasti akan dijawab oleh Kementerian Kerja Raya ataupun Kementerian Kewangan berhubung kait dengan peruntukan yang begitu kecil kepada Kementerian Kerja Raya khususnya untuk penyelenggaraan jalan. Saya kira peruntukan begitu kecil ini meletakkan Kementerian Kerja Raya dalam keadaan yang agak getir disebabkan pertama sekali, untuk memastikan keselamatan jalan. Kedua, kalau kita tidak ada peruntukan cukup untuk *maintenance* jalan, maka jalan nanti akan menjadi lebih teruk dan akhirnya memerlukan peruntukan yang lebih besar. Apakah pendekatan Kementerian Kerja Raya? Adakah rayuan dibuat dan adakah ia akan diluluskan oleh kementerian untuk memastikan peruntukan penyelenggaraan jalan ini tidak akan dikurangkan?

Ini sebab kita tidak mahu meletakkan keselamatan, keselesaan pengguna sebagai satu yang dipandang ringan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Mengenai isu jalan naik taraf projek Jalan Datuk Mohd Musa, Yang Berhormat sebenarnya itu telah dijawab di bawah soalan daripada Yang Berhormat Kota Samarahan tetapi tadi dia tidak ada, saya akan membacakan jawapan di sini. Menaik taraf Jalan Datuk Mohd Musa, ingin dimaklumkan status terkini bagi projek ini ialah telah dicadangkan untuk melalui 'MAPA' *Value Engineering* (VE) pada awal Februari 2019 sebenarnya diluluskan. Manakala bagi Samarahan-Kuching *Second Link Express*, cadangan pembinaan masih dalam peringkat kajian. Untuk masa bila akan dimulakan, saya tidak boleh pasti Yang Berhormat. Akan tetapi, ini sudah diluluskan. Mengenai isu yang kedua tadi itu, saya akan menjawab dalam penutupan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, masa ada satu minit.

■1520

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Boleh mencelah sekejap? Terima kasih. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Mencelah sedikit, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masanya tinggal satu minit sahaja lagi.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Tidak apa, bagi...

**Tuan Baru Bian:** Satu minit lagi. Kalau begitu, saya hendak teruskan kalau boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Ahli Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Kangar, tidak ada. Saya akan menjawab secara bertulis.

Okey, penutupannya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Boleh tambah sikit sebelum buat penutupan?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Ya.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Pada tempoh hari, saya ada kemukakan berkaitan dengan masalah *traffic light* di kawasan Parlimen Padang Serai. Banyak kali *accidents* dan juga mereka hendak seberang jalan itu jadi satu masalah. Saya telah kemukakan. Di samping juga, jalan daripada Hi-Tech ke kawasan Mutiara gelap, orang hendak datang kerja ulang-alik sudah jadi satu masalah. Banyak kali berlaku kemalangan jalan raya. Bolehkah pihak kementerian ambil perhatian dan selesaikan masalah? Ini saya rasa *traffic light* ini ada lebih kurang 10 tahun mereka mohon, sampai sekarang tidak diselesaikan. Silakan Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Menteri, saya ada bangkitkan dalam perbahasan tetapi tidak jawab. Terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil berat terhadap isu itu. Pegawai kita akan angkat isu yang berkaitan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Tuan Baru Bian:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Masa yang Yang Berhormat ada saya tanya fasal tender JKR...

**Tuan Baru Bian:** Isu apa itu?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ya?

**Tuan Baru Bian:** Isu yang dibangkitkan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Okey, macam ini saya kata tender sekarang untuk berapa bulan ini RM100 juta ke atas, ia hanya terhad kepada kontraktor bumiputera. Kalau dulu tidak ada. Jadi saya hendak tanya, apakah yang menyebabkan perubahan ini? Pertama.

Kedua, tentang pemilihan *lower speed*. Biasanya ia tidak berdasarkan kepada *lower speed*. Pada *estimate cost five above, five below*. Itu kaedah yang biasa digunakan. Saya hendak tanya, apakah justifikasi dibuat sebegitu? Kalau tidak boleh bagi jawapan, buat secara bertulis pun tidak apa. Terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya akan menjawab secara bertulis.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kuala Krai banyak kali bertanya.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tidak, saya hendak tahu..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terpujang kepada Menteri. Ini kali keempat Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Sikit sahaja Yang Berhormat. Saya hendak tahu dalam perbincangan saya, saya ada sebut ada dua isu penyelenggara jalan Kuala Krai-Gua Musang yang *line* sudah pudar. Kalau malam itu memang membahayakan. Pertama. Kedua ialah Jalan Dabong ke Jelawang yang *bumping*. Jadi, itu dua persoalan yang saya timbulkan yang mungkin Yang Berhormat tidak sempat untuk sentuh dalam jawapan.

**Tuan Baru Bian:** *I take note on that.* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan rumus. Rumuskan Yang Berhormat.

**Tuan Baru Bian:** Menutupkan Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya menyediakan program penyelenggara turapan. Ini mengenai isu keselamatan, mengenai penyelenggaraan. Menyediakan program penyelenggaraan untuk turapan berdasarkan notis kerosakan, *notice of defects* yang disediakan oleh syarikat konsesi penyelenggaraan jalan persekutuan.

Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyelenggaraan turapan mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi kelulusan peruntukan. Pelaksanaan program penyelenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kewangan. Bagi kerosakan jalan seperti jalan berlubang, tampalan lubang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam di bawah skop penyelenggaraan rutin.

Kerja penampalan lubang ini adalah langkah awal atau kaedah preventif bagi tujuan faktor keselamatan pengguna jalan sebelum kerja-kerja turapan kekal dilaksanakan. Kementerian Kerja Raya sentiasa komited untuk melaksanakan program penyelenggaraan jalan di jalan persekutuan terutamanya penyelenggaraan turapan termasuk bukan turapan seperti garisan jalan dan lampu jalan bagi memastikan semua jalan persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan penjelasan mengenai isu kekurangan peruntukan yang diterima untuk tahun 2019 yang dibangkitkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa akan memberi kesan kepada penyelenggaraan jalan persekutuan dan menyebabkan risiko kemalangan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu tersebut akan ditangani sebagaimana tahun 2018 di mana kementerian ini akan membuat permohonan peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan bagi penyelenggaraan jalan persekutuan.

Setakat ini, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 13 November 2018 telah memberikan jaminan akan menyalurkan peruntukan tambahan bagi menampung kekurangan peruntukan yang diterima kementerian ini untuk tahun 2019. Dengan ini, demikian sahaja ucapan penggulungan saya mengenai Bajet 2019 peringkat dasar yang menyentuh Kementerian Kerja Raya. Segala teguran dan cadangan akan diambil perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya untuk memberi jawapan-jawapannya.

**3.25 ptg.**

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Mohamaddin bin Ketapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 bagi peringkat dasar di Dewan ini pada Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemerksaan industri seni dan budaya. Tiga orang Ahli Yang Berhormat daripada Lembah Pantai, Puncak Borneo dan Kangar telah membangkitkan isu yang melibatkan seni dan budaya seperti memberi perhatian kepada penggiat seni dan tidak ada peruntukan serta komitmen terhadap pemerksaan seni dan budaya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui MoTAC tidak sesekali mengabaikan dan terus komited untuk memperkasakan industri seni dan budaya pada tahun 2019. Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM25 juta untuk acara-acara seni dan budaya.

Dalam hal ini, kementerian sentiasa komited untuk melaksanakan program-program berkaitan seni, budaya dan warisan serta optimum termasuklah menggunakan hasil penjimatan perbelanjaan bagi membantu penggiat seni melalui bantuan pentadbiran dan kegiatan badan-badan bukan kerajaan atau NGO berkaitan kebudayaan. Di samping itu, kementerian juga akan meneruskan insentif sedia ada seperti potongan cukai dan sebagainya bagi memperkasakan industri seni dan budaya.

Kementerian melalui agensi-agensinya juga sentiasa berusaha untuk membantu penggiat seni dan budaya dalam menjayakan aktiviti yang dilaksanakan. Jawatankuasa Pemberian Bantuan Kebudayaan (JPBK) telah dibentuk bagi menyalurkan bantuan kewangan kepada NGO berkaitan kebudayaan dalam membantu melaksanakan program serta aktiviti seni dan budaya bersama-sama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). JKKN tetap menghargai dan mengiktiraf tokoh dan penggiat seni dengan melaksanakan program Anugerah Tokoh dan Apresiasi Tokoh Seni Budaya Negara. Jabatan Warisan Negara turut memperuntukkan bayaran secara *one-off* kepada penggiat seni dan budaya yang diberikan pengiktirafan sebagai Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH).

**■1530**

Setiap tokoh yang diberi pengiktirafan telah diluluskan sumbangan daripada kerajaan sebanyak RM20,000 seorang secara *one-off*. Kemudahan perubatan wad kelas satu di hospital kerajaan dan khairat kematian sebanyak RM3,000. Sebanyak enam orang tokoh telah diberi pengiktirafan tersebut dalam Majlis Pengisytiharan Warisan Kebangsaan 2018 yang diadakan di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) Kuala Lumpur pada 17 Oktober 2018.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Lembah Pantai hendak bertanya. Yang Berhormat Lembah Pantai ingin bertanya.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Oh, okey.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terima baik jawapan Yang Berhormat Menteri saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan berkaitan dengan tokoh warisan yang disebutkan ini. Apakah yang diusahakan selain daripada pemberian secara *one-off* serta khairat kematian dan juga perkhidmatan perubatan wad kelas pertama seperti yang disebutkan tadi agar kita boleh menerapkan kebolehan ataupun *skills* mereka dalam menghasilkan hasil karya mereka dalam sebagai contoh - kalau kita ambil sebagai contoh. Kalau ada pengukir kayu sebagai contoh yang kita anggap sebagai *living heritage*. Apakah yang pihak kementerian usahakan untuk memastikan hasil-hasil mereka itu terus hidup? Itu soalan pertama.

Kedua, ini berkait yang disebut lebih awal oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan RM25 juta untuk acara-acara seni dan budaya. Saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian membuat pertimbangan untuk menyelaraskan ataupun memusatkan beberapa badan-badan yang memberi geran ataupun dana sebagai contoh cendana yang pada waktu ini telah diletakkan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Walhal, dia lebih ke arah kesenian dan saya telah banyak menyebut tentang perkara ini kenapa tidak kita letakkan di bawah kementerian MOTAC sebagai contoh kerana ia menyentuh aspek kesenian dan kebudayaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawabnya.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat Lembah Pantai boleh ulangi soalan pertama sebentar tadi? Macam pendengaran saya macam berbelit-belit. Beri *clear* sedikit. *Then I'll give you reply.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Kita ada seperti Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi enam orang tokoh warisan. Apakah yang diusahakan oleh pihak kementerian untuk memastikan karya-karya hasil-hasil mereka dapat kita guna supaya tidak hanya ada nama mereka? Sebagai contoh, kalau kita lihat seniman negara ataupun tokoh-tokoh seperti A. Samad Said yang menghasilkan karya-karya. Karya-karya itu boleh dijual kepada ataupun dibeli oleh perpustakaan-perpustakaan. Sekiranya tokoh-tokoh warisan ini enam orang tokoh ini adakah apa-apa hasil mereka yang boleh kita sebar luaskan, adakah pihak kementerian ada mengusahakan dalam erti kata itu. Terima kasih.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat Lembah Pantai. Terima kasih banyak di atas soalan enam orang tokoh. Mereka ini menjadi tokoh oleh sebab mereka ini punyai kebolehan yang lebih kita mengiktiraf tokoh warisan sebagai tenaga pengajar bagi menurunkan ilmu kepakaran kepada mereka yang berkecimpung dalam bidang berkaitan. Hasil atau kepakaran daripada mereka ini memang tentu sekali diiktirafkan Jabatan Warisan Negara turut

menjemput WAKOH atau tokoh-tokoh ini untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan kepada generasi-generasi dan juga masyarakat umum melalui program-program pengembangan dan kesedaran seperti bengkel bicara WAKOH, permainan tradisional dan lain-lain.

Jabatan Warisan Negara juga menerbitkan buku WAKOH untuk disebar luas kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat Lembah Pantai mempunyai tujuan yang baik kita alu-alukan untuk menulis surat kepada kementerian supaya kita boleh bekerjasama untuk memperbaiki lagi. Yang Berhormat? Okey.

Yang keduanya, RM25 juta cadangan untuk memberi geran, bukannya begitu Yang Berhormat?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lebih kepada cendana Yang Berhormat Menteri. Yang pada waktu ini ditugaskan untuk memberikan dana untuk aktiviti kesenian. Saya difahamkan hanya di Kuala Lumpur dan agensi ini diletakkan bawah KKMM. Adakah boleh kita selaraskan supaya agensi-agensi ini dipusatkan bawah kementerian Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat, kalau dia bersabit dengan kementerian KKMM dia punya Yang Berhormat ada duduk-duduk di sana.

**Seorang Ahli:** Ada di sini, ada.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Jadi saya kena runding dahulu. *[Dewan ketawa]* Saya tidak boleh buat keputusan, saya kena jumpa Yang Berhormat itu baru saya boleh jawab soalan Yang Berhormat ini.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ini kerana Yang Berhormat Menteri kalau boleh saya sentuh, kerana saya lihat dari segi – kalau kita lihat agensi-agensi berbeza...

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Akan tetapi Yang Berhormat *let me interrupt you. The best thing is* dengan izin tulis surat kepada saya. Tulis surat kepada saya tentang cadangan Yang Berhormat. Jadi saya akan lihat cadangan itu ataupun yang lebih baik selepas saya terima surat, saya panggil Yang Berhormat pergi ke pejabat saya. Kita dua bincang.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Okey Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya harap Yang Berhormat Menteri terus menjawab penggulungan. Silakan.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Saya sudah hilang perenggan saya Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tengok balik nota itu.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Kementerian melalui agensi-agensi juga sentiasa berusaha untuk membantu penggiat seni dan budaya dalam masyarakat aktiviti - ini saya sudah baca tadi.

Jabatan Warisan Negara turut memperuntukkan bayaran secara *one-off* ini pun sudah juga. Kraftangan Malaysia turut diperuntukkan peruntukan pembangunan sebanyak RM2 juta bagi program reka bentuk dan pembangunan kraf dan Program Satu Daerah Satu Industri.

Produk kraf pada tahun 2019. Peruntukan ini digunakan untuk pembangunan usahawan kraf di seluruh Malaysia. Kraftangan juga mengadakan hubungan kerjasama dengan kerajaan negeri, agensi awam dan swasta melalui perkongsian kos bagi menampung penganjuran program serta aktiviti yang dilaksanakan di peringkat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, persiapan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia tahun 2020. Yang Berhormat Lembah Pantai turut memohon kementerian untuk memberikan penekanan kepada membudayakan membaca buku menjelang pengiktirafan bandar raya Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia tahun 2020.

#### ■1540

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOTAC sentiasa menyokong Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan program-program Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia Tahun 2020 (KLWBC 2020). MOTAC menganggotai Jawatankuasa Induk manakala Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pula menganggotai Jawatankuasa Pelaksana dan Sekretariat KLWBC 2020.

Bagi menyokong program ini, antara inisiatif yang telah dilaksanakan dan akan ditambah baik serta diteruskan pada tahun 2019 dan tahun 2020, oleh pihak PNM adalah seperti berikut:

- (i) program galakan membaca kepada seluruh lapisan masyarakat seperti Program 'Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit', Program Singgah Santai dan Program *World #QuranHour*;
- (ii) program galakan membaca kepada kumpulan sasaran terpilih termasuklah golongan OKU, Bengkel Penyediaan Buku Golongan Belia, Program Karnival Belia Membaca dan program kepada pesara atau warga emas iaitu 'Sepetang Secangkir Kopi sebuah Buku';
- (iii) gerakan membaca dalam pengangkutan awam seperti Program *MRT Journey Read and Ride*;
- (iv) menyediakan bahan-bahan digital menerusi perkhidmatan u-Pustaka bagi kemudahan semua lapisan masyarakat yang sehingga kini mempunyai 446,835 keahlian dan Pameran *Augmented Reality (AR) and Virtual Reality (VR)*; dan,
- (v) program Persidangan Perpustakaan Se-Malaysia dan konvensyen pembacaan.

Tuan Yang di-Pertua, memperkasakan institusi seni dan budaya dalam melahirkan seniman dan karyawan di masa hadapan. Kementerian ini sentiasa memberi penekanan kepada usaha melahirkan bakal karyawan dan seniman negara di masa hadapan melalui pemerksaan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan iaitu ASWARA. Untuk memaklumkan Ahli Yang

Berhormat, ASWARA giat berusaha untuk mencari dan mengenal pasti bakat-bakat baru yang boleh diketengahkan pada masa hadapan.

Terbaru, adalah menerusi pemeteraian memorandum perjanjian bersama di antara ASWARA dan pihak Kementerian Pertahanan Malaysia, juga telah menawarkan program Diploma Muzik kepada anggota lain-lain pangkat, kepakaran Pancaragam (PGM), Tentera Laut Diraja Malaysia. Ini merupakan usaha untuk memperluaskan peranan ASWARA dalam mengembangkan pendidikan formal kepada anggota-anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang dijalankan di Markas Pangkalan Lumut, Perak. Pelaksanaan pengambilan pelajar baharu ini telah diadakan pada 12 November 2018 dengan seramai 18 orang yang telah mendaftar sebagai pelajar ASWARA.

Bagi memastikan graduan ASWARA memenuhi kehendak pasaran industri kreatif negara, ASWARA juga telah menjalinkan kerjasama dengan penggiat industri seperti Persatuan Animasi Malaysia, Persatuan Seniman Malaysia, AlHijrah Media Corporation, Encore Melaka dan lain-lain lagi. ASWARA juga telah meraih pengiktirafan menerusi pencapaian para graduannya. Antara pencapaian graduan dalam bidang industri ialah Sherry Alhadad bagi penerima Anugerah Ikon Wanita bermula tahun 2017, kesenian, Nad Zainal, menerima Anugerah Pelakon Drama Terbaik Anugerah Skrin 2018, June Lojong menerima Pelakon Wanita Harapan, Festival Filem Malaysia ke-29, Azizul Haqim, juara di dalam pertandingan Radio Negara Serumpun, Jogjakarta, Indonesia tahun 2010 dan Juara Lagu Kategori Etnik Kreatif di dalam Program 3 Juara anjuran TV3 serta lain-lain lagi.

Dari semasa ke semasa, ASWARA sentiasa memperkasakan institusi ini dalam pembangunan modul kurikulumnya. Sehingga kini, 25 perakuan akreditasi penuh program akademik secara sepenuh masa telah diperoleh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di peringkat Program Ijazah Doktor Falsafah Seni Kreatif, Ijazah Sarjana Seni Kreatif ...

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan. Hulu Terengganu.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Hulu Terengganu.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai ASWARA. Tahun lepas, ASWARA telah membuka satu cawangan di Taman Ilmu, Besut. Persoalan saya, sejauh mana perkembangan cawangan tersebut sehingga hari ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya tanya berkaitan dengan ASWARA juga?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya Yang Berhormat Kuala Kangsar.



**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih dan syukur yang ASWARA menjadi satu pusat di mana kita dapat membina bakat-bakat baru dan juga memperkasakan mereka. Akan tetapi, saya sedikit musykil dari segi pengambilan pelajar sebab kita mempunyai ramai bakat yang bukannya dilahirkan secara formal, Yang Berhormat Menteri. Mereka mungkin adalah *talents* ataupun bakat-bakat jalanan dan juga muzik-muzik *indie* yang dilahirkan secara spontan ataupun dilahirkan melalui kumpulan-kumpulan yang tidak dikenali pun atau mungkin dikenali melalui media sosial tetapi tidak secara formal, mereka tidak pernah buat *recording*. Bagaimana usaha ASWARA untuk dibuatkan bersama dengan peringkat-peringkat bawah dan juga peringkat-peringkat luar bandar serta daerah-daerah supaya kita dapat menarik bakat-bakat ini untuk bersama-sama digilap bakat mereka hingga ke peringkat antarabangsa? Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Menteri untuk respons.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Nombor satu, saya mahu jawab cawangan ASWARA, Besut ya Yang Berhormat Besut? Ini soalan dia?

■1550

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Betul, betul. Ya betul.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Cawangan ASWARA di Besut cuma cadangan sahaja daripada kerajaan negeri. Akan tetapi, telah dibatalkan cadangan tersebut. Jadi bermakna cadangan ini apabila dibatalkan, bermakna sudah tidak ada. *[Ketawa]*

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Penjelasan bagi betul.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat satu lagi.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Ya.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Kecuali kalau kerajaan negeri mengemukakan lagi cadangan kepada kita di kementerian, kita akan lihat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Penjelasan Yang Berhormat. Apakah sebab? Adakah kerana pertukaran kerajaan ataupun ada sebab-sebab lain yang menyebabkan pembatalan program ASWARA di Taman Ilmu Besut tersebut?

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Ini Yang Berhormat Hulu Terengganu, tidak ada kait mengait dengan kerajaan negeri atau Persekutuan. Akan tetapi yang sebetulnya ini bukan kita yang membatalkan, tetapi kerajaan negeri yang membatalkan cadangan itu sendiri. Dia yang minta, dia yang batalkan sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri teruskan. Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Soalan daripada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Nampaknya macam mahu diiktiraf di antara golongan yang kurang, bukan OKU tetapi mungkin yang kurang.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri, bukannya OKU. Mereka adalah kumpulan-kumpulan pemuzik, penyair, pelukis yang tidak melalui satu program formal untuk mempamerkan kehebatan mereka. Akan tetapi mereka dibina di atas sokongan masyarakat setempat. Jadi banyak mereka ini berada di kawasan-kawasan luar bandar dan juga di tempat-tempat yang tidak dijangka. *Sometimes they are loner* sebab mereka melalui media sosial, mereka terkenal begitu sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Menteri.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat Kuala Kangsar, yang sebetulnya saya dalam perbincangan dengan pegawai-pegawai ASWARA untuk mengiktiraf penggiat seni seperti mana Yang Berhormat utarakan sebentar tadi. ASWARA turut menyediakan laluan kemasukan dari program sijil kemahiran yang memberi peluang kepada calon pelajar yang kurang mempunyai kelayakan akademik. Ini lama punya lama dia ini Yang Berhormat saya akan mencadangkan lagi yang terbaik, asalkan orang itu boleh main muzik, cuba-cuba lah memohon masuk di ASWARA kerana main *guitar* ini, main segala muzik ini, asal dia pandai muzik, dia pandai kod, jadilah dia. Saya ini orang yang main gitar juga ini Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Menteri hanya tinggal dua minit sahaja. Yang Berhormat Lembah Pantai ingin mencelah.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Bagi panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua. Banyak lagi ni, tebal lagi.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Satu minit, *very short* Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** *Okay, alright, alright.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** *Okey.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Menyentuh tentang ASWARA, saya ingin bertanya kerana jawapan yang diberikan kepada saya ini berkenaan dengan isu Rektor. Rektor yang ada satu kes sivil dan saya difahamkan belum ada kemahuan untuk merehatkan sementara kes tersebut berjalan. Saya faham ia kes sivil, tetapi kalau kita lihat dalam kementerian-kementerian yang lain bila masa ada dakwaan dalam Kementerian Kesihatan sebagai contoh diusahakan satu siasatan dalaman. Ingin saya tanya kepada Menteri berkenaan dengan isu Rektor tersebut. Adakah satu siasatan yang bebas akan dijalankan berkenaan dengan Rektor dan dakwaan gangguan seksual itu? Terima kasih.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Saya minta Yang Berhormat daripada Lembah Pantai supaya mengiktiraf kebebasan *judiciary* atau perundangan. Kes ini yang sebetulnya *on appeal*

now Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Kalau kes ini *on appeal now*, orang macam kita ini tidak perlu mahu sentuh kes ini kerana ini salah daripada segi undang-undang.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, masa...

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kes ini...

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, silakan.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Saya ingin minta sedikit.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Menteri boleh minta jawapan bertulis Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Saham..

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** *Okey* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan, baik.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, sila.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Saya ingin..

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Hulu Terengganu.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Saya tidak bagi laluan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak bagi.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** ..pada sesiapa.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Sebab, sebab..

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Saya hendak jawab sekarang.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Apa yang saya cakap..

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Saya hendak jawab sekarang.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** ..dalam perbincangan baru ini..

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** *You* duduk.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** ..tidak di..

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua..

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** ..sentuh.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** ..bagi laluan pada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Hulu Terengganu tidak dapat kebenaran daripada *floor*.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** *No, no, no.* Duduk, duduk.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Tidak, sebab saya berkaitan dengan silat. Tidak disentuh dalam jawapan...

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Lembah Pantai, kes ini masih *sub judice* dan dalam tindakan rayuan di Mahkamah Tinggi. Sebolehnya, kementerian ini tidak mahu campuri urusan mahkamah sehingga prosiding selesai kerana tidak mahu dianggap *contempt of court* Yang Berhormat Lembah Pantai tolong ingat. Jangan balik-balik, *last time* tanya ini juga. *[Ketawa]* Sekarang ini juga tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Jawapannya sama ya.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** *I'm giving him the real answer now.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Saya tanya kerana rakan-rakan dalam ASWARA dan orang luar..

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** *I know but it's not right for you.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** ..yang tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** *Okey.*

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** *You know this case is on appeal now and you balik-balik tanya. You should leave the court to decide, not you to decide.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, teruskan Menteri. Teruskan.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** *Okey.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Baik.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** *Okey,* habis sudah dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Satu lagi Yang Berhormat Menteri. Satu lagi Yang Berhormat Menteri. Ini bukan berkaitan dengan *sub judice*, berkaitan dengan apa yang..

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:**..yang saya bangkitkan dalam perbahasan hari itu tidak disentuh oleh Yang Berhormat Menteri iaitu berkaitan dengan silat. Pohon jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Yang Berhormat Hulu Terengganu, saya akan tulis secara bertulis jawab. *Thank you.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Seni Budaya.

Seterusnya saya ingin menjemput Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri.

**15.58 ptg**

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah pun mencadangkan peruntukan yang besar iaitu sebanyak RM1,487,832,500 pada tahun 2019 kepada kementerian saya KKMM dengan pengagihan sebanyak RM415,020,600 bagi perbelanjaan pembangunan. Sebanyak RM1,072,811,900 bagi perbelanjaan mengurus. Peruntukan ini Tuan Yang di-Pertua, disalurkan adalah sebenarnya satu pengurangan sebanyak 16.35 peratus berbanding dengan peruntukan yang kita lihat dalam tahun 2018. Saya merakamkan ucapan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan memberikan pandangan mereka serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan pada tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, menurut rekod saya seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan beberapa perkara-perkara yang di bawah kementerian saya. Penggulangan saya Tuan Yang di-Pertua akan menyentuh kepada dua perkara utama iaitu menjadi perkara asas setelah melihat apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pertama isu berkenaan dengan penambahbaikan kualiti perkhidmatan telekomunikasi dan *internet* di kawasan luar bandar. Keduanya Tuan Yang di-Pertua penambahbaikan berkenaan dengan kandungan penyiaran.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Papar. Ada di dalam Dewan Yang Berhormat Papar?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Papar tidak ada. Papar ada.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Terengganu ada, Yang Berhormat Kota Samarahan ada, Yang Berhormat Kangar dan Yang Berhormat Kanowit. Semua soalan yang dibangkitkan Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dan perkhidmatan telekomunikasi dan jalur lebar. Fokus kerajaan, Tuan Yang di-Pertua adalah untuk menyediakan infrastruktur yang mencukupi bagi memenuhi keperluan masyarakat pengguna khususnya pengguna internet di seluruh pelosok negara. Melalui cara ini Tuan Yang di-Pertua, rakyat di seluruh negara akan dapat merasai apa yang saya sebut sebagai satu pengalaman internet sama ada di kawasan bandar ataupun di kawasan luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Hulu Terengganu. Kualiti perkhidmatan telekomunikasi berubah-ubah berdasarkan kepada kawasan yang dilalui. Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebanyak 19 menara baru yang telah disiap aktifkan di sepanjang Lebuhraya Pantai Timur fasa 2 ataupun LPT2. Pihak kerajaan sedang bekerjasama dengan syarikat

penyedia perkhidmatan dalam melaksanakan kajian teknikal untuk mengkaji penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan komunikasi bagi menampung keperluan pengguna-pengguna di rantau LPT2 ini.

Berhubung sepucuk surat yang bertarikh 26 September 2018 yang dinyatakan, dibangkitkan, saya dimaklumkan bahawa ianya berkaitan dengan penamatan perkhidmatan telefon tanpa wayar ataupun CDMA Telekom Malaysia di kawasan Yang Berhormat. Dalam hal ini, pelanggan boleh melanggan pakej kediaman talian tetap Telekom Malaysia bagi menggantikan perkhidmatan telefon tanpa wayar tersebut. Namun begitu saya telah meminta pihak SKMM untuk berhubung dengan pihak Yang Berhormat bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut. Apa-apa persoalan tambahan dan juga penjelasan yang diperlukan boleh diterima secara terus daripada SKMM. Saya juga menggalakkan supaya Yang Berhormat daripada Hulu Terengganu, kalau ada apa-apa perkara lain yang berbangkit dengan isu ini, kalau diperlukan penjelasan daripada SKMM, *please ask for that clarification*.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih jawapan yang saya rasa cukup baik. Cuma persoalannya ialah kemudahan oleh kerana CDMA ini, telefon tanpa wayar ini menggunakan satelit tanpa kabel terutama di kawasan pedalaman. Jadi untuk hendak menyediakan kabel satu kos yang tinggi. Jadi saya merayu kepada pihak kerajaan untuk tidak menamatkan dalam masa seketika ini. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tuan Yang di-Pertua, saya cukup faham apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Hulu Terengganu dan oleh sebab itu saya telah pun memberitahu, meminta supaya SKMM dapat penjelasan lanjut dan kita akan tengok bagaimana kita boleh bekerjasama supaya perkara-perkara ini dapat kita cari satu kesudahan yang membawa manfaat kepada semua pihak ya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kota Samahran, pihak kerajaan secara berterusan menyediakan perkhidmatan komunikasi di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar. Ini melalui pelbagai inisiatif yang berasaskan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 412 menara komunikasi baru telah pun siap dibina dan sedang beroperasi dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G. Manakala 57 menara sedang dalam peringkat pelaksanaan di luar bandar Sarawak melalui inisiatif perluasan liputan selular dan juga jalur lebar mudah alih.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, kedudukannya agak jauh terpencil dan tidak mempunyai infrastruktur yang asas. Ini menjadi masalah kadang-kadang kerana kita lihat kepada keadaan geografi dan sebagainya. So, tempat itu tidak mempunyai infrastruktur terutamanya bekalan kuasa elektrik. Ini menjadi satu kekangan yang kita hadapi Yang Berhormat yang diperlukan untuk pengoperasian menara. Ini adalah satu kekangan dan cabaran utama yang dihadapi dalam melaksanakan liputan komunikasi di kawasan-kawasan pedalaman.

Di masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga bekerjasama dengan SMA ataupun *Sarawak Multimedia Authority* selaku agensi penyelaras bagi membangun komunikasi

atau pembangunan komunikasi dan multimedia di seluruh negeri Sarawak bagi mengatasi kekangan dan cabaran-cabaran yang tersebut. Boleh, Yang Berhormat Kota Samarahan, sila ada persoalan.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Cuma saya hendak ingin memohon sedikit pencerahan lagi daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan perkhidmatan telekomunikasi khususnya di Kota Samarahan. Sebenarnya menara-menara ini sudah banyak juga disiapkan, sudah digunakan.

Cuma banyak tidak dapat digunakan sepenuhnya memandangkan *provider-provider* komunikasi ini contoh Maxis, Celcom tidak mahu, tidak melebarkan rangkaian mereka ke kawasan-kawasan berkenaan secara menyeluruh. Menara ada tetapi liputan telekomunikasi, maksudnya *provider* komunikasi itu tidak melebarkan liputan mereka ke situ. Apakah inisiatif kerajaan untuk membantu *provider-provider ini* memberi perkhidmatan ataupun liputan jalur komunikasi ini di kawasan-kawasan yang telah pun ada menara-menara ini? Itu saja. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat daripada Kota Samarahan. Saya setuju, ini adalah satu perkara yang kita lihat banyak masalah sebegini khususnya di kawasan pedalaman terpencil di Sabah dan Sarawak misalnya. Kita lihat bagaimana ada wujudnya tiang komunikasi ini tetapi kita lihat tidak ada liputan yang luas ataupun kadang-kadang liputan yang ada itu pun pada kualiti yang memang tidak memuaskan. Ini satu perkara yang cukup banyak aduan yang saya terima. Apa yang ingin saya menyatakan pendirian saya sebagai Yang Berhormat Menteri, bila ada permohonan untuk kita buat apa yang disebut sebagai *telco towers*, kita ada peruntukan kewangan. Kita juga ada dana di mana kita boleh menyediakan infrastruktur. Untuk itu ada dana yang diketepikan bagi tujuan tersebut.

Akan tetapi dalam masa yang sama kita dalam SKMM, kita memantau bagaimana perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Ada aduan yang berkenaan dengan kelajuan, misal kata. Ada juga aduan yang kata bahawa dalam sehari itu kita lihat pada sekian masa ada kelajuan tapi sekian masa lain, tidak ada. Jadi itu semua perkara yang datang di bawah bidang kuasa SKMM dan kita sekarang dalam proses meningkatkan tahap pemantauan kita. *I think that is very important.* Dalam masa yang depan kita akan melihat satu negara ataupun satu dunia di mana seluruh - semua rakyat setiap orang itu perlu bergantung kepada internet dan kepada saya ini adalah satu perkara yang kita perlu atasi dalam masa yang terdekat.

Jadi ada rancangan kita supaya kita meneliti semua aduan-aduan yang dibawa. Saya memang tegas dengan semua telco. Saya rasa semua tahu berkenaan dengan apa - kepada saya kalau kita tidak tegas, maka kita tidak akan lihat perubahan. Ini kerana kita lihat syarikat-syarikat ini kadang-kadang ini dia besar, bila dia besar ini, aduan-aduan yang diterima itu diremehkan, diketepikan dan aduan itu saya terima sebagai Ahli Parlimen. Bila saya selaku Menteri ini, saya melayari *Twitter* dan sebagainya, saya menerima banyak aduan. Kadang-

kadang Tuan Yang di-Pertua, berpuluh-puluh setiap hari. Jadi di dalam keadaan itu saya mintalah mereka supaya ambil tindakan dan sebagainya.

Ini satu perkara yang saya rasa setiap Menteri tanggungjawab dia. So, saya akan bekerjasama dengan Yang Berhormat kalau di mana-mana tempat tertentu, tiang-tiang tertentu yang mempunyai masalah ini, sila bagi tahu kepada saya atau terus buat aduan kepada SKMM. Saya akan melihat dengan serius perkara ini supaya kita boleh bersama-sama menyediakan satu Malaysia di mana kita lihat seluruh negara ini bersedia untuk menghadapi cabaran apa yang disebut sebagai 4.0 yang menjelang ini. Soalan daripada sana.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya daripada Pendang. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik untuk membantu Yang Berhormat berkenaan dengan masalah, bukan saja di Sabah dan Sarawak berkenaan dengan servis *data line*, di kawasan kita dalam Semenanjung, pun di luar bandar masih lagi kita menghadapi. Kita sedang menghadapi satu *default* dan zaman, yang kita akan, semua akan menggunakan internet.

■1610

Jadi saya hendak minta adakah perancangan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perkhidmatan di luar bandar berkenaan dengan *data line* semua ini supaya kita dapat manfaat kesemua selain daripada masyarakat bandar? Itu yang pertama.

Keduanya, kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Menteri pernah menyebut dalam Dewan ini akan berbincang dengan operator *telco* bagi mengurangkan kos yang sekarang kita masih lagi melihat kos caj yang dikenakan oleh operator *telco* ini belum lagi, masih lagi di tahap sebelum ini, sebelum 9 Mei dulu. Masih lagi sama. Jadi saya minta adakah perbincangan dengan operator *telco* ini telah dijalankan bagi mengurangkan kos yang dikenakan kepada pengguna? Sekian, terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, berkenaan dengan perkara *connectivity*, dulu pendekatan kerajaan adalah untuk kita pastikan bahawa seluruh Malaysia ini kita boleh letakkan *fiber*. Jadi oleh itu, ada apa yang disebutkan sebagai *Nationwide Fiberization Plan* ataupun NFP. Akan tetapi, kalau kita lihat kepada NFP ini, *Nationwide Fiberization Plan* ini, ia memerlukan *fiber* ditarik dan kalau kita nak tarik *fiber* ke kawasan luar bandar, terpencil dan sebagainya, ia boleh dilakukan tetapi ia memakan masa dan kosnya juga tinggi.

Jadi dalam keadaan itu, pendekatan kementerian saya sekarang telah pun berubah sedikit. Jadi kita telah pun mengubahkannya daripada NFP kepada NFCP. Maka kita lihat kepada *fiber* dan juga kepada *connectivity*.

Kita juga melihat kepada kaedah-kaedah lain yang wujud supaya kita boleh memastikan bahawa semua kawasan luar bandar dan terpencil ini boleh mendapat perkhidmatan jalur lebar dalam masa yang terdekat supaya mereka juga boleh mengambil bahagian dalam dunia IR 4.0 yang akan menjelang ini. Jadi itu adalah satu pendekatan yang berbeza daripada kerajaan yang dahulu dan kami dalam proses sekarang untuk kita sedang menyediakan polisi kita yang



terperinci dan kita akan membuat pengumuman berkenaan dengan apa yang akan kita lakukan dalam masa yang terdekat. Akan tetapi, jawapan itu adalah untuk menunjukkan bahawa memang perkara ini adalah satu dalam perhatian kementerian saya dan ia dalam proses kita cuba mendapat ataupun mencari satu jalan penyelesaian.

Kedua, berkenaan dengan caj. Seperti mana Yang Berhormat tahu, apabila kita lihat kepada caj *internet* itu, apabila kita mengambil alih kerajaan pada 9 Mei, kita telah pun membuat pengumuman bahawa kita hendak mengurangkan kos jalur lebar dan telah pun diumumkan oleh keempat-empat *telco* yang terlibat dalam *fixed broadband* harga-harga baharu.

Sukacita, Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan di sini kita lihat bahawa struktur kos yang baharu itu adalah struktur di mana kita dapat kelajuan yang lebih dan juga harga-harga itu telah pun kurang. Saya bagi contoh Maxis misalnya. Pakej yang ditawarkan itu menawarkan harga yang 56 peratus kurang daripada harga yang dulu. Jadi kita lihat bagaimana ia telah pun bermula tapi ia akan mengambil masa. Akan tetapi caj-caj yang lain dan sebagainya— juga saya menerima aduan— ada caj-caj sampingan, kadang-kadang caj-caj itu, *this is the hidden cost that you see*, dengan izin, apabila kita terima bil. Itu juga bila kita dapat aduan, saya telah pun mengarahkan SKMM supaya kita juga memperincikan dan kita juga memberikan perhatian kepada semua aduan yang berkenaan dengan perkara ini dan kita ambil tindakan.

Yang Berhormat Rembau, sila.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan liputan di kawasan pedalaman, kawasan terpencil ini. Kita masih lagi bergantung kepada *solution*, dengan izin, yang agak konvensional iaitu buat menara telekomunikasi dan cuba melebarkan liputan di kawasan-kawasan tersebut. Itu ada masalah dari segi peruntukan, ada masalah dari segi prasarana ataupun infrastruktur.

Yang Berhormat Menteri sedar ataupun tidak ada projek di satu kampung pedalaman di Papua yang telah dibuat oleh *University of California, Berkeley* menggunakan infrastruktur yang sedia ada, satu *hydropower generator* yang kecil yang dibekalkan kepada sekolah dan juga satu *satellite dish*, dia tambah *based station* untuk *local connectivity*, ada bateri supaya dapat digunakan pada waktu malam. Ini merupakan satu *private*, walaupun di sana *illegal* tetapi *private telco* yang ditubuhkan oleh masyarakat dan NGO setempat untuk memberi liputan kepada kawasan tersebut. Dalam struktur perundangan yang sedia ada, ini tidak dibenarkan.

Apakah Menteri boleh melihat dan boleh minta SKMM melihat kepada *solution* yang seperti ini yang dapat memberi kelonggaran dari segi pelesenan dan juga satu *solution* yang lebih *sustainable* yang dapat dibina dengan inovasi kawasan tempatan?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berkaitan, Menteri. Pontian di depan, belakang Yang Berhormat Rembau.

Harga baru lebih laju, itu juga hasrat kami dulu ya, dan Maxis boleh menurunkan 56 peratus daripada harga. Bagaimana tentang TM? Baru-baru ini Yang Berhormat Kapar ada menyebut dalam Dewan ini bahawa syarikat Telekom akan ada VSS melibatkan ramai. Antara sebabnya ialah kerana mereka terpaksa menurunkan harga atas arahan Yang Berhormat Menteri

katanya. Saya ingin penjelasan, adakah perkara ini benar? Adakah TM boleh menurunkan harga sebanyak mana Maxis? Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Menteri, Lembah Pantai.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Ya.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Bersangkut-paut dengan perkhidmatan terutama di kawasan luar bandar, bukan di Pantai Dalam tetapi berkait dengan— kerana saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, jika boleh, berkenaan— kita faham yang ada dana yang disebut sebagai dana USP yang tujuan ataupun niatnya diwujudkan adalah untuk membantu mengurangkan jurang dari segi perkhidmatan komunikasi dan akses *internet* kepada kawasan luar bandar dan kawasan di mana perkhidmatan adalah terhad.

Yang Berhormat Menteri ada mengeluarkan kenyataan pada bulan Jun yang lalu, 20 Jun, memohon agar satu audit dilakukan. Adakah Yang Berhormat Menteri telah mendapat apa-apa perkembangan berkenaan dengan dana ini? Ini secara langsung dan tidak langsung berkait juga dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rembau iaitu dari segi penggunaan dana USP yang agak besar ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** [*Bangun*]

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Menteri, berkaitan. Terima kasih. Berkaitan tadi tentang yang dibawa oleh Yang Berhormat Pontian juga.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya dulu pernah bertugas dengan Telekom Malaysia selama lebih 25 tahun dan saya mendapat juga banyak aduan berkenaan dengan apa yang berlaku sekarang. Seinggakan saham Telekom Malaysia juga telah turun dengan agak mendadak sedangkan ia merupakan sebuah GLC. Sementara saya faham bahawa kita perlu prihatin tentang keperluan oleh rakyat di bawah tetapi saya juga mohon penjelasan daripada pihak Menteri, apakah tindakan yang diambil untuk memastikan supaya syarikat seperti GLC dan staf dari segi kakitangannya tidak terjejas dengan teruk apabila perubahan peralihan ini berlaku? Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Menteri, sebenarnya perkara yang sama nak dibangkitkan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Perkara sama, tak payah bazir masa lah. Perkara yang sama sudah tanya, teruskan. Masa tinggal sembilan minit.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Sikit saja. Oleh kerana ini milik kerajaan dan *shareholder* kepada TM juga GLC kerajaan, cukup banyak, yang menjejaskan ramai kakitangan yang menjadi isu besar, saya hendak tahu apa pandangan dan juga tindakan Yang Berhormat Menteri lakukan? Ini kerana ini merupakan suatu masalah besar kepada rakyat sekarang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengajukan soalan kepada saya.

Pertama berkaitan dengan saranan dibawa oleh Yang Berhormat daripada Rembau. Saya setuju bahawa kita perlu melihat kepada apa yang disebut sebagai *outside of the box*, cari solusi-solusi yang baharu khususnya di mana solusi-solusi itu boleh membantu kita supaya kita boleh mendirikan infrastruktur dan juga mewujudkan sistem jalur lebar di kawasan-kawasan yang terpencil. Misal kata seperti mana saya sebut tadi, kita ada kawasan-kawasan di mana ada kekangan dari segi infrastruktur, tidak ada bekalan elektrik dan sebagainya. *This is the reason why*, dengan izin, *example that you are cited earlier become very relevant and also very attractive*.

Ini adalah sebenarnya pendekatan yang kita ambil dan oleh itu kita telah pun mewujudkan polisi baharu iaitu NFCCP. *This are reason why we moving away from just fiberisation*, Yang Berhormat. *We also looking at connectivity*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di mana kalau boleh kita ini mewujudkan sistem satelit, kalau boleh kita menjanakan sistem pembekalan elektrik yang luar daripada kebiasaan dan juga kita lihat kepada cara bagaimana kita boleh juga menarik peminat-peminat lain ataupun, dengan izin, *other players into the industry*.

#### ■1620

Saya bagi contoh dua bulan yang lalu. Kalau tidak silap Yang Berhormat Rembau, saya telah pun dimaklumkan bahawa TNB akan mulakan satu program *pilot*. Program ini dilaksanakan di Jasin dan di situ mereka menggunakan infra yang sedia ada supaya kalau kita lihat, ia boleh membawa manfaat dan ia boleh meningkatkan infra yang ada, *then it is something that is very beneficial to us*. Kita boleh pakai infra yang sudah ada, sudah wujud.

*So, this is again another example of what it is, we are looking ya*. Saya cukup setuju dengan Yang Berhormat daripada Rembau kalau ada lain-lain inisiatif sebegini *please come forward and as SKMM is- in fact, we've of call out openly and told everyone who has solution like this, please come forward* dan kita akan lihat bagaimana kita boleh mengguna pakai *solution* sebegini. Kemudian kita ada soalan daripada Yang Berhormat Pontian, daripada Yang Berhormat Ledang dan juga daripada Yang Berhormat Lenggong berkenaan dengan TM.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bila kerajaan melaksanakan MSAP. MSAP ini sebenarnya bukan berkenaan dengan harga sahaja Yang Berhormat Lenggong. Ia berkenaan dengan beberapa perkara yang melibatkan *telco-telco* dan ia bukan melibatkan Telekom Malaysia sahaja, ia melibatkan *telco-telco* yang terlibat dalam *fix broadband* dengan izin. Maka ia melibatkan Maxis, ia melibatkan TIME, ia melibatkan Celcom dan ia melibatkan Telekom Malaysia. Kita dimaklumkan oleh SKMM bahawa ada rundingan yang dilaksanakan di antara keempat-empat daripada mereka sudah lama lagi. Tahun lalu sudah mula sudah. *So*, memang mereka ini mengambil bahagian dalam perbincangan itu di SKMM.

Di mana semua perkara-perkara yang mengikat ataupun yang mempunyai kesan kepada mereka itu telah pun diambil kira. Kemudian, satu keputusan dibuat berkenaan dengan harga minimum, harga minimum yang boleh *dichargekan*. Apabila harga minimum itu Yang Berhormat Ledang diberitahu kepada saya, saya memanggil mereka dan saya kata, *"Ini adalah harga minimum."* TM jumpa saya, dia kata harga ini terlalu rendah. Saya setuju saya kata, *"Okey, kalau terlalu rendah, sila bincang perkara dengan Maxis, dengan Celcom, dengan TIME."* Lebih

daripada satu perbincangan Tuan Yang di-Pertua, telah pun diadakan di antara keempat-empat mereka dan SKMM dan melalui perbincangan itu satu persetujuan telah dicapai di antara mereka.

Jadi, pendekatan kerajaan adalah kita nak turunkan harga internet, kita ada harga minimum tetapi harga minimum itu tidak dilaksanakan, *it's not enforced*. Apa yang kita lakukan adalah kita bagi ruang kepada mereka supaya harga yang berpatutan yang mengambil kira masalah mereka dan sebagainya Yang Berhormat Pontian. Mereka ini berbincang dan mereka menandatangani satu perjanjian antara satu sama lain. Jadi, di sini saya nak tanya berkenaan dengan soal TM. Wujud di situ banyak yang kata kita *bias*. Saya tidak *bias*, kita dengar kepada semua. Harga yang diputuskan itu adalah selepas daripada perbincangan di antara mereka.

Dalam keadaan itu kita lihat bagaimana selepas itu kekurangan dalam harga itu diumumkan bukan oleh satu tetapi keempat-empat mereka. Dalam masa yang sama, saya lihat daripada keempat-empat mereka, apabila ada pengumuman pengurangan harga, ada juga pengumuman bahawa jumlah pelanggan mereka telah pun naik.

*Which means they reduced the price, their customer base has increased their profit has increased.* Ini untuk Celcom, untuk Maxis dan untuk TIME tetapi apa yang berlaku kepada TM? Yang Berhormat, saya nak bertanya terus terang di sini kalau kita lihat kepada akaun TM, saya tidak nak sebut banyak. Kalau saya sebut, banyak di luar sana marah, dia kata kalau Menteri sebut nanti esok harga turun. RM12 bilion lenyap fasal Menteri, *is that possible?* Apa yang saya minta, saya melalui *tweets* Tuan Yang di-Pertua saya minta supaya TM jelaskan, jawab kepada rakyat apa masalahnya. Tidak bolehkah Menteri minta kepada TM supaya jawab pelanggan mereka. *What is so wrong with that?* Adakah kerana GLC Menteri itu tidak boleh tegur, saya tidak tegur pun. Kita minta sahaja bagi penjelasan, *they are your customers*.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa kita ini lihat kepada TM, *TM has got a lot of potential. They have got submarine cables, they have the potential not to be just a main player in Malaysia but also to become a very effective player globally.* Akan tetapi ini adalah satu perkara yang mereka kena lihat. Bila kita di sini berdiri, kita ini membuat komen untuk membantu. Pelanggan itu semua itu ada aduan. SKMM Tuan Yang di-Pertua keluaran kenyataan *8,000 complaints*. Yang Berhormat daripada Ledang, Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Lenggong *complaints* itu semua datang kepada saya melalui Twitter, hari-hari *but now, of course I'm very happy*.

Saya ini gembira kerana dua hari lalu lihat satu kenyataan yang cukup mendalam daripada TM. Di mana mengatakan bahawa ada masalah dengan *Streamyx*, itu yang kita nak jelaskan. Saya telah pun membuat satu kenyataan di mana saya telah pun memberitahu dengan cukup jelas bahawa kerajaan ini akan membantu setakat mana boleh. Itu yang kita hendak, kita hendak cari jalan di mana kita boleh selesaikan masalah ini. *[Dewan tepuk]* Ini supaya kita boleh mewujudkan satu sistem *infrastructure* yang cukup kukuh supaya Malaysia boleh Tuan Yang di-Pertua, bersaing apabila kita sedia menghadapi dunia IR 4.0 ini.

*This is a very serious problem, we cannot take it likely in a year.* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *six months times the whole world will see a different approach to economy.* Kalau

kita nak bagi pelajaran digital kepada semua sekolah, kita bercakap berkenaan dengan kita ini wujudkan *syllabus* atau sekolah-sekolah digital. Bagaimana kalau kita tidak ada *infrastructure*. Di sini saya minta kepada semua supaya kita faham. Saya tidak akan buat apa-apa komen berkenaan dengan angka-angka yang akan diumumkan oleh TM dalam masa yang terdekat berkenaan dengan TM lah dalam masa yang terdekat. *I don't want to talk about that. But* saya nak jelaskan di sini jumlah yang dipersetujui itu adalah hasil daripada perbincangan di antara mereka, *of course* kerajaan menyatakan bahawa kita hendak turunkan harga. *We have said that.*

Itu pun Yang Berhormat Pontian pun kata kerajaan dulu pun ada tapi tidak buat sahaja. Itulah Yang Berhormat Pontian beza dia, kerajaan kita dan kerajaan lama.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat dari segi pembuangan pekerjaan.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Itu soal saya. Jadi Yang Berhormat Lenggong, kalau kita lihat kepada...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Pembuangan pekerja, pembuangan pekerja

**Tuan Gobind Singh Deo:** ...Ya lah pekerjaan dan sebagainya kepada saya. Apabila ada cadangan untuk kita ini gabungkan RTM dengan BERNAMA, *the first thing that I'll ask* mereka-mereka yang membawa laporan kepada saya bagaimana hendak dibuat. *First thing I'll ask them* kita lihat kepada pekerjaan. Kalau ramai sangat yang akan diberhentikan pekerjaan, saya tidak setuju *and that is the reason why* sehingga hari ini belum lagi, kita masih mengambil pendapat, kita cari jalan bagaimana kita boleh jaga pekerja-pekerja RTM dan BERNAMA.

Sama juga dengan TM kepada kita, kita lihat kepada apa yang berlaku. TM model *business* mereka, *what are their liabilities* sehingga sekarang, ini adalah soalan yang TM kena jawab. Kita lihat seperti mana yang saya katakan tadi, ada tiga lagi *telco* yang lain. Bila turun harga, *business* mereka naik kerana kalau kita ada sesuatu perkhidmatan Tuan Yang di-Pertua, RM10 harga dia, kita ada satu pelanggan dalam poket kita RM10 sahaja. Kalau kita ada satu perkhidmatan RM1 harga dia, tetapi kita ada 100 pelanggan, kita ada RM100 dalam poket kita itu maknanya. Jadi kepada saya apa yang dilakukan itu adalah satu hasil daripada perjanjian selepas perbincangan di antara mereka dan saya harap bahawa tidak diomong-omongkan ataupun dikatakan bahawa oleh kerana tindakan kerajaan ataupun *tweets* Menteri maka, "*Oh! Saham terus jatuh*" *tweets* Menteri.

Lihatlah balik kepada *business* model. Adakah *business* model yang sedia ada itu satu *business* model yang boleh membawa keuntungan. Cari jalan bagaimana kita boleh tukar *business* model kita supaya tidak ada kesan kepada pekerja-pekerja. Saya Menteri, saya tak nak bagi ajaran itu semua di sini. Akan tetapi seperti mana saya katakan tadi, *I am in the position to help and we will help TM as far as we can.* Saya telah pun minta mereka untuk jumpa saya dalam masa yang terdekat.

■1630

Ini jam sekarang sudah habis. *[Ketawa]* Bukan jam, masa sudah habis.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Boleh minta lagi dua, tiga minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri, USP *fund*, USP *fund*, RM8.5 bilion.

**Tuan Gobind Singh Deo:** USP *fund* belum siap lagi dia punya laporan. Bila siap, kalau boleh saya ingin bantangan tetapi saya akan bagikan maklumat kepada semua Yang Berhormat yang ada di sini. Ini kerana USP *fund* ini Tuan Yang di-Pertua, sangat besar. Kalau ada apa-apa masalah, saya akan beritahu. Kalau tidak ada masalah pun, saya rasa ada tanggungjawab kita untuk beritahu supaya tidak ada orang yang *suspicious* bahawa ada masalah-masalah. *So, I will come back to you on that.* Tuan Yang di-Pertua, boleh satu minit sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih. Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kluang. Yang Berhormat Kluang bangkitkan isu berkenaan dengan penyata akaun FINAS 2016 dan tanya, apakah tindakan yang akan diambil. Seperti mana saya telah pun nyatakan dalam *press conference* yang saya adakan Yang Berhormat Kluang, saya menyatakan bahawa selepas saya diserahkan dengan laporan audit daripada FINAS 2016, saya telah pun membuat keputusan supaya satu siasatan diadakan dari segi dalaman. Siasatan itu masih belum dilaksanakan apabila ia dimulakan dan setelah ia habis, saya akan memberikan maklumat kepada Yang Berhormat Kluang berkenaan dengan perkara itu. Ya, soalan.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, saya cuma mahu tanya, berapa jumlah kerugian yang dihadapi oleh FINAS pada tahun kewangan 2016? Ini kerana dalam laporan audit *general* itu nampaknya banyak masalah dihadapi oleh FINAS pada tahun itu. Aset tidak dikemukakan atau tidak dapat di *tracekan* iaitu jumlah amaun kerugian itu yang penting. Ada mana-mana pihak yang didapati salah dalam perkara ini tidak? Kalau ada, kalau pihak itu pihak lembaga pengarah, adakah kementerian Menteri akan ambil tindakan terhadap mereka? Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada senarai kehilangan-kehilangan dan juga yang lebih penting, jumlah-jumlah yang mana tidak ada penjelasan. Saya akan berikan senarai yang penuh kepada Yang Berhormat daripada Kluang. Hari itu saya telah pun mengumumkan kepada *press*, saya ada melalui *press statement* saya. Itu pertama.

Kedua, berkenaan dengan sama adapun siapa-siapa yang terlibat, lembaga pengarah terdahulu dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut tadi, saya dalam proses mewujudkan satu jawatankuasa untuk siasat perkara ini. Apabila siasatan ini telah pun lengkap, saya akan membuat keputusan berkenaan dengan sebenarnya apa yang berlaku, bagaimana kita hendak ambil tindakan. Apakah dan siapa yang seharusnya bertanggungjawab, saya akan maklumkan kepada Parlimen apabila kajian itu siap.

Saya juga ingin maklumkan kepada Yang Berhormat daripada Kluang bahawa lantikan-lantikan baharu dalam Lembaga Pengarah FINAS ini akan terdiri daripada wakil-wakil yang pakar

dalam bidang perakaunan supaya mereka boleh memberikan cadangan kepada saya dan kementerian saya, bagaimana kita boleh mewujudkan satu sistem perakaunan supaya masalah sebegini tidak diulangi lagi. Kita hendak pastikan bahawa setiap ringgit dalam dana yang disalurkan kepada FINAS itu digunakan untuk tujuan-tujuan yang tepat dan baik supaya kita boleh membangunkan industri kreatif di Malaysia dan itu adalah matlamat utama saya dalam menerajui kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan berikan jawapan yang lain secara bertulis kepada semua Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian. Saya minta maaf tidak ada masa, saya akan hantar melalui surat dalam masa yang terdekat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sudah bagi lima minit tambahan tadi. Sekarang ini giliran Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Yang Berhormat Menteri dipersilakan.

**4.34 ptg.**

**Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Yeo Bee Yin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam usul perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang telah membangkitkan isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

Tuan Yang di-Pertua, saya ada tiga portfolio iaitu tenaga, sains dan teknologi; alam sekitar; dan perubahan iklim. Pertama, saya hendak mengulas isu-isu yang telah berbangkit tentang sektor tenaga. Pertama, saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pensiangan. Yang Berhormat Pensiangan ada di sini? Tidak ada. Yang Berhormat Kalabakan? Tidak ada. Yang Berhormat Ipoh Timur? Tidak ada. Yang Berhormat Hulu Terengganu? Yang Berhormat Tebrau? Ada, okey. Yang Berhormat Kota Kinabalu? *[Disampuk]* Yang Berhormat Kangar? Yang Berhormat Sandakan? So, untuk sektor tenaga yang Yang Berhormat semua telah bangkitkan isu, saya akan bagi jawapan bertulis kecuali Yang Berhormat Tebrau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya rasa mereka ada, tetapi ada sidang di *lounge*. *[Ketawa]* Sila.

**Puan Yeo Bee Yin:** Okey. Yang Berhormat Tebrau telah memohon supaya subsidi elektrik 100 peratus diberikan kepada semua sekolah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini, semua sekolah milik kerajaan dan bantuan separa kerajaan telah menikmati diskaun bil elektrik bulanan sebanyak 10 peratus. Sekiranya subsidi bil elektrik diberi sepenuhnya 100 peratus, ia akan menjejaskan keseimbangan struktur tarif kerana subsidi tersebut akan ditanggung oleh pengguna-pengguna lain melalui subsidi bersilang, *cross subsidies*.

Walau bagaimanapun, di peringkat sekolah, Suruhanjaya Tenaga telah melaksanakan program pertandingan kecekapan tenaga yang dipanggil *Energy Efficiency Challenge* dalam usaha meningkatkan kesedaran penggunaan tenaga yang cekap di samping menjimatkan kos bil elektrik di sekolah-sekolah. Sebagai contoh, 54 buah sekolah yang telah mengambil bahagian dan telah mendapat pengurangan penggunaan bil elektrik sebanyak 10 peratus selepas projek kecekapan tenaga, mereka berjaya menjimatkan sebanyak kira-kira RM390,000. Program ini akan diteruskan untuk menggalakkan lebih banyak lagi sekolah untuk menjalankan projek kecekapan tenaga.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Menteri. Minta penjelasan Yang Berhormat. Saya rasa ini adalah satu isu yang sangat penting untuk sekolah khususnya sekolah bantuan kerajaan. Sebelum ini mereka mengadu, disebabkan TNB mengenakan tarif bersamaan dengan komersial iaitu paling tinggi 50.9 sen. Itu tarif yang agak tinggi berbanding dengan industri 44 sen.

Akan tetapi untuk bangunan kerajaan yang dikenakan pada Putrajaya 36 sen *kilowatt-hour*. Jadi saya hendak bertanya pada Yang Berhormat, mungkinkah oleh kerana sekolah ini berfungsi sebagai agensi kerajaan juga, mungkinkah kita seragamkan menjadi 36 sen supaya bebanan itu tidak pada sekolah. Kalaupun sekolah kerajaan lain pun kita kena luluskan bajet tambahan sampai 50.9 sen untuk *kilowatt-hour*. Kalau boleh dilakukan, akan ada penjimatan dan akhirnya kepada sekolah yang menanggung, yang baki itu mereka tidak payah mengutip wang daripada ibu bapa. Bolehkah kementerian Yang Berhormat membuat semakan kerana ini memang diminta oleh banyak lembaga pengelola sekolah. Terima kasih.

**Puan Yeo Bee Yin:** Kita akan mengkaji cadangan daripada Yang Berhormat Ayer Hitam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar tarif elektrik adalah ditentukan setiap tiga tahun, kita panggil *regulatory period*. Dalam masa ini, kita adalah dalam tahun pertama *untuk Regulatory Period 2*. So, untuk kadar elektrik di seluruh Semenanjung Malaysia, kita menggunakan satu mekanisme dipanggil *incentive-based regulation*. Di bawah *incentive-based regulation*, kadar elektrik mengambil kira dana yang telah dilabur dan perbelanjaan operasi untuk memenuhi permintaan elektrik di seluruh Semenanjung. Kalau kita tukar tarif elektrik sekarang, ada tempat lain atau pengguna lain yang akan kena *cross subsidies* untuk sekolah-sekolah. Akan tetapi, saya menerima cadangan dengan baik dan kita akan semak untuk *Regulatory Period 3*.

Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang tiada di Dewan yang mulia ini, saya akan bagi jawapan yang bertulis. Untuk sektor...

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Yang Berhormat, boleh saya minta secara bertulislah, saya tidak mengharap Yang Berhormat boleh bagi jawapan petang ini. Bolehkah kementerian Yang Berhormat bagi berapa banyaknya kos kepada pihak TNB atau kerajaan jika kita beri 100 peratus subsidi kepada semua sekolah rendah dan menengah yang beroperasi bukan untuk tujuan keuntungan.

■1640

Ada statistik macam ini tak? Kalau ada boleh beri secara bertulis. Terima kasih.



**Puan Yeo Bee Yin:** Saya menerima cadangan dan saya akan bagi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Tebrau.

Dari segi kecekapan tenaga, saya ingin mengingatkan lagi kepada Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian, kita telah adakan satu *energy performance contract* di mana kita boleh menggunakan dana daripada swasta untuk melabur dalam bangunan-bangunan kerajaan di mana *savings* dan penjimatan akan dikongsi. Saya telah berbincang dengan Menteri Pendidikan juga supaya sekolah-sekolah mengadakan EPC untuk kecekapan tenaga bahawa kita boleh menurunkan bil elektrik dengan meningkatkan kecekapan tenaga di sekolah masing-masing.

Untuk portfolio yang kedua, sektor sains, teknologi dan inovasi. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Klang. Ada? Tidak ada. Yang Berhormat Batu? Tidak ada. So, saya akan *skip* portfolio ini dan saya akan bagi jawapan bertulis.

Untuk portfolio ketiga, sektor alam sekitar dan perubahan iklim. Saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Petaling Jaya dan Yang Berhormat Klang. So ada Yang Berhormat Rembau sahaja.

Yang Berhormat Rembau telah membangkitkan isu cukai karbon. Sebenarnya saya telah menjawabnya dalam ucapan gulungan RMKe-11 dan Yang Berhormat Rembau boleh merujuk kepada *Hansard* tersebut.

Sekian sahaja sebab semua Ahli Parlimen tiada. [*Dewan tepuk*] Saya sudah jawab bagi maklum balas kepada semua isu di bawah MESTECC.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat Menteri, memandangkan ada masa sedikit, *why not you entertain me with the answer*.

**Puan Yeo Bee Yin:** Yang ini saya telah jawab dan saya akan *repeat what I said if* saya jawab sekali lagi. Mohon Yang Berhormat Rembau boleh merujuk kepada *Hansard* tentang isu cukai karbon ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini Kementerian Tenaga, dia tahu bagaimana nak jimatkan tenaga.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa ada setengah jam. Ini adalah satu rekod sembilan minit. Menteri telah menamatkan penggulungan. Ini Kementerian Sumber Jimat Tenaga. [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Kementerian Wilayah Persekutuan. Yang Berhormat Menteri dipersilakan.

**4.43 ptg.**

**Menteri Wilayah [Tuan Khalid bin Abd Samad]:** Saya nak lawan rekod yang dibuat oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh secara khusus berkaitan bidang kuasa kementerian ini semasa sesi perbahasan Belanjawan 2019 peringkat dasar tempoh hari.

Kementerian ini memahami keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap keluh suara rakyat di Wilayah Persekutuan yang tidak lain hanya menginginkan kehidupan yang lebih sejahtera di bandar di sebalik kerancangan pembangunan ekonomi serta lambakan bangunan-bangunan pencakar langit khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur. Umumnya terdapat beberapa isu utama yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai permasalahan yang berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur dan di Wilayah Persekutuan.

Pertama, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tiada.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Tiada. So, tidak payah jawablah ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Itu terpulang kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Okey. Ini kerana kalau saya jawab pun orang lain tidak faham. Ini kerana ini bekas Menteri dok tanya tentang isu yang di bawah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Wilayah Persekutuan itu nak jimat tenaga juga.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya. Kedua, Yang Berhormat Labuan. Ini baru dua minit sudah dua soalan dijawab. Ada?

**Seorang Ahli:** Tidak ada.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Tidak ada juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Belum ada.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Jimat tenaga juga. Okey, boleh. Ketiga, Yang Berhormat Setiawangsa. Tidak ada juga?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tadi ada.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Pagi tadi ada. Mana dia? Ini bukan Yang Berhormat Setiawangsa. Ini Yang Berhormat Lembah Pantai. Tidak apa, tidak apa. Saya jawablah soalan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang mana penting, jawablah memandangkan masa ada.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Setiawangsa telah membangkitkan isu mengenai projek-projek Ekovest Berhad di bawah *river of life*. Untuk makluman Yang Berhormat Setiawangsa, di bawah projek *river of life* di kawasan Setiawangsa, anak syarikat Ekovest Berhad iaitu EkoRiver Construction Sdn Bhd telah ditawarkan kerja-kerja penambahbaikan dan pengindahan kawasan Taman Titiwangsa. So, ini merupakan satu pakej yang tersendiri dalam projek *river of life*.

Pelaksanaan perolehan projek ini di bawah komponen pengindahan sungai ini adalah melalui tender terbuka dengan kaedah *switch challenge*. Yang Berhormat semua faham *switch challenge* ya. Tender bagi projek ini telah dikeluarkan pada 21 September 2016 dan ia telah melalui pelbagai proses rundingan bagi tujuan penjimatan kos sebelum ditawarkan kepada EkoRiver Construction Sdn Bhd pada 9 Mac 2018 iaitu dua bulan sebelum pilihan raya. Kerja-

kerja telah bermula pada 7 Mei 2018 dan dijangka siap sepenuhnya pada 3 November 2019 dengan kos kontrak bernilai RM99,888,888.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tepat ya?

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Tepat. Status terkini projek adalah 25.89 peratus. Walau bagaimanapun, selaras dengan arahan Kementerian Kewangan pada 29 Oktober 2018, Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengadakan rundingan semula bagi mendapatkan pengurangan harga nilai kontrak dengan pihak syarikat dan keputusannya akan diangkat kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan setelah selesai proses rundingan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Setiawangsa yang tidak hadir, EkoRiver Construction Sdn Bhd juga beri peluang untuk melaksanakan Projek Kolam Biru yang bernilai RM79 juta menggunakan peruntukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pelengkap kepada *river of life* khususnya bagi meningkatkan lagi keindahan dan tarikan di sekitar kawasan Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Projek Kolam Biru ini sudah selesai. Projek ini bermula pada 26 April 2017 dan siap sepenuhnya pada 27 Ogos 2017.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini biru muda atau biru tua?

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ini biru muda. Dia punya kolam biru, biru muda. Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh pergi ke kawasan Masjid Jamek waktu malam, boleh nampak biru dengan air pancutnya, dengan bermacam-macam dia punya gimik untuk menunjukkan keindahan. Hanya ini semua telah berlaku sebelum zaman pentadbiran yang baru. Kita pun rasa agak pelik kerana tempoh masa projek hanya lebih kurang daripada bulan April sampai bulan Ogos. Lebih kurang dalam lima bulan tetapi nilai projek ini adalah sebanyak RM79 juta. Akan tetapi bila kita *take over*, semua sudah selesai. *Nothing can be saved. Alright.*

#### ■1650

Soalan yang keempat. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Batu— Yang Berhormat Batu ada?

**Seorang Ahli:** Ada, ada.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ada, okey, *alright*. So, tidak dapat kalahkan MESTECC lah macam ini. *[Ketawa]*

Ahli Yang Berhormat Batu telah membangkitkan mengenai kesesakan lalu lintas yang berlaku di kawasan Parlimen Batu. Untuk makluman Yang Berhormat Batu, kerja-kerja pembinaan MRT2, projek *mass rapid transit* laluan Sungai Buloh–Serdang–Putrajaya (SSP) sedang rancak dijalankan di mana jajaran ini merentasi beberapa kawasan Parlimen di Kuala Lumpur termasuk Parlimen Batu.

Trek MRT2 terbahagi kepada dua iaitu bertingkat (*elevated*) dan terowong (*tunnel*). Bagi mengurangkan kesan lalu lintas yang minimum kepada pengguna jalan raya, semua kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja di dalam kawasan rizab jalan di Kuala Lumpur diwajibkan mendapatkan permit Pelan Pengurusan Lalu Lintas, *Traffic Management Plan* daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam permit Pelan Pengurusan Lalu Lintas ini, keutamaan

ditumpukan kepada keselamatan dan kesan lalu lintas yang minima ke atas perubahan skim aliran lalu lintas dalam kawasan projek.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedia maklum akan kesesakan lalu lintas yang berlaku di mana kawasan yang terlibat dalam pembinaan projek MRT laluan Sungai Buloh–Serdang–Putrajaya dan ia memang telah dijangka akan berlaku kesesakan lalu lintas serta mengundang ketidakselesaian kepada pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, isu ini hanya bersifat sementara dan ia akan pulih sebaik sahaja projek MRT tersebut selesai pembinaan dan siap sepenuhnya.

Pada kebiasaannya, tugas trafik moden DBKL...

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Yang Berhormat, mohon mencelah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan. Juga saya ingin bangkitkan kerana isu projek MRT ini terdapat banyak aduan di Pejabat Parlimen Batu saya bahawa kerja-kerja MRT ini yang *at the ending*, dengan izin, ia tidak sempurnakan jalan raya. Oleh sebab itu, jalan raya selalu ada kesesakan lalu lintas. Semasa dia turap, dia tidak turap dengan betul. Juga isu banjir yang *recently happened*, dengan izin, akibat projek MRT yang *block the main drain*.

So, itu adalah antara kemelut-kemelut yang diadakan daripada penduduk di Batu. Dan juga saya rasa MRT tidak bekerjasama dengan pihak DBKL. So, saya ingin mencadangkan supaya DBKL perlu mengadakan satu jawatankuasa untuk memantau semula apa yang pelan MRT yang sepatutnya dicadangkan. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, berkaitan. Banjir yang disebut oleh Ahli Parlimen Batu, pada 26 September banjir kilat, 15 Oktober banjir kilat, 11 November banjir kilat. Macam tiap-tiap bulan sekali banjir kilat di Kuala Lumpur ini. Jawapan biasa ialah sistem perparitan dan saliran tersumbat akibat pelbagai kerja pembinaan. Itu jawapan standard yang diberikan sama ada oleh Yang Berhormat Menteri ataupun pegawai.

Jadi, bila agaknya hendak didenda kontraktor yang melakukan kerja-kerja yang menyebabkan saliran tersumbat itu? Apakah SOP DBKL untuk memantau setiap kawasan pembinaan itu supaya memenuhi syarat-syarat? Ini kerana banjir kilat ini bukan hanya kerugian harta benda tetapi adalah kerugian persepsi pelabur dan juga pelancong datang ke Malaysia kena banjir dan mereka akan lari tempat lain, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Baik, terima kasih. Mana tadi? [*Merujuk kepada Yang Berhormat Pontian*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pontian.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Yang Berhormat Pontian, minta maaf, lupa. Okey, Yang Berhormat Pontian. Banjir kilat ini memang satu perkara yang berlaku daripada dahulu dan sistem saliran itu memang telah pun disiapkan dan ia mengikut gred 100 tahun banjir iaitu keadaan banjir yang paling teruk dalam tempoh masa 100 tahun. Banjir kilat ini ia reda selepas satu jam atau

dua jam. Itu menunjukkan bahawa sistem saliran itu wujud dan berkesan tetapi kadar aliran menjadi perlahan dan tidak seperti mana yang dirancang oleh kerana ia tersumbat.

Bahan yang menyebabkan ia tersumbat, Yang Berhormat Pontian, bukan semestinya semuanya datang daripada tapak-tapak projek. Tapak-tapak projek seperti di tapak pembinaan bangunan yang satu kawasan yang tertentu, ia mudah untuk diurus oleh kerana ada kawasan dalam *hoarding*. Kita boleh tentukan dalam kawasan itu dia ada dia punya *sedimentation trap* supaya semua air yang hendak keluar daripada kawasan pembangunan itu akan melalui kolam sedimentasi itu dan air yang keluar tidak akan membawa bersamanya sampah-sarap ataupun pasir, debu dan sebagainya untuk menyebabkan berlakunya tersumbatnya sistem perparitan.

Akan tetapi, kadangkala soal pembangunan yang seperti mana untuk MRT ini adalah lebih sukar untuk hendak diurus oleh kerana kedudukan projek itu bukan di satu tempat yang khusus. Ia sepanjang jalan dan kita tidak mungkin meletak *sedimentation trap* di setiap satu kolum yang sedang dibina. Ini merupakan di antara masalah.

Kedua, masalah sumbatnya sistem saliran ini, perparitan ini bukan daripada tapak projek tetapi ia kadangkala datangnya daripada sampah-sarap yang dibuang— malangnya— oleh orang-orang kita yang masih lagi tidak mengamalkan satu budaya yang baik dari segi usaha untuk menjaga kebersihan. Kita di kolam-kolam *retention pond* yang ada, kadangkala kita dapat sampai 16 tan sampah yang dikaut keluar yang terdiri daripada beg plastik, yang terdiri daripada botol-botol plastik, yang terdiri daripada— 16 tan dalam sebulan.

Ini menunjukkan bahawa budaya buang sampah merata-rata ini— ataupun kadangkala dia buang di tepi jalan tetapi bila hujan, benda itu masuk dalam parit. So, sukar untuk kita hendak menyaman kecuali di tapak-tapak projek yang tidak sediakan *sedimentation trap* itu ataupun tidak mencuci *sedimentation trap* di dalam kawasan projek mereka. Akan tetapi kalau di luar, kita tidak tahu sampah itu berasal dari mana.

Maka, ia merupakan jawapan standard kerana itulah keadaannya. Kita tidak mereka-reka jawapan yang berbeza-beza tiap-tiap kali soalan itu ditimbulkan tetapi mestilah jawapan yang sama kerana itulah keadaannya.

Soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu, mungkin ini merupakan aduan berhubung kerja-kerja yang tidak disempurnakan selepas selesai sesuatu projek di sesuatu lokasi seperti jalannya tidak diturap dengan baik, masih berlopak dan sebagainya. Saya cadangkan kepada Yang Berhormat Batu, kalau ada kes-kes yang sebegini yang menjadi punca terhadap kesesakan lalu lintas dan sebagainya, untuk terus membuat aduan dan bertemu dengan pihak DBKL untuk mereka ambil tindakan dengan segera. Saya pun akan memberitahu kepada pihak DBKL dan Datuk Bandar untuk memberikan tumpuan kepada masalah-masalah tersebut. Apabila sesuatu projek ataupun kerja itu sudah selesai, kena tentukan bila dia *hand over*, dia selesaikan dengan baik, semua okey, barulah DBKL boleh terima dan boleh lepaskan bayaran dan sebagainya.

Soal MRT tidak memberikan kerjasama dengan baik, saya rasa itu merupakan satu perkara yang kita boleh tangani. Memang dahulu MRT ini dia memang mempunyai sikap macam dia yang bos. Dia ikut suka dia.

■1700

Itu saya kena akui ya tetapi sekarang ini di bawah pentadbiran yang baru, seperti mana yang kita dapat tahu maklumat, kita boleh paksa dia kurangkan kos projek, kita boleh tentukan bahawa mereka akan akur kepada peraturan-peraturan yang seperti mana yang telah kita tetapkan. Ini ada jawapan tambahan yang diberikan oleh pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Salah satu syarat permit pelan pengurusan lalu lintas adalah sentiasa memastikan permukaan jalan dalam keadaan baik. Arahan dari semasa ke semasa.

Perkara-perkara ini sentiasa dibincangkan dalam *task force* lalu lintas Jabatan Kejuruteraan Awam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. So, kita akan cuba untuk perketatkan lagi, *insya-Allah*.

Saya hanya ada 12 minit. Saya ingat sudah banyak masa saya *spare* tetapi nampak seolah-olah sudah tidak cukup masa pula. Pada kebiasaannya, tugas trafik warden Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah bagi melaksanakan kawalan terhadap pergerakan trafik di dalam kawasan pusat bandar Kuala Lumpur. Namun begitu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil maklum dan tindakan kawalan pergerakan trafik di kawasan luar pusat bandar seperti isu yang berlaku di kawasan Parlimen Batu akan dilaksanakan secara berkala mengikut kesesuaian. So, kita cuba *overcome the problem at the source*.

Dimaklumkan juga, mengikut statistik tindakan dari bulan Januari hingga 15 November 2018, sebanyak 3,537 notis kesalahan telah dikeluarkan di samping sebanyak 24 buah kenderaan telah ditunda di sepanjang Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. So, *this shows we are serious, insya-Allah*.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tahun 2019 sebanyak RM33 juta telah diperuntukkan bagi tujuan menaik taraf jalan raya di seluruh 11 kawasan Parlimen di Kuala Lumpur. Ini bermakna RM3 juta bagi setiap kawasan Parlimen termasuk Parlimen Batu. Akan tetapi RM3 juta tidak cukup Tuan Yang di-Pertua. *But is the what we have* dan ianya lebih daripada apa yang pernah kita dapat dahulu. Kelima...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Berkenaan jalan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan peruntukan RM33 juta yang diberikan untuk penambahbaikan status jalan. Saya bagi contoh di Jalan Maarof, *very prominent road* dengan izin di kawasan Lembah Pantai, Bangsar. Selepas 9 Mei, *alhamdulillah* dalam masa sebulan dua jalan tersebut telah akhirnya diturap selepas *what felt like decades* dengan izin.

Akan tetapi dalam masa beberapa bulan selepas itu, Jalan Maarof terutamanya di jalan hendak naik ke Bangsar Shopping Centre saya bagi contoh sudah berlubang balik. Boleh kah Yang Berhormat Menteri, jelaskan kenapa perkara ini berlaku. Adakah ia masalah SOP dari segi penurapan ataupun masalah cuaca kita? Apakah sebenarnya penyelesaian? Ini kerana kalau dana RM3 juta bagi Lembah Pantai digunakan untuk menurap jalan ini, nampaknya tidak memadai dan amat merunsingkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri. Saya tambah kalau sebut berdekad-dekad tadi kan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini bekas Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat, saya dalam acara pertemuan kami berkala semasa saya memegang jawatan Ahli Parlimen Lembah Pantai, ada dibincangkan kandungan bagi penurapan bagi tar tersebut yang sudah diputuskan akan ditukar supaya lebih tahan mengikut kesesuaian musim kita.

Akan tetapi saya difahamkan campuran yang sama masih lagi diguna pakai dalam proses penurapan terkini. Kalau di Pulau Pinang, kita sudah ubah. Yang Berhormat, kita ada kesediaan untuk *I think it's called the asphalt tarring*. Saya akan rujuk lagi nanti.

Akan tetapi bagaimana perkembangan terkini supaya sekurang-kurangnya ia tahan lasak sedikit. Ini kerana tidak silap saya ada beberapa Ahli Parlimen lain termasuk daripada Rembau yang pernah dalam *Twitter* dia menyuarakan, mereka hampir-hampir terbabas semasa menunggang motosikal. Jadi saya tidak mahulah sesiapa sahaja yang mungkin menerima nasib yang sama. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Yang Berhormat Rembau pun ada masalah yang sama. Tidak sangka juga. Okey, tidak apa. *[Ketawa]* Ia sebenarnya berdasarkan kepada pengalaman di Selangor, apa yang perlu dilakukan ialah sebenarnya pemantauan dan penguatkuasaan dari segi *design*. Ini kerana kadangkala apa yang ditetapkan ialah dia kena letak yang dia punya ketebalan *hardcore* batu-batu itu, ia mesti ada dalam empat inci ataupun sebagainya.

Akan tetapi banyak sangat yang cari jalan yang mudah. Apa yang dilakukan ialah dahulu, di Selangor itu akan dibuat *coring* setiap pembinaan, apabila sudah buat *reservicing*, dia akan buat *coring*. Dia hendak tengok sejauh mana ketebalan, peraturan dan *design* itu telah dipatuhi.

So, saya ingat perkara ini mungkin di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, ia belum dilaksanakan lagi. Boleh *check* dengan...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri. Saya rujuk minta maaf. Hendak maklum kerana ia dalam secara rasmi pada tahun 2017 mantan Perdana Menteri dahulu dia menggunakan *cup lump modified asphalt (CMA) for road construction*. Sudah ada tiga pilot yang dilaksanakan tetapi sekarang kita tidak tahu penerusannya bagaimana.

Kalau kita dapat rujuk tahap kejayaan yang menggunakan juga *by product rubber*, pada saya boleh sahaja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur guna pakai supaya kita boleh *at least upgrade the roads in Malaysia*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada Yang Berhormat bincang dengan Yang Berhormat Menteri Industri Utama supaya meningkatkan penggunaan *cup lump*, bahan getah dibuat jalan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya, *insya-Allah* boleh. Akan tetapi saya hendak jelaskan di sini walau baik macam mana sekalipun bahan dan *design*nya, kalau semasa pembinaan ianya tidak dipatuhi *design* itu, maka *it will not last*.

Apa yang *the standard approach* yang digunakan sekiranya dilaksanakan dengan baik, ianya akan kekal sekiranya yang membina balik jalan itu mengikut *design*. Ini jawapan yang saya terima, keadaan Jalan Maarof yang berlubang semula antara puncanya ia adalah bekas korekan yang ditimbus semula dengan kurang baik. *So, it is not a total rework in certain areas*. So, inilah yang mungkin timbul.

So, untuk Yang Berhormat Permatang Pauh, untuk jalan-jalan utama menggunakan *stone mastic asphalt* tetapi ia agak mahal untuk jalan biasa guna *bituminous asphalt thick concrete*. Akan tetapi akhirnya walau apa sekalipun bahan yang digunakan, *design* mesti dipatuhi. Ini kerana kalau *foundation* untuk jalan itu baik, maka *you will not have the problem*. Kalau *you* sudah *compact*, *you* sudah ketebalan dia cukup, *compaction* cukup dan sebagainya ianya tidak akan timbul masalah. Akan tetapi kalau ada ambil *shortcut* dan sebagainya, mungkin ia menimbulkan.

So, benda ini saya rasa apabila penguatkuasaan dari segi pelaksanaan projek itu memang kena lebih serius, *you have to do the coring*. Di mana ia dibina itu, kita buat *coring*, tengok sejauh mana dia ikut *design* itu, ketebalan *each layer*.

Okey, kehijauan di Kuala Lumpur. Masa sudah tinggal empat minit sahaja lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Tidak dapat saya kalahkan MESTECC. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Batu telah membangkitkan mengenai kehijauan di Kuala Lumpur. Inisiatif kementerian dalam meningkatkan kehijauan di Kuala Lumpur adalah satu kawalan pembangunan landskap. Menguatkuasakan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi permohonan sesuatu kelulusan pelan landskap bagi projek-projek pembangunan adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan 10 peratus kawasan lapang berpusat;
- (ii) menyediakan sekurang-kurangnya dua meter perimeter *planting* di sekeliling kawasan pembangunan, *two meters*; dan
- (iii) penebangan pokok yang bersaiz ukur lilit satu meter atau lebih perlu mendapat kebenaran daripada Datuk Bandar, Perintah Pemeliharaan Pokok, Akta Perancangan Wilayah Persekutuan.

So, ini *are guidelines to ensure* setiap pembangunan ada diperuntukkan kawasan hijau. Bermula tahun 2000, Kuala Lumpur telah menetapkan visi untuk menjadikan Bandaraya Kuala



Lumpur sebagai taman tropika lestari menjelang tahun 2020. Di bawah inisiatif Greening Greater Kuala Lumpur, Kuala Lumpur telah berjaya menanam sebanyak 181,328 batang pokok bermula pada tahun 2011 hingga tahun 2014. Ini termasuklah pokok yang ditaja oleh pelbagai agensi swasta dan badan bukan kerajaan berjumlah 45,594 batang.

#### ■1710

Dalam program ini, pemilihan spesies yang ditanam adalah terdiri daripada pelbagai spesies pokok yang sesuai di kawasan perbandaran termasuk pokok-pokok hutan di Malaysia. Ketiga, mewujudkan karakter jalan melalui penanaman pokok teduhan yang memberi identiti tertentu kepada sesuatu jalan. Keempat, menghasilkan impak teduhan daripada silira pokok hasil daripada penanaman pokok tepian jalan bagi memberikan keselesaan kepada warga kota dan pelancong khususnya pejalan kaki. Kelima, memberi impak keselamatan kepada pengguna jalan raya terutama kepada pejalan kaki di mana pokok dijadikan sebagai *barrier* yang membezakan laluan kenderaan dengan laluan pejalan kaki.

Penanaman pokok renek berbunga dan berwarna di kawasan tepian jalan raya menjadikan Kuala Lumpur dilihat lebih ceria dan menarik dengan menggunakan elemen semula jadi. Projek-projek mega seperti *river of life* dan *heritage trail* adalah antara usaha kementerian dalam memastikan kehijauan Bandaraya Kuala Lumpur dikekalkan dan dipertingkatkan. Pelan Pengekalan dan Penggantian Pokok. Ya, sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cerita fasal pokok ini. Dalam sesi yang sudah Yang Berhormat Menteri agaknya boleh ingat. Kita daripada Kubang Kerian ada buat cadangan. Saya pun sokong juga masa itu. Akan tetapi nampaknya mungkin DBKL tidak ambil perhatian dengan cadangan itu. Walaupun Menteri ada bagi respons yang positif iaitu dia mencadangkan menanam pokok-pokok buah-buahan di dalam DBKL ini. Ada tepi jalan kah, ada kawasan-kawasan hijau kah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pasir Salak. Oleh sebab kesuntukan masa, apakah soalnya?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak tanya. Kenapa, sudah dilupakan kah cadangan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Kenapa lupa? Sila.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ini cadangan hendak tanam pokok buah. Saya rasa cadangan itu tidak mendapat sambutan sangat daripada pihak Jabatan Landskap kita kerana ia tidak memenuhi ciri-ciri yang seperti mana yang panjang yang saya baca tadi. Dari segi keindahannya, dari segi memberikan kawasan teduhan yang tertentu dan sebagainya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tetapi Yang Berhormat saya ikhlas hendak sebut. Pada perhatian saya, pokok-pokok yang ditanam di DBKL ini. Ya lah dulu

kerajaan Barisan Nasional. Tidak begitu menarik. Kurus-kurus, tidak ada rendang, tidak cantik. Macam kita pergi *overseas*, kita tengok pokok-pokok menarik. *You can feel*.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Bagus lah tu. Kita tanya kerajaan yang dahulu lah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Maksud saya kita secara ikhlas elok bercakap. *You* jangan putar macam itu. Maksud saya kalau dahulu kita tidak buat, sekarang kita buat lah. Macam itu.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Jangan lah marah. *Relax, relax*.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Do it better now*.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Okey. Seperti mana yang sudah saya sebutkan tadi. Dia ada dia punya *guideline*. Setiap pokok ditanam atas dasar merit tertentu. *So*, ada yang mana tidak rendang tetapi dia berbunga. *So*, kalau matlamat dia dekat tengah-tengah jalan itu macam kita pergi ke Parlimen dan sebagainya, dekat tepi, dekat tengah dia punya tujuan dia cantik, hendak bunga, warna-warni. *So*, dia ditanam atas dasar itu.

Ada juga pokok yang rendang yang mana diletak di tepi bahu. *So*, saya pun tidak hendak masuk secara terlalu mendalam. Akan tetapi itulah dia punya *guideline* yang diguna pakai. Saya boleh bawa isu pokok buah-buahan kembali. Memandangkan betapa *passionatenya* Yang Berhormat Pasir Salak terhadap pokok buah-buahan itu. Yang terakhir saya ringkaskan saya ucapkan terima kasih kepada semua yang bertanya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang adalah giliran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Yang Berhormat Menteri dipersilakan.

#### 5.14 ptg.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking]:** Selamat petang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lima bulan pertama ini menjadi bulan yang amat sibuk bagi Kementerian MITI kerana kami di kementerian bekerja keras untuk menarik kemasukan pelabur asing ke Malaysia. Kami juga memastikan pelabur tempatan akan turut berpeluang, Tuan Yang di-Pertua, melebarkan sayap ke pasaran yang lebih luas. Kerajaan hari ini yakin bahawa Malaysia boleh dan akan menjadi Harimau Asia yang dihormati sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada tujuh Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan peringkat dasar baru-baru ini. Saya dapati hanya Yang Berhormat Pontian yang ada daripada tujuh. Bukan untuk *challenge* Yang Berhormat Bakri, akan tetapi saya akan jawab Yang Berhormat Pontian dan jika Ahli Parlimen yang ada di sini. Okey. Saya akan sebut beberapa Ahli Parlimen. Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Petrajaya dan Yang Berhormat Pontian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada Yang Berhormat Jeli.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Dan Yang Berhormat Hulu Selangor. Yang Berhormat Jeli ada. Okey, saya akan jawab mengikut yang hadir dalam Parlimen hari ini. Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Kangar membangkitkan isu pelaburan di negeri-negeri kurang membangun seperti Kelantan dan Perlis.

Sebagai Ahli Parlimen Penampang, *I feel what they feel*. Dengan izin. Isu ini sangat dekat di hati saya juga bahawa di negeri yang kecil seperti di negeri yang bukan kecil tetapi negeri yang kurang membangun seperti Kelantan dan Perlis. *It's no different from Sabah and Sarawak*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin. So, harapan saya supaya pembangunan akan turut dirasai di luar wilayah membangun seperti Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor. *We will take effort to ensure that they will not left behind*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin.

Usaha ini selari dengan strategi pembangunan yang seimbang seperti dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-11 . MITI juga bertindak menyelaraskan pelaburan yang dibawa masuk supaya seimbang ke kawasan-kawasan kurang membangun di Semenanjung Malaysia, Sabah dan juga di Sarawak. Walaupun secara dasarnya keputusan untuk menempatkan projek pelaburan ditentukan oleh pelabur sendiri, berdasarkan kajian pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, daripada misi-misi yang kita telah ada, biasanya pelabur selalu buat *research* mereka sendiri dan mereka memutuskan di mana kawasan yang mereka akan melabur. Akan tetapi kerajaan tidak juga putus asa. Kerajaan memperkenalkan mereka kepada negeri-negeri yang ada di Persekutuan Malaysia, Sabah dan Sarawak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta pencerahan. Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Secara spesifiknya Yang Berhormat Menteri tadi *making a very general statement*. You hendak bawa itu, bawa ini. Sekarang ini, *as it is today, what is the specific project*. Perindustrian yang sudah ada di pihak kementerian yang boleh dibawa kepada kawasan-kawasan baru di luar bandar. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berkaitan Yang Berhormat Menteri. Sebelum ini kita ada insentif cukai yang begitu tinggi yang diberikan kepada pelabur. Insentif cukai yang disebut kepada kawasan kurang membangun ataupun *Less Develop Areas (LDA)*. Setakat mana keberkesanan insentif cukai itu? Jika tidak berkesan, perlu diberikan insentif-insentif lain kepada pelabur agar mereka berminat untuk melabur di kawasan-kawasan yang kurang membangun.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Pasir Salak. Di spesifik industri adalah ENE. Kita sedang dalam usaha untuk membawa pelaburan berkenaan dengan *manufacturing* kita yang akan juga *disupplementkan* dengan polisi Industri 4.0 yang kita telah lancarkan bulan lalu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *This specific investors, yang sudah buat project paper. From where? How much?*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Okey, I can give you a figure yang I compare di antara Mei dan September 2018. *Total domestic, daripada domestic investment which includes ENE electric and electronic which include as well as petrochemical, petroleum adalah RM6.6 bilion dalam domestik dan dalam foreign investment about RM34 billion, more less. RM35 billion kalau round up. Total between Mei to September 2018, RM 4,159,323,817.*

■1720

So dia orang punya *investment has been approved in the last few months* dalam kategori *petrochemical...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Which area you are targeting?*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Area, I don't have but I will give you...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pasir Salak boleh tak masuk?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *[Ketawa]. Please work with us, maybe you can promote Pasir Salak more. As for Yang Berhormat Pontian, saya akan memberikan jawapan yang lebih mendalam berkenaan dengan insentif yang baru but we have been encouraging mereka, Tuan Yang di-Pertua dengan insentif yang sudah sedia ada tetapi dengan improvement yang kita memberikan kepada mereka pada hari ini. Okey? Each one of them ada request juga dan each state...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jangan lupa Teluk Intan ya.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Minta laluan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Okey terima kasih.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri MITI. Saya rasa cadangan-cadangan yang Menteri bagi tahu yang amat baik dan juga jangan lupa negeri Kedah. Di kawasan saya Parlimen Padang Serai adalah satu kawasan yang luas dan selat pun dia siap untuk tambak bila-bila masa dan juga serba serbi ada. Tempat kereta api dekat, pelabuhan dekat, penerbangan dekat. Saya rasa pelabuhan banyak boleh bawa ke kawasan saya. Masih ada. So, saya harap jangan lupakan negeri Kedah. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. *No state will be left out and we'll try our best to bring kepada semua daerah, kepada semua kawasan yang ada but again Tuan Yang di-Pertua dengan izin, this is all dependent on the investors. Sebanyakanya kita membawa mereka ke kawasan itu, they seem to make their own decision but we will try as Yang Berhormat Pontian mentioned, the incentive. Hopefully mereka akan dapat ditarik kepada kawasan itu.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, sila pastikan Yang Berhormat Teluk Intan sentiasa dekat dalam hati ya. Tadi bagi jaminan *no state will be left out.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Yes, we will.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Teluk Intan *is my neighbors*, / boleh tumpang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *So we can share* antara Pasir Salak dan Teluk Intan. [Ketawa] Terima kasih. Okey, Yang Berhormat Jeli juga telah menyarankan supaya kerajaan meningkatkan usaha menarik pelaburan berkualiti, pelaburan dalam sektor perkhidmatan, Industri 4.0, *knowledge incentive industry* dan *high end manufacturing*. Untuk makluman, kerajaan merangka pelbagai strategi baru bagi menarik pelaburan langsung berkualiti tinggi. Ini termasuk dalam sektor perkhidmatan, Industri 4.0, *knowledge-incentive industry* dan *high-end manufacturing*.

*Industry forward* yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri bulan lalu bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama pelaburan dalam projek-projek berteknologi tinggi. Kesungguhan kerajaan ini juga dapat dilihat dalam Belanjawan 2019 di mana kementerian diperuntukkan sebanyak RM210 juta untuk melaksanakan inisiatif menggalakkan peralihan kepada Industri 4.0 seperti yang di garis dalam dasar tersebut.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we are working you know, to make more interest of the high technology that Malaysia to offer* kepada pelabur-pelabur dan juga kepada *domestic investors* kita. Satu agensi yang saya ingin namakan di sini adalah Penang Skills Development *where they are working very hard to ensure that our small industries* boleh *convert* kepada Industri 4.0 *at a very reasonable and cheap cost to them. One of the biggest problems when it comes to* kita punya *conversion* kepada Industri 4.0 *automation* ini adalah kos dan kerajaan juga telah memperuntukkan dalam bajet untuk menyediakan mereka dalam Industri 4.0. Yang Berhormat Port Dickson tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Berapa diperuntukkan?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Sorry?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Berapa diperuntukkan untuk bayar? Berapa diperuntukkan tadi?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** RM210 *million* dalam Bajet 2019. Saya akan jawab dalam jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Port Dickson. Yang Berhormat Jasin juga akan dijawab dalam bertulis. Yang Berhormat Petrajaya.

**Seorang Ahli:** Putrajaya kah Petrajaya?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Petra, *sorry*. Petrajaya. Yang Berhormat Petrajaya, *hello, hai. I'm sorry*. Yang Berhormat Petrajaya menyatakan Malaysia disenaraikan antara enam negara yang paling berisiko sekiranya berlaku konflik dagang dan menyarankan supaya kerajaan memainkan peranan yang proaktif dalam memastikan ekonomi Malaysia kekal mampan untuk menangani cabaran ekonomi hari ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Petrajaya, laporan ini tidaknya *correct* sebab kita juga mesti membaca laporan, *a more reliable* laporanlah bagi saya iaitu *The Economist Intelligent Unit* dan ini adalah dalam majalah ekonomis dan mereka telah merangkakan bahawa Malaysia *is a country that will benefit* dengan izin, dalam peperangan perdagangan antara

Amerika dan China. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, MITI telah menyusun langkah proaktif dengan menubuhkan pasukan petugas yang memantau perkembangan konflik perdagangan Amerika Syarikat dan China dan juga tindak balas dari negara-negara lain.

Selain daripada merangka tindakan untuk membantu industri tempatan yang terkesan akibat konflik perdagangan terbabit, kita juga mengumpulkan maklumat daripada pihak industri melalui kaji selidik yang sedang dilaksanakan untuk mengenal pasti kesan terhadap mereka dan boleh digunakan kerajaan bagi merangka strategi untuk meningkatkan daya saing dan prestasi perdagangan. *Contrary* dengan izin, dalam laporan yang mungkin disebut oleh Yang Berhormat Petrajaya, eksport berkembang 6.3 *percent* dalam jangka masa ini. Daripada Januari kepada September, eksport telah mengembang sebanyak 6.3 peratus manakala import meningkat dengan pertumbuhan yang lebih perlahan, *a bit slower* iaitu sebanyak 4.7 peratus.

Jumlah perdagangan dengan China bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berkembang 8.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu, *it's an increase of 8.4 percent*. Dalam tempoh itu, eksport ke China mengukuh sebanyak 9.6 *percent* didorong oleh peningkatan eksport barangan elektrik dan elektronik, kimia dan bahan kimia, barangan perkilangan logam serta *liquefied natural gas* dan import China naik sebanyak 7.4 *percent*. *This is during the time of this tariff war*. Bagi tempoh juga Januari sehingga ke September 2018, perdagangan dengan Amerika Syarikat bernilai RM114.74 bilion. Menurun secara marginal sebanyak '0' peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2017. *It's understandable* sebab *a lot of this orders probably is on hold at this moment* bagi orang Amerika.

Akan tetapi eksport ke Amerika Syarikat naik, menaik secara *I means* sebanyak 1.1 peratus kepada RM66.68 bilion. Disokong oleh peningkatan eksport barangan optik dan saintifik, kelengkapan pengangkutan serta barangan perkilangan logam. Import dari Amerika Syarikat berkurangan, 3.0 peratus dalam sektor ini. Ketika ini, kesan negatif konflik perdagangan terhadap perdagangan luar adalah kecil. Walau bagaimanapun dalam jangka masa panjang, prestasi perdagangan Malaysia dijangka akan terjejas disebabkan oleh konflik perdagangan di antara kedua-dua ekonomi besar ini, berikutan pengintegrasian produk Malaysia di dalam rantaian *or the supply chain, global supply chain* dengan izin, terutamanya barangan E&E *but we will improve on this global supply chain and supply* kepada mereka.

Prestasi perdagangan negara-negara lain seperti Vietnam, Singapura dan Taiwan yang terlibat dalam rangkaian bekalan global akan juga dipengaruhi oleh konflik perdagangan dan ramai akan terjejas. Walau bagaimanapun, agensi iaitu Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah mengenal pasti produk yang berpotensi untuk peningkatan eksport ke Amerika Syarikat dan China sebagai pilihan alternatif selain daripada sumber negara China dan Amerika Syarikat. Antara produk berpotensi ini adalah E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan, barangan optik dan saintifik, keluaran petroleum dan kimia dan bahan kimia. Kedudukan Malaysia memberi kelebihan di mana...

## ■1730

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin ya...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Just finish this part ya, dengan izin. Saya habiskan dengan...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Now, you are talking about the export product, isn't?*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Sorry? Ya, okey.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I want to talk on that now.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Alright.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini produk-produk pertanian ini, *what is the potential about export?* Ada kementerian apa nama ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, *have any plan to help* untuk pengusaha-pengusaha pertanian yang banyak sudah produk-produk mereka yang berkualiti. *They can be sold in the what we called at global market.* Okey satu, produk itu.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Okey. *[Ketawa]* Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, no that Asia. They are growing.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Yes, they are.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *MOA is growing.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Yes, they are.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Exporter is your ministry.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Yes, they are growing...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *So, I want to know what is the plan? You must work together with Minister of Agriculture.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Yes of course, kita kerjasama dan baru-baru ini kita telah menandatangani satu agreement antara China dan juga Malaysia di mana kita dapat mengeksportkan Musang King dan ini adalah task...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *That is not enough, Musang King is not helping them...*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *No, it's just one of them.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *...Not helping the farmers, I am telling you, I was there.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *...As I mentioned.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau *you* hendak tolong petani ya untuk eksport produk mereka, Musang King *is the small number.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tanya lah Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *I just answered specific.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa lagi produk?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Produk macam nanas. *On top of that,* kita juga *moving into the E-commerce* di mana banyak barang-barang pertanian kita boleh dibeli oleh...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh tidak Menteri lihat kepada senarai produk apa ini, makanan ini yang boleh dieksport. *There will be about 200 or 300 of them.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Well, we will definitely look into that...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I look into that ya, please.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *...We will definitely and we work very closely* dengan MOA.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Because* ini petani-petani Cina, petani Melayu, petani India, *they are living on the subsistence level.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *I think* kamu lupa juga petani Kadazan, petani Dayak, petani Iban...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, okey, okey.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Okey. *So, put it this way...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I am also recommending for Kadazan, and the...*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *And the Ibans, the Dayaks*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ha! Semua sekali.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *[Ketawa] All Malaysian.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *All Malaysian.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *Of course.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Can you do that?*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** *I will take it into consideration* apa you *have suggested that.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Because this was not done before. I was not happy. Even though I'm with the government, BN Government, I keep on talking about this, you know.*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Ha! Kali ini, MOA dan MITI...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *So, now you are there, you do it.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Pejuang Melayu cakap bahasa Melayu, *please. Thanks.*



**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Okey, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Kali ini MOA dan juga MITI akan kerjasama.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, kita hendak sekarang ini Kerajaan Pakatan Harapan buat. Jangan ikut Kerajaan Barisan Nasional. *[Dewan riuh]*

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Tetap tidak mahu ikut. Itulah kita tumbangkan Barisan Nasional. *[Dewan riuh]*

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Bagi borang, bagi borang. Ha! Bagi borang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pontian memberi saranan supaya MITI merencanakan usaha meluaskan inisiatif e-dagang bersama MDEC.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian pun tahu pasal hal ini sebab Yang Berhormat Pontian dan juga Yang Berhormat Jeli telah mewujudkan Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan pada Oktober 2016. Kita telah mengimprovekan dan kita sedang dalam usaha untuk apa ini dengan izin, untuk *to make it inline with the current times dan demands and also expectations of the current trade*, eTRADE bersama dengan MDEC, bersama dengan beberapa agensi-agensinya yang ada kaitan dengan e-dagang ini. Pelbagai inisiatif yang telah dilancarkan oleh kerajaan dahulu dan juga kerajaan sekarang akan di— *we will marry it and make sure everyone will be benefits from the E-commerce policy* yang ada pada hari ini.

Data terbaharu untuk Yang Berhormat Pontian adalah Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan sumbangan e-dagang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar telah meningkat kepada 6.3 peratus iaitu RM8.8 bilion berbanding 6.1 peratus iaitu RM74.6 bilion pada tahun 2016. Kerajaan akan terus mempergiatkan usaha ke arah meningkatkan lagi sumbangan e-dagang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Antaranya ialah satu perjanjian yang baharu ditandatangani minggu lepas di Mesyuarat ASEAN, iaitu Perjanjian e-Dagang ASEAN yang akan memperhalus transaksi e-dagang rentas sempadan dan meningkatkan lagi aplikasi e-dagang ke arah mencapai pertumbuhan inklusif dan merapatkan jurang perbezaan dalam kalangan negara anggota ASEAN, *the cross border*. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. E-dagang ini saya harap diperluaskan juga kepada usahawan-usahawan PKS di luar bandar, itu satu. Satu lagi ialah apakah yang berlaku tentang— sebelum ini kita berusaha dengan ali baba. Apa terjadi dengan projek itu yang di Subang. Adakah ia diberhentikan atau diteruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Yang Berhormat Pontian, projek-projek bersama dengan Alibaba dan beberapa syarikat-syarikat yang sama sedang dijalankan dan akan diteruskan. Oleh sebab mereka bergiat untuk bekerjasama dengan kita di Malaysia dan kita melalui MDEC sedang memperhalus *partnership* yang kita ada dengan mereka. Seperti juga Yang Berhormat Pontian telah bangkit, MITI dan agensi-agensi seperti MATRADE komited untuk membantu lebih ramai PKS, SME menembusi pasaran eksport di bawah inisiatif *Digital Free Trade Zone* (DFTZ), terutamanya dalam konteks memperkasakan agenda pembangunan SME tempatan dilaksanakan secara inklusif tanpa sebarang bentuk diskriminasi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Maaf sikit Yang Berhormat Menteri saya tidak puas hati terhadap apa yang MITI hendak buat. Memilih hanya 500 PKS untuk didedahkan dengan IR4.0 bermula tahun depan. Saya kira ia terlalu sedikit angka 500 itu sedangkan PKS ada 900 ribu seluruh negara juga inginkan pendedahan tentang IR4.0. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Yang Berhormat Pontian, Tuan Yang di-Pertua. Adanya 47, 698 syarikat yang terbabit secara langsung dalam sektor *manufacturing*. Okey pembuatan ini. Dalam angka yang telah kita *allocate* dalam Bajet 2019, hanya 500 *as a start*. Ini bukanlah *final*. Ini hanya *start* sebab kita dalam keadaan di mana kita hanya dapat memberikan *allocations* sebanyak itu dalam *readiness assessment* mereka, untuk memperkasakan mereka.

Meskipun hanya 500 seperti mana yang telah saya umumkan tadi, kita menggalakkan PKS untuk juga bekerjasama dengan MITI dan juga agensi-agensi dalam kerajaan dan MITI untuk mentransformasikan, mereformasi ataupun membawa mereka kepada *Industry 4.0* ini. So, Tuan Yang di-Pertua *there is nothing to worry about because* ini adalah satu permulaan. Kita juga tahu bahawa ramai PKS ini telah juga membuat inisiatif sendiri untuk bersedia, untuk menghadapi *Automation Industry 4.0*. Yang Berhormat Hulu Selangor? Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Hulu Selangor tidak ada ya?

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Tiada dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh jawab secara bertulis.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Tuan Yang di-Pertua saya akan jawab secara bertulis kepada wakil rakyat-wakil rakyat yang tidak hari pada hari ini. Terima kasih atas soalan dan kita akan— saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat sekali lagi dan kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua yang hadir pada hari ini. *Thank you*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

**5.39 ptg.**

**Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]:** *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang Kementerian Luar Negeri ketika perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019. Yang Berhormat Kepala Batas? Tidak ada. Yang Berhormat Yang Berhormat Pasir Mas? Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Mas ada.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** ...Dan Yang Berhormat Pontian?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pontian tidak ada.

**■1740**

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya jawab Yang Berhormat Pasir Mas. Yang Berhormat Pasir Mas telah membangkitkan kekhawatiran mengenai *International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR) atau dalam bahasa Melayunya Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik. Khususnya artikel 18 berhubung kebebasan beragama dan beliau menyatakan tiada keperluan bagi Kerajaan Malaysia untuk meratifikasikan perjanjian ataupun konvensyen-konvensyen PBB.

Saya hendak sebutkan lima perkara. Pertama, pentadbiran Pakatan Harapan dalam apa juga keadaan akan mempertahankan dengan izin, *the body of the constitutions*, perkara-perkara yang fundamental. Sebagai contohnya Perkara 3, Perkara 153, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kedudukan Raja-raja Melayu. Perkara yang kedua, Kementerian Luar Negeri merupakan dengan izin, *lead agency* untuk ICCPR. Perkara yang ketiga ialah jawatankuasa teknikal untuk meratifikasikan ICCPR ini telah pun wujud sejak zaman kerajaan yang terdahulu. Perkara yang keempat, kita sedang membuat *engagement* dengan pelbagai pihak. Saya sendiri telah mempengerusikan dua mesyuarat dalam konteks UPR, bertemu dengan dua kumpulan yang kalau mereka jarang bertemu tetapi kita bertemu dengan dua kelompok NGO dan mengadakan perbincangan yang begitu mesra. Saya fikir dengan penuh persefahaman antara...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Sekejap sahaja— antara satu sama lain. Kita melihat semua perkara ini secara yang realistik, secara yang taktikal. Akhir sekali, yang kelima ialah dalam apa juga keadaan apabila kita membuat *ratification* atau apabila kita meratifikasikan sama ada ICCPR tetapi Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Pasir Mas adalah tentang ICCPR, maka kita akan melakukannya dengan penuh bijaksana. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya ringkas sahaja. Apa perlunya kita hendak menandatangani itu, hendak membuat ratifikasi itu? Apakah untungnya? Apakah ruginya? Kena *explain*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, untung rugi menandatangani dengan izin, *international convention on human rights* tidak dapat diukur dengan bertambahnya FDI ataupun bertambahnya pelaburan, bertambahnya perdagangan antarabangsa. Kita melakukan ini semua atas beberapa sebab. Pertama, kerana kita percaya bahawa ia perkara yang perlu dilakukan. Kedua, dalam konteks hari ini, kita ada suatu perkara yang dipanggil *Universal Periodic Review* (UPR) tentang hak asasi manusia yang berlaku setiap empat tahun setengah di *Geneva*. Suka atau tidak suka, kita perlu menghantar laporan rasmi daripada kerajaan. Suka atau tidak suka, kita akan menerima komen-komen daripada kerajaan-kerajaan yang lain. Pada waktu yang sama Tuan Yang di-Pertua, apa yang paling penting ialah pentadbiran Pakatan Harapan percaya bahawa kita harus meningkatkan prestasi hak asasi manusia kita sendiri. Dengan menandatangani dan dengan meratifikasi *International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR) ini, kita boleh menjadi pemain yang aktif di persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh menggunakan analogi. Sekiranya ada 10 perkara dalam ICCPR atau *international convention* yang lain, kita boleh meratifikasikan dengan menerima kesemua 10 perkara itu atau kita juga ada pilihan untuk meratifikasi dengan menerima sembilan daripada perkara itu dan membuat satu *resolution* atas sebab-sebab yang tertentu. Selama ini apa yang berlaku ialah apabila kita berhadapan dengan ICCPR dan *international convention of human rights* yang lain, kaedah kita ialah kita *react*. Kita mengatakan kita tidak mahu meratifikasi dan kita memberikan alasan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh mencelah sedikit?

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya tidak fikir itu adalah suatu pendekatan sebuah kerajaan yang percaya kepada demokrasi...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat sebut tadi – sebelum pergi jauh...

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Kebebasan dan hak asasi dan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat sebut tadi seolah-olah ada masalah *human rights* dalam negara kita Malaysia ini. Dengan sebab itu, *you need to ratify the convention to show to the world that you are now tackling the issue of human rights in Malaysia. So, I want to ask you...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Salak, saya ingat...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bagi dia habiskan dahulu sebab ini *floor* dia.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia pergi tajuk lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak, tidak. Dia akan bagi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia sebut *human rights*. *I want to talk*, saya hendak bercakap soal *human rights*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya akan kawal. Bagi peluang Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu, bagi habis sedikit. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Selama ini pendekatan kita ialah apabila kita berhadapan dengan isu hak asasi manusia ialah kita *reactional*. Kita ada yang kita bersetuju, kita rizab dan sebagainya. Akan tetapi bagi sebuah pentadbiran yang percaya kepada demokrasi, pentadbiran yang percaya kepada kebebasan dan pentadbiran yang percaya kepada hak asasi manusia, kalau tadi saya kata ada 10 perkara, kita terima sembilan, rizab satu. Siapa kata kita tidak ada dua perkara lain yang kita boleh bawa? Tidakkannya Malaysia tidak ada idea dan tidak ada pemikiran yang boleh bawa...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang dua itu apa? Tuan Yang di-Pertua, *be specific. What is the two?* Dua, yang jadi masalah itu apa? Tolong jawab.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya memberi analogi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Contoh sahaja.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya sambung, saya menyambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey, sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita tidak ada masalah *human rights*. Adakah masalah kita adanya keistimewaan untuk bumiputera, hak asasi untuk Bumiputera itu dianggap masalah *human rights discrimination*? Bumiputera ini bukan sahaja Melayu, anak negeri Sabah termasuk peribumi di Sabah sana. *You all from Sabah not fighting for this?* Diam sahaja. Yang Berhormat Puncak Borneo, *I want to see Yang Berhormat Puncak Borneo standing up*.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Kita ada cara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Kita bukan— kita ada cara...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cara macam mana? *Answer me*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekejap. *This floor* dengan izin, *is floor* Menteri. Yang Berhormat Puncak Borneo kena minta daripada Yang Berhormat Menteri. Bagi Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Mas bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Mas kena tanya Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Menteri, bagi saya laluan sedikit. Saya hendak kongsi dengan Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kita bagi Yang Berhormat Puncak Borneo...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Bagi Yang Berhormat Puncak Borneo dahulu, kemudian Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Kemudian Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Okey, saya hendak beritahu Yang Berhormat Pasir Salak. Kita ini sebagai Bumiputera, apa sangat yang kita ada? Okey, saya bagi contoh. Apabila kita membeli rumah, kita dapat tujuh *percent*. Berapa kali banyak kita boleh beli rumah? *What is so great about seven percent? Okay, if we want to* dengan izin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dengan izin.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** *If we want to the benefit that ASB, we must also have money to put in the account.* Macam mana kita hendak...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini bermakna Yang Berhormat tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya sudah sebut sudah, bagi peluang Yang Berhormat Puncak Borneo bercakap.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Saya sudah jawab, dia tidak hendak dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Puncak Borneo dengan cara - Teruskan Yang Berhormat Puncak Borneo.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Okey. Apabila kita hendak *enjoy* ASB, kita pun terpaksa kena ada duit hendak masuk dalam akaun, baru kita dapat dividen tujuh, lapan *percent*. So, yang sebenarnya bumiputera elit sahaja yang boleh melakukan perkara ini, yang di bawah-bawah itu tetap jadi miskin. Yang Berhormat Pasir Salak okeylah, gaji beribu-ribu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo. Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Sudah *declare* harta belum?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak tanya dengan kebenaran Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekejap, sekejap.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Senang sahaja. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Jadi, Yang Berhormat Puncak Borneo tidak bersetuju anak bumiputera kita pertahankan hak-hak mereka. *You* tidak setuju ya?

■1750

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** *No, I never said that I tidak setuju. That is – don't put a word in my mouth.* Jangan bagi perkataan dalam mulut saya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Where shall I put it?*

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** *You listen* lah. Saya dalam Dewan ini memperjuangkan bukan sahaja hak orang bumiputera tetapi hak seluruh anak Malaysia. *[Tepuk]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu betul. Saya hendak tanya anak negeri Sabah dan Sarawak ini, *you* tidak pedulilah?

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Kalau saya tidak peduli, warganegara diberi kepada Lubnan dan Ponorogo pun saya sebut. Sebab itulah saya hendak bela hak semua orang bumiputera ini. Fasal kelemahan Barisan Nasional yang menyebabkan kita ini hancur.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Alahai...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya minta dari Pasir Mas.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Cuma saya hendak sebut bahawa dalam ICCPR ini Perkara 18 menyebabkan kebebasan agama termasuklah hak untuk orang Islam keluar dari agama mereka. Walaupun Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa kita boleh melaksanakan beberapa *reservation* tetapi setakat manakah kita boleh bertahan dengan *reservation* yang akan sentiasa *direview* dengan izin, dalam setiap empat tahun? Ini lebih terdedah kepada risiko kerajaan terpaksa menarik balik *reservation* tersebut di atas tekanan antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sila Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian masuk. Selepas ini saya jawab balik. Yang Berhormat Pontian yang baik hati.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Pasir Mas, artikel mana yang kata Yang Berhormat Pasir sebut itu? Tolong bacakan teksnya.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya tidak bawa bersama tetapi saya akan cuba cari selepas ini. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila dapatkan. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya baca, itu interpretasi Yang Berhormat Pasir Mas sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Jadi tidak timbul isu yang dibangkitkan. Akan tetapi Yang Berhormat Pasir Salak, kalau saya boleh cadangkan Yang Berhormat baca laporan diskriminasi yang dikeluarkan oleh Pusat KOMAS. Baca juga laporan SUHAKAM tentang keperitan isu-isu tanah Orang Asli dan itu jugalah latar belakang mengapa pentadbiran Pakatan Harapan ingin membatalkan atau memansuhkan beberapa undang-undang dan ingin meminda beberapa undang-undang. Kalau Yang Berhormat Pasir Salak kata tidak berlaku diskriminasi dan sebagainya, saya tidak tahulah Yang Berhormat duduk di dunia mana.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, yang di bawa oleh Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri yang diikuti oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ini diskriminasi terhadap bukan bumiputera. Itu maksudnya yang hendak dibawa kepada konvensyen itu. Ya, *you* jangan geleng kepala. *I know you. You are very liberal.*

*[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri, teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana Yang Berhormat Pasir Salak menuduh saya sebagai liberal. Bermakna saya ikut Rukun Negaralah. *[Ketawa]*

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat, nanti...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You are prepared to sell your own people. [Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** Tarik balik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Jelutong sudah kalah sudah di *Penang* itu. Tidak perlu bercakaplah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Itu tidak jadi isu Yang Berhormat Pasir Salak. Saya minta...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya terpaksa kawal perbincangan ini supaya terurus. Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pasir Mas. Benarkan Yang Berhormat Pasir Mas atau Yang Berhormat Pontian? Sila. *[Dewan riuh]*

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya rujuk tadi ialah artikel 18...

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Peraturan mesyuarat.

**Beberapa Ahli:** Peraturan mesyuarat.



**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Peraturan Mesyuarat 36(6), “*Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain.*” Saya rasa Yang Berhormat Pasir Salak tadi perlu tarik baliklah.

**Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya orang jahat kah? *You* sudah tahu saya jahat kah? *[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mana Yang Berhormat tahu saya jahat ini?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Salak. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak telah mengeluarkan kenyataan yang tidak patut dikeluarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *To say that, “You are prepared to sell your own people”, I think that should be withdrawn.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Baik...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya mendengar. Yang Berhormat Pasir Salak menyebut tentang liberal tadi. Saya minta Yang Berhormat Menteri adakah setuju untuk ditarik balik?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Sekejap, sekejap.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, bukan liberal tadi.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Semua orang tahu Yang Berhormat Menteri ini liberal.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Bukan liberal Tuan Yang di-Pertua, tadi dia sebut...

**Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Semua dah, *you* ada cop...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** *You are prepared to sell your own people.*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Saya hendak dengar jawapan...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak, isu dia bukan liberal Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Seorang Ahli:** Bukan liberal.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Dia kata *sell*.

**Beberapa Ahli:** *Sell*.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ayat itu kena tarik balik bawah Peraturan Mesyuarat 36(6).

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Isunya bukan perkataan liberal. Isunya ialah perkataan yang ditimbulkan oleh teman-teman yang lain. *[Disampuk]*

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta seorang sahaja cakap. Bukan keempat-empat yang bercakap. Saya minta seorang sahaja bercakap.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat yang saya bangkit tadi bukan untuk perkataan liberal tetapi tentang terma, "*sell your country*".

**Beberapa Ahli:** "*Sell your own people*".

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** "*Sell your own people*". Itu saya minta Yang Berhormat Pasir Salak kalau...

**Seorang Ahli:** Tarik balik.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Lebih baik tarik balik.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You* tidak faham. *That is politically speaking.* *[Dewan riuh]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Apa yang tidak faham? Tarik balik. *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You* budak baru. Baru berapa hari dalam politik.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** *You are extremist.*

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Dia kena tarik balik Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Saya mohon Tuan Yang di-Pertua menjalankan tugas dengan lebih tegas.

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Kalau tidak tegas, kita akan ada banyak orang yang sedemikian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Kita tidak akan benarkan kita punya Parlimen ini diperlekehkan. Duduk Yang Berhormat Pasir Salak.

*[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Yang Berhormat Pasir Salak, Peraturan Mesyuarat 36(6) tadi. Yang Berhormat Pasir Salak, dengar ini.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tadi permintaan daripada Peraturan Mesyuarat 36(6)...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Puncak Borneo ini, *you* daripada gunung mana ini? Hutan mana *you* mari ini?

*[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta tadi...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua kena buat *ruling*. Sudah melampau sudah Yang Berhormat Pasir Salak ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta permintaan daripada Yang Berhormat Kluang tadi untuk Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik.

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Kluang.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa yang salahnya sampai saya terpaksa tarik balik ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kluang, minta Yang Berhormat Kluang.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya sudah dalam ini tiga penggal, tidak pernah tarik apa-apa pun. [*Dewan riuh*]

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Sudah terlanjur kata tarik baliklah.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Saya ulangi sekali lagi ya. Peraturan Mesyuarat 36(6) "*Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain.*" Oleh itu, saya minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik perkataan, "*Sell your own people.*" Tuduhan terhadap Yang Berhormat Menteri tadi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang mana jahatnya itu? *Which part* yang jahat?

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Itu sangkaan jahat terhadap Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sangkaan jahat *or not, it's in my heart.* Dalam hati *I* mana *you* tahu.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Jangan nak tegakkan benang basah lah, Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak bertindak tegas, dia akan terus berkelakuan macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya telah minta Yang Berhormat Pasir Salak untuk menarik balik, "*Sell your own people*" perkataan yang disebutkan tadi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada. *No, I won't withdraw.* [*Dewan riuh*]

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, no, no. He is prepared to sell his own people politically. Politically. You ask all the Malays outside there.*

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *And you have betrayed everyone...*  
[*Pembesar suara dimatikan*] [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Sila, saya minta Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Saya ingin kita kembali kepada persoalan yang penting, yang sedang dibincangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Ini soal ratifikasi ICERD ini. Ini saya bercakap ini saya memahami asas-asas demokrasi, hak asasi manusia. Selama ini secara peribadi itulah yang saya terlibat memperjuangkan. Akan tetapi dalam masa yang sama, saya ingin menyatakan keadaan ini, isu ICERD sekarang ini sudah menjadi satu isu yang besar dalam masyarakat Melayu khususnya. Saya baru balik di kampung, Maulidur Rasul baru-baru ini. Ini bukan orang UMNO, bukan orang PAS, ini orang Melayu biasa, orang Islam biasa memberitahu saya bahawa kalau boleh tangguhlah dahulu perkara ratifikasi...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dengar itu Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** ICERD ini...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dengar itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Salak jangan ganggu. Jangan ganggu. Cakap— jangan ganggu.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:**...iaitu rakyat minta sekarang ini Konvensyen ICERD ini sejak tahun 60-an dahulu. Kenapa perlu sekarang menjadi *central issue* di negara kita?

#### ■1800

Ertinya kita baru peralihan kerajaan dan negara kita menghadapi masalah ekonomi, kejatuhan komoditi, masalah pengangguran pelajar-pelajar kita.

Jadi saya minta kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri dan Kabinet kerajaan supaya fikir hati-hatilah perkara ini. Maknanya kita bagi keutamaan. Ini bukan perkara yang mendesak, yang perlu diputuskan dengan segera hendak dibawa perkara ini menjadi perkara yang paling penting sekarang ini. Saya rasa kita perlu beri keutamaan apa yang patut dibuat dahulu, didahulukan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berkaitan juga.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** *Standing order, standing order.*

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *What standing order?*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Siapa?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tanjong Malim.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Tanjong Malim.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Peraturan Mesyuarat 43, "*Keputusan Pengerusi adalah muktamad*. Tuan Yang di-Pertua, tadi Tuan Yang di-Pertua telah mengarahkan supaya Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik perkataan dia tetapi Yang Berhormat Pasir Salak sampai sekarang ...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jangan buang masa lah. Kita hendak bincang isunya.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Peraturan tetap mengatakan keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad. Saya minta Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik tadi kenyataan itu seperti yang diarahkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak cakap, saya hendak, ulang *do not waste time. We want to discuss the real issues*.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tidak, *no ,no. You are wasting our time.*  
[Pembesar suara dimatikan]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya hendak meneruskan perbincangan ini dan *I want to give the floor to Menteri* untuk menjawabnya. Sila Menteri.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Menteri, boleh mencelah dahulu, sekejap.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, Pontian juga.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Yang Berhormat Pontian minta dulu sebenarnya. Saya boleh Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian dengan Yang Berhormat Rembau. Boleh dua-dua.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Saya dengar Yang Berhormat Damansara sebut, "*Useless Speaker*". *What is this? [Dewan riuh]* Yang Berhormat Damansara, *you said, without speaker* — "*Useless Speaker*" dia cakap. Cakap sahaja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Waste — this is very serious*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** *Check Hansard*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Check Hansard* lah tetapi tidak pakai *mic*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya buat keputusan untuk meneruskan kepada Menteri. Menteri minta Yang Berhormat Pontian bercakap.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, kembali kepada ratifikasi ICERD ini. Kita tidak ratifikasikan sejak 21 Disember 1965 Yang Berhormat Menteri dan tidak ada apa-apa berlaku kepada negara kita walaupun kita tidak meratifikasikannya. Kita sudah ratifikasi tentang wanita, tentang kanak-kanak, tentang OKU. Ada lagi konvensyen dunia yang belum kita ratifikasi. Maka pada pandangan saya ialah ratifikasikan perkara yang kita belum ratifikasi itu. ICERD ini biarlah tidak diratifikasikan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Menteri.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Menteri bagi saya. Terima kasih Menteri. Sewaktu pembentangan usul kerangka dasar luar kerajaan Malaysia Baharu ini, saya telah bangkitkan perkara ini. Masa itu tidak ada Ahli Parlimen lain yang bangkitkan perkara ini, mungkin tidak memahami implikasinya.

Saya telah memberi sedikit amaran kepada Menteri bahawa ini akan berlaku. Seperti mana *exactly what is happening today*, dengan izin. Pengerusi Pakatan Harapan sudah sebut bahawa mustahil diratifikasi ICERD, Ketua Umum Pakatan Harapan pun sebut elok ditangguhkan sebab benda ini menimbulkan banyak sensitiviti.

Jawapan Menteri waktu menggulung perbincangan usul tersebut menyatakan bahawa usaha daripada Pakatan Harapan antara lain adalah untuk memastikan bahawa pendampingan awam, *public engagement* dilaksanakan. Saya hendak beritahu Menteri dalam sebulan ini, saya tidak nampak *public engagement* yang mendalam sehingga berlakunya masalah pada hari ini, bukan hanya himpunan yang dibuat oleh UMNO dan PAS malah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang itu sangat tepat sekali. Kemarahan oleh orang Melayu biasa oleh kerana kegagalan dalam membuat *public engagement*.

Jadi poin saya, apabila kita mengumumkan bahawa kita akan ratifikasikan *international instrument*, dengan izin tanpa membuat sebarang *public engagement* seperti mana yang dijanjikan, inilah yang berlaku. Apabila *public debate* sudah menjadi sesuatu yang tidak dapat dikawal dan kemarahan timbul oleh kerana kegagalan dalam kita umumkan sesuatu dan usaha untuk kita memastikan bahawa *engagement* dibuat dengan semua pemegang taruh dan juga dengan masyarakat umum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Menteri untuk menjawab.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya hendak – Pasir Mas tadi Yang Berhormat Menteri minta saya bacakan tadi.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Sebab yang asalnya Yang Berhormat Pasir Mas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Mas, sila.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** So, yang ICCPR tadi Yang Berhormat Menteri minta saya bacakan. Ia agak panjang cuma Artikel 18 daripada Perkara 1 hingga 4, saya mentafsirkan bahawa ini merupakan satu kelonggaran kepada orang-orang Islam untuk keluar daripada agama mereka. Jadi sekiranya Yang Berhormat Menteri mempunyai tafsiran yang berbeza, saya kira boleh disebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Menteri.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas, saya katakan tadi bahawa ini bergantung kepada tafsiran. Apa yang saya tidak sebutkan tadi ialah kita ada undang-undang kita tentang perkara yang berkaitan. Apabila kita membuat sesuatu ratifikasi, ia tidak akan berkuasa untuk mengatasi pertama, Perlembagaan kita dan keduanya, undang-undang yang sedia ada dalam negara kita sendiri.

Sebab itu kita boleh melakukan *reservation* untuk perkara-perkara yang kita rasa kita tidak bersesuaian dengan kita. Akan tetapi, kita meratifikasikannya kepada perkara-perkara yang memang adalah mustahak dan adalah penting dari segi untuk kita meningkatkan prestasi kita dari segi menegakkan, melindungi dan memelopori hak-hak asasi manusia.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Pasir Gudang menyebut tentang ICERD tetapi soalan Yang Berhormat Pasir Mas ialah tentang ICCPR. Namun saya memahami semangat di sebalik apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang.

Saya ingin sebutkan sebagaimana yang disebutkan oleh Perdana Menteri semasa berucap di Perhimpunan Agung PBB bahawa kita ingin meratifikasikan tetapi kita juga akan mengadakan konsultasi dan bukan sesuatu perkara yang ingin kita lakukan dengan tergesa-gesa. Kita ada enam *International Convention* yang belum diratifikasi. Ada lagi dua perkara yang lain tetapi kita bawa pada debat yang lain. Antara enam itu, saya pun telah sebutkan sebelum ini bahawa ICERD itu mungkin yang terakhir untuk diratifikasikan. Kita ada satu, dua yang lebih awal, yang perlu kita lakukan ratifikasi.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian. Kita sebenarnya tidak banyak beza dari segi itu cuma Yang Berhormat Pontian tadi menyebut ICERD tetapi soalan asal daripada Yang Berhormat Pasir Mas itu ialah tentang ICCPR.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Rembau kerana dalam sesi pembentangan usul itu memang Yang Berhormat Rembau seorang yang membangunkan perkara ini. Yang Berhormat Rembau menyentuh kenyataan yang dibuat oleh dua orang pimpinan utama daripada Pakatan Harapan termasuk seorang daripadanya Yang Berhormat Port Dickson berada di sini.

Ada dua perkara di situ. Kedua-duanya itu menyatakan keprihatinan mereka tentang debat yang sedang berlaku. Bukannya soal hendak tolak, tidak mahu melakukan ratifikasi terhadap ICERD. Misalnya, Yang Berhormat Port Dickson ada di sini, Yang Amat Berhormat Langkawi sebagai Perdana Menteri apabila beliau menyebutkan tentang ICERD itu ialah soal perlu atau tidak kita meminda Perlembagaan Perkara 153. Sebenarnya kita tidak perlu pinda 153 pun kita masih boleh melaksanakan meratifikasikan tentang ICERD.

Saya terima baik—

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, ini hendak habis saya hendak tanya *last* sekali, boleh?

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bagi Menteri habiskan dulu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kenapa hendak tanya tidak boleh ini? *What is wrong with you all?* Hendak tanya soalan pun tidak boleh. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak tanya sikit sahaja. Secara tegas, bermakna adakah Menteri menyatakan bahawa kerajaan akan meneruskan cadangan ratifikasi ini? *Now or later. It does not matter because* saya hendak balik kampung, saya hendak cerita. Itukah pendirian kerajaan sekarang? *That is all.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya juga sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin tahu pendirian Kerajaan Pakatan Harapan hari ini. Adakah kerajaan akan menandatangani isu ICERD ini yang sangat ditentang? Saya tahu ramai pimpinan daripada Pakatan Harapan termasuk PM, termasuk Yang Berhormat Port Dickson, termasuk Yang Berhormat Gombak yang mencadangkan supaya perkara ini ditangguhkan atau dikaji tetapi seolah-olah berbeza pandangan antara Menteri dan beberapa pimpinan dalam Kerajaan Pakatan Harapan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Betul, betul, betul. Setuju.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Jadi rakyat Malaysia, kita sebagai rakyat menolak dan mengharapkan kerajaan menarik balik isu ini.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Port Dickson bangun, Yang Berhormat Port Dickson.

*[Pembesar suara dimatikan]*

■1810

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Port Dickson mohon Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri kerana kenyataan Perdana Menteri memohon menangguhkan itu agak jelas. Tidak bermakna kita mempertikai semangat kesaksamaan dan keadilan. Saya juga mohon supaya ditangguhkan kerana betapa pun kita beri penjelasan, ianya seperti yang Yang Berhormat Menteri sebut ia memerlukan *rectification* peringkat antarabangsa. Jadi, oleh yang demikian, bagi saya dan saya tegaskan perkara ini, untuk menolak kemungkinan ketegangan kita harus memperincikan semula dengan mengambil kira kebimbangan masyarakat atau sebahagian masyarakat negara kita.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan selaras dengan apa yang disebut oleh Perdana Menteri dan didokong oleh ramai pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan untuk tidak meneruskan cadangan ini sehinggalah perkara-perkara prinsip ini dimuktamadkan. Bukan pentafsiran kerana *ratification international* ini akan dipertikai di antara pentafsiran Kerajaan Malaysia dan pentafsiran di peringkat antarabangsa. Jadi oleh sebab itu, saya mohon pertimbangan Yang Berhormat Menteri supaya memberikan penjelasan supaya tidak dipanjangkan perbahasan ini dan mengatakan tangguh sahaja dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.



**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri pembetulan. Saya bukan minta tanggu atau apa, saya kata jangan ratifikasi dan ratifikasi yang lain dahulu. Ada lima lagi belum, buat yang lima itu, itu tidak kontroversi yang ini kontroversi jangan ratifikasikan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Kita tidak mahu tangguh-tangguh Yang Berhormat Menteri, kita mahu tolak terus. Tidak mahu tangguh-tangguh.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri isu ini jangan main-mainlah. Menimbulkan sentimen yang besar di kalangan rakyat. Jangan sampai isu seumpama ini berlaku pergaduhan kaum dalam masyarakat kita. Ini bukan masa dia, jadi saya harap kerajaan mengambil prihatin perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** *Hello, you bangunlah, you bangunlah.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Bagan Serai dahulu.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya Bagan Serai ingin mencadangkan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pendang tunggu dahulu. Saya bagi Yang Berhormat Bagan Serai dulu.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Daripada kita memikirkan dan fokus kepada ICERD ini yang boleh menyebabkan keresahan rakyat semua, mengapa kita tidak fokus kepada yang lebih penting sekarang ini. Saya hendak tanya kenapa kerajaan tidak meratifikasikan protokol dalam FCTC berkenaan dengan *illicit trade in tobacco products* yang mana kita tahu *tobacco products* ini yang menyebabkan bertali kait dengan pengaruh dadah di negara ini yang boleh merosakkan negara ini, itu jelas. Semua orang akan setuju perkara itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bagan Serai. Saya minta Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita melihat ICERD sudah lama dijalankan, ada negara-negara yang telah menandatangani dan kesan sosialnya kita sudah tahu. Oleh sebab itu kalaulah dia ada dua perkara, pertamanya kalau ada kesan baik, pihak kerajaan perlu *educate* rakyat bagi faham. Ini kita tidak faham terus kita tergopoh gapah hendak laksanakan, hendak *sign*, hendak tandatangani. Kenapa? Ini peringkat– benda ini besar, kesan sosial yang amat besar kepada – itu yang pertama.

Keduanya –

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Cukup satu dahulu. Baik, terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ya. Tidak kita hendak tengok kesan-kesan sosial kepada penduduk Bumiputera di negara-negara yang telah meratifikasikan ICERD. Ini yang benar-benar menjadi kebimbangan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kota Bharu Yang Berhormat. Sedikit sahaja perkara yang disebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi semua kita dengar bahawa Yang Berhormat Menteri mengatakan kalau kerajaan hendak meratifikasikan ICERD ini tidak melibatkan pindaan Perlembagaan. Akan tetapi, tahu kah Yang Berhormat Menteri atau pihak kerajaan, jika sekiranya sesuatu keputusan, dasar atau undang-undang yang dibuat oleh kerajaan bercanggah dengan Perlembagaan atau disebabkan *unconstitutional* ianya menjadi tidak sah dan boleh dicabar di mahkamah.

Pada pandangan saya, ICERD ini bertentangan sebagaimana yang disebut oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat kita bertentangan dengan beberapa peruntukan di dalam Perlembagaan itu sendiri terutama Perkara 153. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Dato' Saifuddin Abdullah: [Ketawa]** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Saya telah sebutkan daripada ketika usul tentang kerangka dasar luar Malaysia Baharu lagi, bahawa kita ada enam *International Convention on Human Rights*. Apabila ditanya oleh Yang Berhormat Rembau, saya mengatakan bahawa memang kita tahu ICERD boleh menimbulkan isu dan ia bukan yang pertama yang akan kita cuba ratifikasi. Kita ada – saya setuju dengan Yang Berhormat Pontian ada lima, mungkin ada dua yang boleh didahulukan. Misalnya, *Convention Against Torture* dan tentang *force disappearance* dengan izin.

Soal *engagement* dengan *public* ini, sebenarnya beberapa siri perbincangan telah diadakan, beberapa siri perbincangan lagi sedang diadakan. Pihak SUHAKAM dan JAKIM akan mengadakan satu seminar pada 27 November 2018 untuk membincangkan soal...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri pusing-pusing buat apa?.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Pasir Salak jangan ganggu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada jawapan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri ini tidak bertanggungjawab.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya memang tidak pandai jawab macam Yang Berhormat Pasir Salak. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya beri kebebasan untuk Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Yes or no.* Habis cerita.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau semua masalah – tidak mengapa, biarlah Yang Berhormat Pasir Salak dengan cara dia. Saya hendak katakan tadi, *engagement* ini berlangsung daripada pelbagai pihak. Saya sangat berterima kasih dengan *intervention* dengan izin oleh Yang Berhormat Port Dickson. Itulah yang saya cuba jelaskan daripada awal tadi. Kita tidak tergesa-gesa, kita tidak akan membuat perkara yang menimbulkan masalah kepada negara dan bangsa.

Oleh sebab itu, ketika menjawab soalan tadi saya bermula dengan mengatakan pentadbiran Pakatan Harapan dalam apa keadaan sekalipun akan tetap mempertahankan dengan izin *the body of the constitution*, Perkara 3, 153 kedudukan bahasa Melayu dan kedudukan Raja-raja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan hari ini adalah tentang ICCPR, apabila sahabat saya Yang Berhormat Kota Bharu menimbulkan tentang ICERD, saya tahu perbincangan itu panjang lebar, tetapi ada banyak *interpretation*, ada banyak tafsiran tentang 153 itu. Kebanyakan orang membaca dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan orang membaca 153 ini satu fasa sahaja, yakni tentang *special position*, kedudukan istimewa orang Melayu. Ada fasal yang kedua *the native of Sabah and Sarawak* ada fasal yang ketiga tentang dengan izin ...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya tidak beri izin untuk pencilan. Bagi dia...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Masa pun sudah habis sudah. Gulunglah, gulung. *Yes or no* habis cerita. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau hendak buat ratifikasi kau buatlah. *[Dewan riuh]* Buta, buat saya hendak tengok. Kalau berani buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Salak duduk. Minta Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Ya, masalah akan timbul kalau begini caranya. Akan tetapi kalau... *[Dewan riuh]*

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kami tidak setuju.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tolak teruslah.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Nantilah kita – Tuan Yang di-Pertua,... [*Dewan riuh*]

■1820

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Salak duduk. Yang Berhormat Pasir Salak, saya tidak benarkan untuk bercakap lagi. Baik. Minta Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Okey, saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Habiskan. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Okey. Jadi, untuk ICERD saya fikir kita boleh teruskan berbincang. Saya rasa saya sudah jawab tentang... [*Disampuk*] Tuan Yang di-Pertua. Soalan hari ini ialah tentang ICCPR. Bukan ICERD. Cuma, saya... [*Disampuk*]

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Kita tanya tadi fasal ICERD. Apa pendirian kerajaan? Yang Berhormat Menteri tidak jawab.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya dah jawab tadi.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Mudah sahaja.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya dah jawab tadi.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Maknanya kalau begitu jawapan Yang Berhormat Menteri, maknanya kerajaan hendak buatlah. So, teruskanlah.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Nantilah dahulu. Belum sampai dekat situ.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** So, jawab sahajalah. Yang Berhormat Menteri tidak jawab-jawab. Berpusing-pusing.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat Menteri. Bakal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah cakap tangguhkan. Tangguhlah dahulu.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Tangguh sahaja.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya hendak sampai ke situlah tetapi saya sedang melayan soalan-soalan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Pendek sahaja jawapan. Tidak payah pusing-pusing. Masa pun sudah habis.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** *Alright.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk cepatkan dan menggulung kan.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Okey, kesimpulannya ialah keputusan ini akan diputus oleh Kabinet dan kita akan mengambil kira semua perkara yang telah ditimbulkan termasuklah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Port Dickson. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat terima kasih pada Yang Berhormat Menteri Luar dan saya ingin akhirnya menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan yang akan menggulung bagi perbahasan belanjawan

peringkat dasar. Dipersilakan Yang Berhormat Bagan dan saya berikan tempoh masa 60 minit. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

### 6.22 ptg.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memulakan ucapan penggulungan saya pada hari ini dengan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2019 di Dewan yang mulia ini dari 2 hingga 15 November 2018. Semua pandangan, teguran dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung perkara berkaitan Kementerian Kewangan adalah amat dihargai. Sehubungan itu, izinkan saya memberi penjelasan di atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan berdasarkan klasifikasi isu-isu yang telah dibangkitkan.

Sebagai mukadimah, Belanjawan bagi tahun 2019 merupakan sebuah belanjawan yang menumpukan perhatian kepada pembaharuan institusi bagi membersihkan negara yang tercinta ini dari terus menjadi sebuah negara kleptokrasi secara berpanjangan. Selaras dengan konsep CAT atau pentadbiran cekap, *accountable* dan tulus. Pembaharuan institusi ini melibatkan beberapa langkah konkrit yang melibatkan penggunaan sistem tender terbuka dengan lebih meluas, pelaksanaan *zero-based budgeting*, pengiraan perbelanjaan *off budget* serta hutang dan liabiliti yang sebelum ini disembunyikan oleh pentadbiran yang lama ke dalam belanjawan dan penyata kerajaan serta migrasi sistem perakaunan kerajaan daripada yang berasaskan tunai kepada yang berasaskan akruan. Langkah-langkah ini akan menghalang salah guna kuasa serta korupsi yang berlaku sebelum ini daripada berlaku sekali lagi di masa hadapan. Walaupun pembaharuan institusi ini diperlukan bagi membolehkan negara daripada kancas kleptokrasi dan memperbaiki nama negara di persada dunia.

Belanjawan 2019 adalah sebuah belanjawan menekankan kepada pertumbuhan ekonomi, penciptaan pekerjaan dan kesejahteraan rakyat yang berpendapatan rendah atau dengan izin, *pro-growth*, *pro jobs*, dan *pro poor*. Perwujudan pekerjaan ini dapat dilakukan melalui penyertaan sektor swasta secara aktif untuk membina sebuah ekonomi keusahawanan yang kurang bergantung kepada bantuan kerajaan. Tumpuan kepada tiga faktor yang saya sebut ini serta kepada pembaharuan institusi adalah sebab mengapa kerajaan membuat keputusan untuk menyelaraskan semula paras defisit fiskal pada 3.7 peratus berbanding KDNK untuk tahun ini dan 3.4 peratus pada tahun 2019 berbanding perancangan pentadbiran lama yang menyasarkan 2.8 peratus.

Penyelarasan ini adalah perlu memandangkan ada pelbagai skandal yang telah memudaratkan keadaan atau kedudukan kewangan dan fiskal sehingga pihak kerajaan tidak ada pilihan lain, akan tetapi untuk menangani masalah yang timbul, termasuk untuk tahun depan. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua, kerana keperluan untuk membayar *refund* GST dan *income tax* dan juga pendapatan— cukai pendapatan, memaksa pihak kerajaan untuk mendapat satu dividen khas secara *one-off* daripada Petronas supaya kita dapat

menunaikan janji untuk membayar balik wang milikan pembayar cukai yang telah digunakan tanpa pengetahuan dan tanpa kebenaran pembayar-pembayar cukai.

Ini telah pun menimbulkan beberapa persoalan dan pihak kerajaan telah pun menjelaskan bahawa ini adalah satu pembayaran dividen secara *one-off*. Ini kerana GST pun dah dimansuhkan, *refund* GST yang tidak berbayar, tidak akan timbul lagi. Tentulah tambah lagi tentulah kerajaan yang baharu ini adalah kerajaan bersih. Kita tidak akan amalkan amalan jahat atau tabiat jahat kerajaan lama yang gunakan wang rakyat tanpa pengetahuan dan juga kebenaran mereka. Oleh sebab itu, yang RM30 bilion dividen ini adalah secara *one-off*. Itulah sebabnya perlu untuk membayar balik wang milikan rakyat yang telah seperti yang saya sebutkan tadi disalahgunakan oleh pihak kerajaan lama.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah ini amatlah perlu dan sekiranya bukan kerana itu masalah membayar balik *refund* GST dan juga pendapatan, defisit fiskal boleh dikurangkan lagi daripada tahap 3.4 peratus yang telah diumumkan dalam belanjawan 2019. Akan tetapi, oleh sebab masalah *refund* GST dan pendapatan, maka kita perlukan sekurang-kurangnya satu tahun supaya dalam tahun 2020 defisit fiskal boleh dikurangkan kepada tiga peratus. Kami yakin ini dapat dilakukan dengan beberapa langkah cukai baharu yang diperkenalkan, tambah lagi dengan beberapa reformasi ataupun pembaharuan institusi yang boleh menjimatkan perbelanjaan. Pada masa yang sama, daripada sistem tender terbuka yang juga boleh membawa beberapa faedah dan penjimatan kepada kerajaan.

Di samping itu, selain daripada beberapa undang-undang yang akan diperkenalkan iaitu *Fiscal Responsibility Act* dan *Government Procurement Act*. Sistem *accrual accounting* pun akan dilaksanakan. Tentang soalan daripada Yang Berhormat daripada Subang dan Lembah Pantai. Inisiatif pelaksanaan perakaunan akruan telah dimulakan sejak Mei 2011. Akan tetapi, menghadapi beberapa masalah pada masa itu kerana mereka tidak diberikan akses atau dihalang daripada mendapat akses beberapa fail-fail tertentu yang ada bersabitkan 1MDB dan juga Suria Strategic Energy Resources iaitu projek paip di mana wang dibayar sungguhpun tidak ada kerja dibuat pada tapak kerja.

Selepas kerajaan baharu mengambil alih, sistem pelaksanaan perakaunan akruan telah pun dibenarkan berjalan dan ia kini berjalan secara lancar. Kerajaan telah mengenal pasti empat elemen strategi pelaksanaan utama persediaan pelaksanaan perakaunan akruan iaitu dari segi perundangan dan peraturan, dari segi dasar dan piawaian perakaunan, daripada sistemnya dan juga sumber manusia. Kedudukan terkini penyediaan elemen tersebut sehingga sekarang adalah seperti berikut, iaitu undang-undang dan peraturan pindaan kepada Akta Prosedur Kewangan 1957 dan akta lain yang berkaitan dengannya sedang disediakan untuk kelulusan Parlimen. Pindaan tersebut melibatkan perubahan asas perakaunan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Peraturan-peraturan yang terlibat sedang di kemas kini sejajar dengan pindaan akta kelak.

## ■1830

Kedua, polisi dan piawaian perakaunan polisi perakaunan telah disediakan dan sedang dikemas kini untuk memenuhi syarat pematuhan piawaian perakaunan Malaysia atau *Government Financial and Management Accounting System* yang telah digubal berasaskan *International Public Sector Accounting Standards*.

Ketiga, sistem perakaunan *Integrated Government Financial and Management Accounting System* lengkap sedang dibangunkan dan dijadualkan selesai pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2018 dan penambahbaikan ke atas sistem tersebut masih dijalankan bagi memastikan sistem tersebut sempurna dan lengkap.

Keempat, sumber manusia anggota perkhidmatan awam yang terlibat dalam pelaksanaan operasi perakaunan akruan bukan hanya melibatkan pegawai perkhidmatan perakaunan sahaja tetapi melibatkan juga dari pelbagai skim perkhidmatan. Latihan telah mula dilaksanakan pada tahun 2012 dengan melihat kepada tahap pengetahuan perakaunan akruan dan kemahiran penggunaan sistem 1GFMAS.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ini mengambil masa dan kita kena faham juga dari segi peralihan ada sesetengah negara mengambil masa— seperti United Kingdom mengambil masa sampai 13 tahun. Kita akan cuba menimba ilmu dan pengalaman daripada United Kingdom supaya tempoh peralihan boleh di pendekkan bukanlah selama 13 tahun tetapi dapat dijalankan supaya ia dapat dilaksanakan dengan lancar dan yang paling penting sekali dengan sistem *accrual* ini, kita akan pastikan penyata-penyata kewangan adalah yang sah, yang benar, yang juga mencerminkan apa yang berlaku dan bukanlah yang di manipulasikan seperti yang kerap dilakukan oleh kerajaan lama. Ini adalah penting supaya bukan sahaja kita bersihkan yang dahulu—

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** [Bangun]

**Tuan Lim Guan Eng:** Biar saya habis. Nanti saya bagi. Yang penting adalah kita pastikan kita bersihkan masalah yang dahulu tetapi yang penting juga kita jaminan skandal-skandal seperti ini tidak akan berulang lagi. [Tepuk] Inilah satu tugas selalu diulang-ulang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau selalu sebut kita akan bersihkan yang lama tetapi beliau hendak jaminan tidak akan berlaku selepas beliau dan juga Yang Berhormat Port Dickson tidak ada lagi. Tidak mahu bakal-bakal Perdana Menteri atau bakal-bakal kerajaan macam dahulu melakukan apa yang amat memalukan negara sebelum ini. [Tepuk] [Dewan riuh]

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh mencelah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Akta-akta seperti *Fiscal Responsibility Act*, *Government Procurement Act* dan sistem akruan akan dapat memastikan ia tidak berulang. Ini awal sedikit belum *warm up* lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya mengenai yang lama yang baru yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. *Zero-based budgeting (ZBB)* ini sistem bermula 1970-an Yang Berhormat Menteri, yang terkini ialah *outcome-based budgeting (OBB)* kita telah menghantar pekeliling ke seluruh kementerian, ke negeri-negeri supaya dilaksanakan *outcome-based budgeting* ini. Adakah OBB ini akan dibuang terus?

Satu lagi tentang *refund* GST, disebut oleh bekas KSP Tan Sri Irwan bahawa dalam surat khabar pada tahun 2017 *refund* GST ini berjumlah 53 peratus daripada kutipan. Atas sebab itu maka pada tahun itu kebanyakan fail di KIV untuk diaudit bukan tujuan untuk tidak membayar sebab mereka tidak tahu apa berlaku pada tahun 2018, pada pandangan mereka boleh dibayar tahun 2018, 2019. Jadi tidak ada duit yang hilang sebenarnya. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya harap Yang Berhormat Pontian sabar sedikit. Saya belum masuk kepada *zero-based budgeting* saya baru hendak masuk untuk jawab soalan daripada Yang Berhormat Kota Melaka. Iaitu melalui kaedah pendekatan *zero-based budgeting*, kerajaan memberi keutamaan dalam menyediakan peruntukkan bagi perkara-perkara perlu terlebih dahulu yang merangkumi perbelanjaan tanggungan, emolumen, sewaan, wajib utiliti, item berkontrak dan penyelenggaraan perlu berbanding dahulu. Di mana belanjawan disediakan secara *incremental*.

So, pendekatan belanjawan sebelum ini tidak melihat kepada keperluan komited sebenar dan setiap tahun peruntukkan disediakan tidak mencukupi kerana terpaksa menampung program baharu tanpa melihat semula keberkesanan program yang dilaksanakan pada masa dahulu. Justeru adalah penting jumlah penjimatan dapat diperolehi dari pelaksanaan *zero based* adalah subjektif kerana dalam masa yang sama, kerajaan terpaksa menampung keperluan komited sebenar kementerian, beban hutang negara serta pemansuhan *off budget*. Pendekatan ini juga diterima baik kerana sudah tiba masanya program-program yang berlarutan terlalu lama dikaji semula untuk meningkatkan produktiviti, memaksimumkan sumber serta menjadi ia lebih efektif.

Kalau kita hendak rumuskan, bahawa yang penting ialah kita tidak mahu semua ditangguhkan kepada akhir tahun macam selalu disebut *Christmas shopping* kerana jumlah peruntukkan atau yang diluluskan tidak habis. Cuba habiskan bersungguh-sungguh pada akhir tahun ini macam yang disebut *Christmas shopping*. Ini sesuatu yang kita hendak hindarkan.

Oleh sebab itu, kita buat *zero-based budgeting* tetapi pada masa yang sama kita tidak mengabaikan pentingnya pelaksanaan *outcome-based budgeting* kerana penting untuk lihat hasil yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat. So, dari segi keberhasilan penting juga, tetapi dari segi pendekatan ialah mula dengan *zero-based budgeting* iaitu kita tidak mahu lihat daripada tahun lepas tetapi kita minta kementerian buat justifikasi. Selepas itu kita pun hendak lihat keberhasilan ataupun impak sama ada tinggi atau tidak ke atas rakyat, itu penting.



Itulah sebabnya dengan kedua-dua pendekatan ini barulah kita boleh – yang pertama dapat penjimatan, yang kedua apa yang kita sebut *getting the biggest bang for the buck*. So supaya yang RM1 yang dibelanjakan kita boleh maksimumkan hasil atau pulangnya.

Tentang komen Yang Berhormat tadi, berkaitan dengan Tan Sri Irwan yang menyatakan tidak ada masalah dari segi pembayaran balik itu GST. Kalau Yang Berhormat Pontian masih percaya pada Tan Sri Mohd. Irwan, saya kesian sama anda, kerana memang benar dan sekarang pun ada kes dekat mahkamah terhadap beliau saya tidak mahu cakap panjang tentang perkara ini. Akan tetapi memang adalah sesuatu hakikat bahawa RM19.4 bilion tidak dibayar balik.

Sungguhpun audit telah habis dijalankan, permintaan pun telah dibuat oleh Jabatan Kastam Diraja, bahawa pembayaran harus dibuat tetapi tidak dijalankan. Untuk *refund* pendapatan, cukai pendapatan bekas Ketua Pengarah LHDN bukan sahaja minta dalam mesyuarat *cashflow committee* atau jawatankuasa wang tunai yang dipengerusikan oleh bekas KSP ini. Beliau pun tulis surat secara hitam putih secara rasmi tetapi tidak dilayan sama sekali oleh pihak bekas KSP.

Ini adalah sesuatu kesalahan, bukan sahaja kelemahan sesuatu kesalahan yang sekarang terpaksa ditanggung oleh kerajaan baharu. Wang kita sudah guna tetapi kita kena cari wang untuk bayar balik kepada pembayar cukai ini. Saya tidak faham macam mana bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan boleh buat keputusan dengan sesuka hati tanpa kebenaran bekas Menteri Kewangan. Kalau benar Menteri Kewangan menyatakan bahawa beliau tidak memberikan sebarang arahan langsung, beliau tidak memberikan arahan bahawa wang yang sepatutnya, *refund* yang sepatutnya dibayar balik dalam dua minggu, beliau tidak beri arahan dilanjutkan. Beliau tidak berikan arahan bahawa bayaran balik tidak dibayar balik. Beliau tidak berikan arahan bahawa wang sepatutnya dibayar balik ini digunakan sebagai hasil kerajaan negeri.

Semua Yang Berhormat mantan Menteri Kewangan cakap tidak berikan arahan yang sedemikian mungkin beliau betul. Beliau cakap benar tetapi kalau beliau cakap benar maka KSP ini yang salah. Yang Berhormat Pontian sekiranya sampai hari ini masih percaya orang macam ini saya benar-benar kesian sama anda. *[Dewan riuh]*

■1840

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih kerana kesian pada saya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak apa, biar saya habiskan ini. Kalau macam ini saya tidak boleh habis.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Apa yang saya sebutkan tadi ialah kenyataan dalam akhbar ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak rujuk, saya hendak rujuk...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kenyataan akhbar yang dibaca oleh rakyat keseluruhannya. Bahawa 53 peratus...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya kena bagi laluan dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta maaf, Yang Berhormat Pontian...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** ...Daripada *claim* GST itu....

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita kena minta laluan dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta kebenaran ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** ...Terlalu tinggi. Terlalu tinggi. Terlalu tinggi. Oleh sebab itu, KIV dan ditangguhkan. Itu yang saya sebut. Kita tunggu Laporan PAC Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, kita tunggu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tunggu laporan PAC. Mungkin minggu depan, kita tahulah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, kita tunggu. Akan tetapi, yang penting ialah Yang Berhormat Pontian tidak tahu ada masalah *refund* GST sebanyak RM19.4 bilion yang tidak dibayar. Bukan sahaja tidak tahu, Yang Berhormat Rembau pun tidak tahu. Dia nyatakan dalam *interview*. Mengapakah seorang Menteri pun tidak tahu? Kalau Menteri tidak tahu, Timbalan Menteri tidak perlu cakap lagi! So, anda sekarang cakap tentang sesuatu perkara yang anda tidak faham langsung.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** [*Bangun*]

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Untuk seorang yang suka *troll* sama saya, untuk seorang *troller*, saya akan bagi kepada *troller*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Pekan dengan izin. Baik, sila. Teruskan Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, kalau mengikut pada ingatan saya, *claim* GST biasanya dalam lingkungan RM7 bilion ke RM8 bilion. Akan tetapi, apabila naik sampai RM19 bilion ini, sebab Kerajaan Pakatan Harapan memutuskan untuk memansuhkan GST. Jadi apabila hendak memansuhkan GST, berderu-deru orang *claim* balik. Itu sebenarnya cerita dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pekan, silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, itu Yang Berhormat Pekan ini bagaimana hendak gambarkan seseorang yang masih dalam *denial syndrome*.

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bila kita sebut RM19.4 bilion, ia adalah pada tarikh 13 Mei. Ia bukan semasa GST dimansuhkan. Tidak ada kaitan langsung dengan GST dimansuhkan. [*Dewan tepuk*] So, itulah sebab saya sebut Yang Berhormat Pekan di dalam *denial syndrome*.

Kalau kita sebutkan di dalam tiga bulan bila ada *tax holiday*, bila ada cuti cukai, itu lain. Itu kita ada permintaan, tuntutan memang ada. Akan tetapi tidak termasuk dalam RM19.4 bilion. So, *you are missing the wood for the trees*, dengan izin.

Itu sebab Yang Berhormat Pekan harap boleh bercakap benar. Adakah Yang Berhormat Pekan tahu bahawa setakat sebelum hilang kuasa, ada jumlah sebanyak RM19.4 bilion? Tahu tidak tahu? Yang saya tanya dengan Menteri ini, semua cakap tidak tahu! Akan tetapi adakah Yang Berhormat mantan Menteri tahu tidak tahu ada *refund* sebesar RM19.4 bilion sehingga—saya ada tanya bekas Yang Berhormat MITI pun ada sebut. Banyak yang minta mengapa wang ratusan juta tidak dibayar. Ini adalah satu hakikat! Ini yang kita mahu tahu mengapakah wang seperti ini diselewengkan daripada rakyat. Apa yang saya sebut, bila minta bahawa GST dirompak, saya cakap itu yang menyebabkan kerajaan rompak sama wang pembayar cukai! *[Dewan tepuk] This is a fact! But you are still in a denial syndrome.* Hendak bangun lagi?

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** Nanti dulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau mahu bangun, saya bagi jalan.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** Sudah? Okey. Kita tengok *report* PAC sebab...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** Jangan *action* sangat. Cakap elok-elok sikit.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak [Pekan]:** ...Masa saya jadi Menteri Kewangan, tiada laporan bahawa kita terutang sampai RM19.4 bilion. Itu yang saya nak tahu—saya nak jelaskan di sini. Kalau saya tahu, kita akan ambil tindakan tertentu. Tidak ada wang yang dirompak sebab semua masuk dalam *Consolidated Accounts*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Pekan. Silakan Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Wang itu bukan milik kerajaan. Wang itu adalah input *tax* yang harus dituntut dan dibayar balik kepada rakyat. Itulah *refund* GST. Sekiranya Yang Berhormat Pekan yang luluskan, yang bantangkan Akta GST itu, ingat tidak sebelum tahun 2015? Dilaksanakan pada 1 April 2015. Mengatakan dengan jelas mesti dibayar balik dalam tempoh dua minggu. Mengapakah ia tidak dibayar balik dalam tempoh dua minggu?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, dalam akta itu juga...

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, nanti, nanti anda bukan... *[Pembesar suara dimatikan]*  
*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya tidak benarkan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** Bagilah orang bercakap! Apa masalah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Anda bukan mantan Menteri Kewangan. Duduk.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dalam akta itu juga sebut...  
*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, duduk, duduk. Betul, *this is your floor*. Menteri tidak bagi, kemudian, nanti dibagi. Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini perkara serius! Orang yang tidak tahu, duduk. Ini yang saya rasa Yang Berhormat mantan Menteri Kewangan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Menteri... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ini *floor* Menteri Kewangan. Sila, Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Inilah sebabnya pihak kerajaan terpaksa minta satu dividen khas sebanyak RM30 bilion untuk menjelaskan *refund* GST ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Bagan takut dengan Pontian kah, Yang Berhormat Bagan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Sesuatu isu yang membabitkan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Takut dengan Pontian?

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan buang masa. Orang yang tidak tahu jangan buang masa.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Badan saya kecil sahaja. Takkan Yang Berhormat Bagan takut dengan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pontian, sila duduk Yang Berhormat Pontian.

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan buang masa.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dalam... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya tidak benarkan. Yang Berhormat Pontian minta duduk. Yang Berhormat Pontian. Silakan, Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Ya, akta sebut tetapi mesti dapatkan kelulusan daripada Menteri Kewangan. Menteri Kewangan tidak berikan kelulusan sedemikian, beliau sudah cakap tidak memberikan kelulusan. Kalau tidak berikan kelulusan, ini berlawanan dengan undang-undang. Itu salah di sisi undang-undang! Ingat tidak Yang Berhormat Pekan? *Jog your memory a bit*. Apa sudah jadi? Apa yang sudah jadi dengan wang RM 19.4 bilion? Itu yang sekarang terpaksa ditanggung oleh kerajaan baharu. Itu bukan jumlah wang yang kecil. Itu jumlah wang yang besar. Itulah sebabnya kita kena dapatkan satu jawapan yang penuh apa yang sebenarnya berlaku. Tidak boleh jawab, itulah yang menjadi masalahnya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, ada pohon laluan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Jasin mahu bertanya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini Ahli Jawatankuasa PAC, *you are conflict of interest.*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Berikan saya peluang untuk bercakap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Anda tidak boleh tanya tentang perkara ini. Minta maaf, minta maaf.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, jangan bincang lagi tentang pemulangan duit GST. Ini kerana sekarang perkara tersebut dalam PAC dan akan dibentangkan rumusannya minggu depan. Kita tengok sama-sama siapa yang betul siapa yang salah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ha, okeylah tu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Jangan buat tuduhan! Terima kasih banyak-banyak, itu sahaja yang saya nak cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Jasin, saya minta Yang Berhormat Menteri teruskan. Terima kasih Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya tunggu Laporan PAC. Saya tunggu. Tidak akan lari punya. Saya harap mantan Menteri Kewangan pun tidak lari. Tidak lari untuk menjawab soalan penting ini. *Where did the RM19.4 billion go?* Sampai dua tahun tidak dapat pembayaran? Itu satu isu besar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, *the RM19.4 billion is in the account.*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak hilang pun duit itu!

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** *Report is being tabled. Then we know. Who is right, who is wrong.*

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau masih ada dalam akaun, mengapa kita hendak cari wang untuk bayar balik? Tidak ada wang. Itu yang jadi masalah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Mengapa Yang Berhormat Rembau *report?*

**Tuan Lim Guan Eng:** Sebab, nampaknya sama ada Yang Berhormat daripada pembangkang ini keliru atau tidak mahu akui hakikat. Ini kerana tidak ada kaitan dengan pemansuhan GST.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Macam mana... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Pemansuhan GST adalah mulai *zero-rated* 1 Jun. Ini adalah sebelum 1 Jun! Itulah hakikat. So, itulah sebabnya saya cakap jangan keliru. Jangan pura-pura juga. Tidak bagus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, teruskan Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, terima kasih. Ini berkaitan dengan soalan daripada Yang Berhormat Rembau yang memang sekarang saya lihat satu-satunya ahli pembangkang yang cuba berlandaskan fakta. Bila cakap tidak tahu, tidak tahu. Macam *refund* GST beliau sebut tidak tahu. Itulah yang kita hendak berbahas. Mungkin ada pendirian lain, tidak apa. Akan tetapi sekurang-kurangnya kita berdasarkan fakta dan angka. Bukan berdasarkan fitnah dan tohmahan. Itu memang tidak bertanggungjawab.

Saya— sungguhpun beliau ada berikan pandangan, lebih baik teruskan GST tetapi kurangkan kadar. Beliau masih rindu sangat dengan GST. Itu tentu pilihan beliau. Akan tetapi kita lihat kerana kesan dan impak negatif GST. Sudah masanya GST dijadikan sebagai satu bahan sejarah. Ini kerana terlalu banyak penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan wang yang berlaku khususnya berkaitan dengan *refund* GST ini.

#### ■1850

Tentulah saya telah berulang-ulang menyatakan SST yang pihak kerajaan perkenalkan untuk menggantikan GST, kita tidak jamin tidak akan menyebabkan kenaikan harga. Akan tetapi yang kita pasti ialah sekiranya berlaku kenaikan harga, ia adalah lebih kurang daripada impak GST.

Kita boleh lihat kesannya, kalau kita lihat kadar inflasi bagi suku ketiga ialah hanya pada tahap 0.5 peratus termasuk juga pada bulan September. Saya rasa adalah sesuatu kadar inflasi yang amat menggalakkan kerana menunjukkan bahawa dari segi kenaikan harga ekoran pelaksanaan SST masih terkawal. So, 0.5 peratus untuk suku ketiga berbanding dengan 1.3 peratus untuk suku kedua. Mengikut kajian kesan pelaksanaan SST oleh KPDNHEP ke atas 417 barangan, secara purata perbandingan harga barangan antara bulan Mei hingga September, 70 peratus atau 290 barangan mencatatkan penurunan harga dan 27 peratus mengalami kenaikan harga. So, itu adalah sesuatu yang kita lihat harga atau inflasi terkawal. Akan tetapi tentu sekiranya ada kenaikan harga, kita tidak jamin tidak ada kenaikan harga. Akan tetapi, sekurang-kurangnya impaknya lebih kurang berbanding dengan GST.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tentang Dana Perlindungan Kesihatan B40...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu 417 barang sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini ditubuhkan bertujuan untuk...

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Sebelum itu Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Untuk menyediakan jaringan keselamatan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Barang SST ada 6,405...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta maaf, ini *floor* Menteri. Terpolang kepada Menteri memberi ataupun tidak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Floor, floor. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya bagi kepada Yang Berhormat Rembau yang tahu apa yang wujud dan apa yang tidak wujud.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak tanya dari segi SST ya. Ini keluar sedikit daripada harga barang. Sewaktu SST diperkenalkan semula, perbincangan daripada pihak sini ada bangkitkan kekhawatiran berkenaan dengan kesan *cascading*, kesan *compounding effect* atas beberapa perkhidmatan dan jelas ini sudah pun berlaku. Ada beberapa sektor perkhidmatan sudah melaporkan bahawa kesan tersebut sudah pun berlaku. Ini memberi kesan kepada perniagaan mereka dan juga kepada harga perkhidmatan tersebut. Jadi, apakah jawapan Menteri dalam perkara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berkaitan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berkaitan.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, boleh ya?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Petrajaya, ada hubung kait juga.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pun saya pun berkaitan juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya beri Yang Berhormat Petrajaya dulu.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, ini berikutan aduan daripada persatuan-persatuan kontraktor. Bila kita beralih kepada GST kepada SST, sebenarnya ia menimbulkan permasalahan kepada kontraktor. Misalnya dalam konteks GST dulu, *claim* berhubung kait dengan konsultasi, ia *reimbursable*. Dia boleh *claim* balik sebab dia berasaskan input dan output. Akan tetapi sekarang ini, mereka terpaksa menanggung disebabkan konsultan akan mengecis mereka SST yang mana tidak termaktub dalam perjanjian awal bila mereka memasuki tender kerajaan misalnya.

Kedua, ada beberapa perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau tadi. Bila ada perkara yang dikecualikan SST, tetapi perkara asas misalnya besi - Akan tetapi, ada perkara-perkara juga yang tidak dikecualikan daripada SST. Misalnya material berhubung kait dengan *tiles* yang banyak digunakan dalam *construction industry*. Perbezaannya sekarang, sebelum SST harganya RM2.30 *per piece*, tetapi sekarang ini RM2.54 *per piece*. Jadi, ini sudah pasti akan menjejaskan *the construction industry*. *Water closet* misalnya, RM647.27 *before* SST, tetapi selepas SST sekarang ini harganya RM712. Jadi, ini kesannya kepada *construction industry* yang akhirnya akan menyebabkan *the construction sector* itu sendiri terjejas. Apatah lagi dengan apa

yang diputuskan oleh Kementerian Kewangan sekarang ini iaitu untuk mana-mana projek yang berasaskan kepada bukan *open tender* mesti ada *reduction of 10 percent*.

Ini sebenarnya sama ada kajian terperinci dibuat oleh MoF berhubung kait dengan apakah kesannya kepada projek itu sendiri. Kontraktor terpaksa bersetuju disebabkan mereka sudah pun mengambil pinjaman bank, mereka sudah kena bayar *performance bond*, dia kena bayar insurans, sekarang ini tanggung lagi SST dan akhirnya, saya kluatir kerajaan juga yang akan menanggung disebabkan kontraktor tidak berjaya untuk melaksanakan. Kalau kita tender baharu, tidak terjamin bahawa kerja kontrak itu akan dapat pada harga yang kita peroleh pada masa ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, saya akan bercakap dengan baik dan bersopan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Baik, biar saya...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Biar saya jawab dua...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dia ada kaitan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Soalan ini dulu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dia ada kaitan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduk, duduk, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pontian duduk dulu Yang Berhormat Pontian.

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduk, duduk.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak jawab dulu...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Nanti saya bangun balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Rembau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Iaitu sekiranya ada itu kes *cascading effect*, saya harap Yang Berhormat Rembau boleh bagikan contoh kerana saya telah pun umumkan dalam belanjawan dan kita pun akan umumkan selepas ini beberapa langkah-langkah untuk mengurangkan kes *cascading effect*. Di antara dia ialah itu *exemption* untuk di antara *business to business* dari segi perkhidmatan dan juga sebagainya. Saya tidak mahu pergi secara terperinci kerana ada akta kewangan yang telah pun dibentangkan. Akan tetapi, saya amat menghargai kalau Yang Berhormat Rembau boleh berikan contoh-contoh seperti ini.

Untuk Yang Berhormat daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Petrajaya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Petrajaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Petrajaya.



**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih atas maklumat tersebut. Akan tetapi, bila anda sebut itu *tile*, ada banyak jenis *tile*. So, di sini kita kena lihat apakah gred dia. Memang dimaklumkan oleh semua bahawa kalau kita sebut itu *tiling* di bawah GST kena 6 peratus. Akan tetapi sekarang bila anda sebut itu *tile* pun dikenakan itu 6 peratus sama seperti era itu GST. Sekiranya ada kenaikan, ada dua sebab. Pertama mungkin grednya, yang kedua mungkin harga pasaran sedunia telah naik. Akan tetapi, saya rela untuk menyemak contoh yang telah diberikan oleh Yang Berhormat. So bila sebut *tile*, kita pun kena lihat apakah gred dan jenisnya. Macam tangki air pun ada pelbagai jenis grednya.

Kedua berkaitan dengan itu kontrak, di mana Yang Berhormat Petra Jaya menyatakan bahawa pihak kerajaan mahu sekurang-kurangnya penjimatan ataupun diskaun 10 peratus diberikan untuk meneruskan kontrak-kontrak infrastruktur di mana Surat Setuju Terima (SST) telah pun dikeluarkan. Seperti Yang Berhormat pun akui, ia telah diterima oleh hampir semua kontraktor. Saya hendak terus terang di sini, mereka mampu memberikan diskaun kerana kontrak ini bukan diberikan secara tender terbuka. Kontrak ini diberikan secara baik rundingan terus atau mahupun dengan tender terhad. Itu bukanlah secara tender terbuka dan itulah sebabnya kita yakin kita boleh dapat penjimatan. Sebenarnya 10 peratus bukan berat sangat, boleh ditanggung. Tengok itu projek LRT3, pihak kerajaan dapat penjimatan sebanyak 47 peratus. [Tepuk] Penjimatan sebanyak RM15 bilion, daripada RM31.5 bilion kurangkan kepada RM16.5 bilion atau yang baharu ini MRT2. Sungguhpun projek telah dijalankan 40 peratus oleh MMC Gamuda pun masih berjaya mendapat penjimatan 23 peratus, RM8.8 bilion untuk baki 60 peratus kerja yang belum siap. So kalau kita lihat dari segi penjimatan, 10 peratus itu memanglah satu sasaran yang mudah dicapai dan dipenuhi oleh pihak kontraktor.

Sebelum ini saya sudah janji sama Yang Berhormat Pontian, ini *last* ya...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Akan tetapi ini hubung kait dengan jawapan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti saya bagi, ini *last*.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Penjelasan lagi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Saya akan bercakap dengan teratur dan... [Ketawa] Sebanyak 417 barang sahaja Yang Berhormat Menteri, 417 barang sahaja yang dikaji oleh KPDNHEP.

#### ■1900

Daripada 417 barang itu, termasuk bawang, minyak masak, tepung, yang dulu tidak ada GST dan sekarang tidak ada SST. Bagaimana kajian itu boleh tepat? Cadangan saya ialah Yang Berhormat Menteri bersama KPDNHEP buat kajian terhadap 6,405 barang yang ada SST, baru dapat keputusan yang tepat kesan SST terhadap harga barang, itu yang pertama.

Kedua, tanya Kastam, Yang Berhormat Menteri boleh tanya sekejap lagi pada Kastam, RM30 bilion jumlah *the black economy, the hidden economy*, ekonomi gelap di Malaysia ini dengan GST boleh dikurangkan RM20 bilion daripada RM30 bilion itu. Itu sebab kita laksanakan

GST dan itu sebab Yang Berhormat Rembau juga mencadangkan supaya GST ada 3% diturunkan ya kos nilainya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sila Yang Berhormat Menteri untuk jawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya pun kadang-kadang tidak tahu macam mana hendak jawab Yang Berhormat Pontian yang tidak mahupun mengakui realitinya. Itu adalah kajian daripada KPDNHEP yang pun digunakan oleh kerajaan lama. Tapi biar kita tunggu dulu, bila ada kajian yang akan dibuat tidak lama lagi. Kita lihat apakah kesan dan impaknya dan sekiranya Yang Berhormat tanyalah, saya rela terima maklumat. Mana-mana barangan yang naik begitu mendadak tolong beritahu kepada pihak kementerian. Kita sedia untuk siasat.

Saya percaya Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dia sedia siasat. So ini tidak merupakan satu masalah. Tentang itu ekonomi gelap, *black economy* ya selalu diungkit-ungkit oleh Yang Berhormat. Itu adalah sesuatu yang kita harus ambil tindakan dan jangan lupa pada tahun 2015 atau 2016 kalau saya tidak silap, Malaysia merupakan di antara negara yang paling rasuah kerana ada pengaliran wang keluar yang tinggi sampai RM1.8 trilion. Masa itu tidak dengar Yang Berhormat Pontian sebut tentang *black economy*.

Tapi sekarang, sebut tentang *black economy*. Apa jadi dengan *illicit capital outflow*? RM1.8 trilion masa itu. So di sini kita sebut tentang ekonomi gelap. Ya, itu adalah salah satu usaha yang kita harus laksanakan termasuk tentang penyeludupan rokok yang merupakan satu isu besar. Ini akan diambil tindakan, yang gagal diambil tindakan oleh kerajaan lama. So, itu kita akan berusaha, okey. Yang terakhir ya.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Terima kasih. Kalau Yang Berhormat Menteri ingat bahawa dalam proses perolehan kerajaan, ianya dipandu arah oleh Kementerian Kewangan dan dalam konteks ini saya kira JKR misalnya aduan yang saya terima daripada para *contractors*, keputusan waktu itu walaupun ianya *selective tender*, ianya masih berpaksikan kepada panduan yang ditetapkan oleh MOF dan biasanya JKR akan menentukan pada kadar iaitu berasaskan kepada anggaran yang ditetapkan oleh JKR untuk menyiapkan projek tersebut. Ianya tidak ada *special treatment* walaupun *selective tender*. Itu ketentuan dibuat oleh JKR dan sekiranya itu, sekarang ini kita memberikan, menyuruh kontraktor memberi 10 peratus diskaun dengan dua pilihan setuju ataupun kalau tidak setuju, kontrak di-*terminate*. Bayangkan kontraktor sudah pun mempunyai komitmen dengan bank. Kedua, dia sudah bayar *performance bond*, dia sudah ambil insurans dan sebagainya. Apa pilihan yang ada pada mereka dan untuk *survive* dia akan setuju menerima.

Akan tetapi bahayanya setakat mana kita dapat pastikan dengan menerima jumlah yang lebih murah daripada apa yang sudah dipersetujui sama ada mereka akan dapat memastikan kontrak dilaksanakan berdasarkan kualiti yang ditetapkan ataupun spesifikasi yang ditetapkan. Adakah kita dapat memantau yang akhirnya nanti saya takut kerajaan yang akan rugi. Bila projek siap kita akan terpaksa menanggung kos untuk *repair*, *maintainance* dan sebagainya. Itu pertama.

Kalau dapat Yang Berhormat Menteri juga nanti boleh bagi saya secara bertulis apakah kontrak-kontrak yang telah ditamatkan, apakah kontrak yang telah dipersetujui yang 10 peratus diskaun dan berapa banyak yang ditamatkan? Adakah apa-apa tindakan mahkamah ke atas kerajaan kepada kontrak yang sudah ditamatkan? Kalau ada, apakah kemungkinan tanggungan oleh kerajaan berhubung kait dengan kerugian yang bakal dituntut oleh kontraktor yang ditamatkan projek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Petrajaya. Sila.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Petrajaya. Sehingga sekarang setakat ini pihak kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan perundangan ke atas mana-mana kontraktor melainkan mereka hendak ambil tindakan ke atas kerajaan dan ini pun belum berlaku lagi kerana mereka tahu bahawa kerajaan hendak adakan satu penyelesaian menang-menang iaitu dalam keadaan sistem kewangan yang telus dan juga yang amanah dan cekap, mereka tahu mereka kenalah mengubah dia punya *mindset* dengan izin iaitu tidak boleh bergantung lagi dengan kaedah lama di mana dia bergantung kepada sama ada perhubungan yang rapat ataupun faktor-faktor lain. Itulah sebabnya mereka rela memberikan diskaun. Nanti, saya habis dulu. Mereka rela memberikan diskaun dan bila Yang Berhormat sebut tentang 10 peratus, adakah Yang Berhormat tahu ada kontraktor yang rela bagi lebih. Bukan sekadar 10 peratus, 15 peratus, 20 peratus untuk menunjukkan bahawa mereka...

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila ikut peraturan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih dan saya rela bagi contoh sedemikian bahawa bukan sekadar 10 peratus tapi lebih daripada itu. Menunjukkan bahawa memang ada banyak lemak yang harus kita kurangkan.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Tidak apa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itulah menunjukkan kegagalan kaedah lama kerana tidak jalankan sistem tender terbuka. Anda boleh buat *pre-qualification* tapi dalam *pre-qualification* itu pasti ada tender terbuka. Mengapa dibuat secara rundingan terus? Mengapa dibuat secara tender terhad? Itu merupakan kerugian kepada negara dan bila sebut tentang syarikat-syarikat itu, saya tentu akan semak dengan pegawai saya tapi seperti yang saya sebut dalam belanjawan, semua kontrak-kontrak di mana SST dikeluarkan, telah dikembalikan kepada kementerian masing-masing. Bukan lagi di bawah Kementerian Kewangan.

Kementerian masing-masing akan putus sama ada projek ini jalan atau tidak dengan syarat mesti dapat diskaun sekurang-kurangnya 10 peratus. So kuasa sekarang berada dalam kementerian masing-masing, bukan lagi di bawah Kementerian Kewangan untuk tahun ini kerana kita laksanakan sistem tender terbuka, ia akan diterima pakai pada tahun depan. Masa itu

tentulah pihak Kementerian Kewangan akan uruskan. Tapi sekarang ia adalah di bawah Kementerian masing-masing.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Saya minta tadi senarai kalau dapat Yang Berhormat berikan kepada saya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akan semak kerana ini diperolehi daripada pihak Kementerian lain.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Tidak boleh tidak, janji untuk berikan senarai pada saya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya teliti jawapan daripada Yang Berhormat. Ya, sesuatu yang kita alu-alukan iaitu kita kena mementingkan tentang tender terbuka. Kita setuju demi kebaikan negara. Akan tetapi pada 30 Oktober, di dalam Dewan yang mulia ini juga, Timbalan Menteri Kewangan mengatakan dengan jelas dalam Dewan ini di bawah lima situasi, kita benarkan *direct nego*.

Saya cuba hendak tanya, lima situasi yang dimaksudkan oleh Timbalan Menteri ialah keadaan mendesak, keseragaman, bekalan dan perkhidmatan, keselamatan dan strategik serta kontraktor Bumiputera. Bermaksud ianya adalah satu bidang yang terlalu luas dan terbuka pada penyelewengan. Saya hendak bertanya, Yang Berhormat seorang yang mengagung-agungkan tender terbuka. Kenapa pula Timbalan Menteri ini mungkin dengan restu Yang Berhormat, saya tidak tahu, sama ada wajar atau tidak kita membenarkan *direct nego* dalam keadaan ini.

Kalau sudah ada mekanisme ini membolehkan *direct nego* dijalankan, semua Kementerian masing-masing boleh mengadakan *direct nego* atas lima situasi itu. Saya khuatir ianya akan menjadi satu perkara yang tidak diinginkan dan termasuklah penyelewengan. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Ayer Hitam, dulu tidak sokong tender terbuka, sekarang sokong.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri saya betul kerana ada keadaan tertentu yang mendesak di mana tender terbuka boleh digantung.

#### ■1910

Macam bila ada bencana, kita perlu dapat bekalan dengan cepat, takkan kena tunggu dua tiga bulan. Ataupun tentang kontrak-kontrak tertentu misalnya, contohnya untuk Kementerian Multimedia, RTM contohnya hendak jemput seorang penyanyi terkemuka, takkan adakan tender terbuka. Kalau ada tender terbuka, Yang Berhormat Ayer Hitam pun boleh cuba nasib. [Dewan ketawa] Bagi *free* pun mungkin boleh dapat tetapi bagi *free* tidak ada orang hendak dengar, hanya mereka hendak dengar penyanyi-penyanyi yang hebat-hebat.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Lim Guan Eng:** Macam sekiranya saya beritahu itu contoh, bagilah itu penyanyi yang hebat-hebat... [Dewan riuh]

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk. Menteri mempunyai *floor* untuk berhujah. Berilah peluang mengikut peraturan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak sebut Yang Berhormat Pasir Salak. Saya pun takkan sebut Yang Berhormat Pasir Salak, jangan bimbang. Jadi di sini bila ada itu kemampuan ataupun kebolehan yang luar biasa, tidak boleh adakan tender terbuka. Kita kena *direct negotiation* dengan penyanyi tersebut. So itu adalah keadaan istimewa. Kita bukan laksanakan kepada semua kementerian. Akan tetapi akhirnya jangan lupa, Ketua Audit Negara akan buat audit dan sekiranya tidak ikut peraturan, teguran yang dibuat, tindakan akan diambil. Jadi itulah saya rasa semak dan imbang, *check and balance*.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, saya setuju.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita tidak boleh terlalu terikat bahawa "*Oh, semua mesti tender terbuka*". Tidak boleh. So kita kena lihat keadaan. Akan tetapi akhirnya kita kena lihat peratusan daripada kontrak-kontrak yang dijalankan bukan tender terbuka. Saya rasa itulah yang kita dapat ukur keberkesanan sistem tender terbuka yang dipakai. Saya hendak bagi kepada Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, sedikit sahaja tentang...

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Tanjong Karang sudah berdiri lama. Bagi peluang kepada Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sila.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tiga perkara ringkas. Pertama, saya hendak dapat penjelasan agak keliru. Yang Berhormat kata tadi mana-mana projek yang telah dikeluarkan SST, terpulang kepada pihak kementerian berkenaan untuk menentukan sama ada hendak terus ataupun tidak. Akan tetapi di dalam Dewan yang mulia ini, bila saya tanya mengenai Hospital Tanjong Karang, saya dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Kesihatan membuat rayuan kepada Kementerian Kewangan sama ada hospital itu akan diteruskan ataupun tidak. Itu yang agak keliru sama ada keputusan Kementerian Kewangan untuk meneruskan ataupun terletak kepada Kementerian Kesihatan, itu yang pertama.

Kedua, mengenai tender terbuka. Saya hendak ulang balik dengan sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani. Saya setuju buka secara tender terbuka tetapi saya bagi contoh membekal baja yang dibekalkan oleh NAFAS. NAFAS ini ialah satu badan di bawah LPP. Adakah bekalan baja ini juga akan dibuat bekalan terbuka? Mengapa tidak diberikan *direct negotiation* kerana ia akan memberikan keuntungan balik kepada pihak kerajaan dan juga pesawah-pesawah dan juga pekerja-pekerja.

Ketiganya, SST. Yang Berhormat membuat pengumuman bahawa – terima kasihlah bagi pengecualian kepada bahan-bahan binaan. Adakah Yang Berhormat yakin ataupun adakah kajian telah dibuat dengan mengecualikan cukai SST kepada bahan-bahan binaan akan boleh menyebabkan harga rumah turun 10 peratus? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya kena semaklah. Tiba-tiba bangkit tentang itu Hospital Tanjong Karang, saya kena semak dan saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [Bangun]

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti saya habis dulu boleh atau tidak? Duduk dulu sekejap. Tentang pesawah itu, saya pun akan semak. Sekiranya benar-benar itu rundingan terus boleh lebih menjimatkan, kita akan kajilah tetapi biasanya tender terbuka lebih menjimatkan. Tidak apa, saya akan semak.

Okey, berkaitan dengan SST, pengecualian untuk sektor pembinaan. Di sini REHDA pun telah memberikan balasan bahawa mereka akan kurangkan harga rumah sebanyak 10 peratus. Jadi itulah respons daripada mereka yang kita hendak lihat. So dari aspek pengecualian ini telah membawa kita harap manfaat kepada pembeli-pembeli.

Termasuk juga Dana Perlindungan Kesihatan B40 yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Rembau. Ini ditubuhkan bertujuan bagi menyediakan jaringan keselamatan kewangan sementara bagi membantu golongan B40 menghadapi kesulitan akibat menghadapi penyakit kritikal atau dimasukkan ke hospital. Ini boleh membantu golongan B40 mengekalkan taraf dan keperluan hidup mereka, sementara mendapatkan rawatan di hospital dan kemudahan kesihatan kerajaan sedia ada bagi golongan B40.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [Bangun]

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya habis ini dua perenggan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Okey.

**Tuan Lim Guan Eng:** Skim ini juga direka bentuk untuk meningkatkan tahap kesedaran kewangan dan pemilikan polisi insurans dan takaful di kalangan B40 dan akhirnya untuk memperluaskan jangkauan supaya pemilikan polisi insurans dan takaful akan bertambah di kalangan B40 dengan membolehkan mereka mengalami atau menerima manfaat insurans dan takaful.

Seperti yang disebut tadi ialah untuk empat *critical illness*. Akan tetapi kita telah mengadakan perbincangan dan harap ini boleh dilanjutkan kepada 36 penyakit kritikal bagi golongan B40 iaitu sekiranya mereka menghadapi salah satu daripada 36 penyakit dan dimasukkan ke wad, maka cadangannya ialah bahawa mereka boleh dapat bayaran RM50 sehari untuk tempoh 14 hari dalam setahun iaitu RM700 wang tunai setahun. Ini kita harap dapat mengurangkan beban pesakit-pesakit yang tidak dapat kerja dan pada masa yang sama, boleh mendapat sedikit wang untuk menanggung perbelanjaan semasa mereka sakit.

Tentulah skim ini adalah diberikan secara percuma kepada golongan B40. Kita harap Bank Negara yang akan menjadi pelaksana, dapat mengemas kini ataupun menyediakan semua persiapan supaya permohonan boleh mula pada tahun depan. Kita cadangkan supaya boleh lebih mudah diakses oleh rakyat golongan B40, permohonan boleh dibuat secara *online*. Jadi tidak payah cari borang-borang. Buatlah secara *online* dan tentu semakan akan dibuat dan pembayaran boleh diberikan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ada lagi Yang Berhormat Rembau? Ya, Yang Berhormat Rembau dulu.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masa perbahasan, saya bangkitkan berkenaan dengan Dana Perlindungan Kesihatan Nasional B40 ini adalah dalam konteks penyakit kritikal yang dirawat di hospital swasta menggunakan dana perlindungan ini. Saya bangkitkan kerana apabila penyakit kritikal dirawat di hospital swasta, kekhuatirannya adalah kos rawatan itu adalah tinggi, lebih daripada perlindungan yang diberi melalui skim ini. Akhirnya, baki pembayaran itu perlu ditanggung oleh pemohon kepada polisi tersebut sebab kos rawatan di hospital swasta lagi tinggi daripada di hospital kerajaan.

Kedua, adalah sumbangan daripada syarikat *Great Eastern*. Saya hendak minta penjelasan daripada Menteri, sama ada sumbangan RM2 bilion itu dibuat ataupun tidak? Ini disebabkan ada kenyataan yang dibuat oleh syarikat tersebut bahawa mereka belum buat apa-apa keputusan lagi. Saya hendak kepastian pada hari ini sama ada komitmen itu diberikan ataupun tidak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Golongan B40 biasanya bila mereka sakit, mereka akan masuk hospital kerajaan. Sekiranya masuk hospital swasta, itu terpulang kepada mereka. Akan tetapi skim perlindungan kesihatan ini adalah bertujuan untuk memberikan wang tunai, bukanlah untuk membayar bil hospital swasta. Kita bayar wang tunai sahaja. Biasanya dalam hospital, saya rasa RM50 sehari untuk tempoh 14 hari adalah sesuatu yang amat berbaloi atau amat bermakna untuk mereka kerana kalau kita lihat bil hospital kerajaan, saya rasa takkan setinggi macam itu.

Jadi itulah usaha yang kita hendak buat dan pihak kerajaan sedang berbincang dengan pihak *Great Eastern* dan juga syarikat insurans lain untuk memperluaskan *coverage*, memperluaskan perlindungan, bukan setakat kepada empat penyakit kritikal tetapi perluaskan kepada 36 penyakit kritikal seperti mana yang diberikan untuk mereka yang membeli insurans perubatan.

#### ■1920

Tentang itu *Great Eastern* mereka telah membuat kenyataan bahawa sebelum ini mungkin ada sedikit kekeliruan atau kesilapan dari segi komunikasi dan mereka telah pun meminta maaf. Mereka memperakui bahawa skim ini telah dipersetujui oleh mereka, sebagai gantian untuk tidak mengurangkan ekuiti kepada 70 peratus. So, sekarang mereka boleh gunakan wang ini, derma wang ini dan ini boleh digunakan bagi pihak golongan B40. Ya, Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sebut tentang yang lima keadaan. Saya setuju dua dan tiga keadaan itu keseragaman *uniformity* itu terbuka pada penyelewengan. Itu pertama.

Kedua, kalau kita bangkit bekalan dan perkhidmatan, itu adalah sesuatu yang terlalu luas. Tadi isu yang saya bangkitkan itu. Jadi saya minta Yang Berhormat, tetapkan satu mekanisme supaya apa yang dilaungkan oleh Yang Berhormat ini untuk tender terbuka tidak

disalahgunakan oleh mana-mana agensi. Itu harapan kita supaya kita betul-betul kita serius dalam perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Inilah terlepas kita sebut tentang insurans kesihatan, pula sebut dengan tender terbuka. Tidak apalah saya akan ambil kira cadangan Yang Berhormat tetapi seperti yang saya sebut sebelum ini tender terbuka akan menjadi teras itu projek-projek kerajaan. Sekiranya ada pengecualian, tentulah dan nescayalah pihak kementerian akan berhati-hati. Tentang itu...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa hampir...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya minta sikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Lepas ini lagi.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang Kerian minta sikit saja berhubung dengan syarikat ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bagi kepada Yang Berhormat daripada...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang Kerian, sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kubang Kerian.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan soal tawaran yang diberi kepada syarikat insurans tadi, hingga setakat ini apakah hanya syarikat Great Eastern yang mendapat tawaran ataupun kerajaan juga membuka kepada syarikat insurans Takaful yang lain yang saya fikir lebih ada kritik kerajaan di dalamnya. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini terbuka kepada semua syarikat insurans yang tidak mahu mengurangkan ekuiti mereka kepada 70 peratus. Mereka boleh berikan sumbangan supaya boleh memberikan manfaat secara langsung kepada golongan B40. So, tentu ada syarikat insurans yang lain— kerana yang derma ini RM2 bilion. Kita hendak pastikan dana ini boleh lebih banyak supaya dana ini boleh tahan lebih lama lagi. So, tentu kita tunggu respons daripada syarikat insurans tadi.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Jadi jumlah untuk mendapat pengecualian daripada pemegang ekuiti 70 peratus ini adalah RM2 bilion?

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekarang RM2 bilion tetapi itu bergantung kepada nilai syarikat insurans.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Baik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau syarikat insurans dia punya nilai besar mungkin lebih besar tetapi kalau kecil itu akan lebih kecil, itu akan lebih kecil. Ini terpulang kepada perkiraan Bank Negara, bukan oleh pihak kementerian.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** So, ini akan diguna pakai untuk industri lain dalam liberalisasi?

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan. Untuk ini syarikat insurans sahaja.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Kesihatan sahaja.



**Tuan Lim Guan Eng:** Kita hendak lihat apakah pulangan kepada golongan B40.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sebelum Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** ...Menamatkan sebab masa sudah tamat. Tadi Yang Berhormat ada menyentuh tentang *illicit financial outflows* RM1.8 trilion adalah sesuatu yang besar Yang Berhormat sebut bahawa saya tidak ambil apa-apa kisah tentang perkara itu tetapi saya nak maklumkan bahawa ini adalah angka *Global Financial Integrity* (GFI), yang meletakkan Malaysia negara kelima selepas China, Rusia, Mexico, India dan Malaysia.

Saya harap Yang Berhormat boleh dapat nasihat daripada Bank Negara Malaysia yang telah memberitahu saya bahawa apa yang berlaku ialah kaedah kiraan yang berbeza dari segi *balance of payment* antara eksport dan import. Sebagai contoh, barangan yang kita eksport ke Singapura dalam angka *balance of payment* kita ialah Malaysia mengeksport ke Singapura. Kemudian Singapura mengeksport barangan itu ke negara China tetapi negara China meletakkan jumlah eksport barangan itu bukan daripada Singapura tetapi barangan itu daripada Malaysia. Itu sebab berlaku apa yang dipanggil sebagai *trade misinvoicing*. Bukan berlaku rasuah sebagai mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Jadi tentang perkara ini saya harap Yang Berhormat merujuk kepada Bank Negara untuk dapat penjelasan.

Satu lagi perkara yang akhir yang saya ingin sentuh. *FundMyHome* atau P2P yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang bahawa perkara ini sudah dipraktikkan meluas di negara China tetapi gagal kerana ia berlaku banyak impak negatif dan kes negara China ini bungkus hingga impak ditanggung peserta cukup besar dari segi kewangan dan juga dari segi perundangan. Ini ditulis oleh ketua pengarang sebuah akhbar yang berpengaruh di Malaysia. Saya ingin pandangan Yang Berhormat tentang P2P, *FundMyHome* ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okey, untuk kes pertama saya tidak mahu cakap pandang, boleh rujuk kepada Tan Sri Abu Kassim, bekas Pesuruhjaya MACC yang tentu tidak akan bersetuju dengan Yang Berhormat Pontian. Memang itu adalah satu contoh *illicit outflow* yang harus ditangani dengan serius oleh kerajaan tetapi gagal berbuat demikian.

Tentang kedua tentang itu *property crowdfunding* seperti yang saya sebut sebelum ini, ini adalah satu pilihan tambahan, satu *option*. Saya ingat Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun sudah ulang berkali-kali. Terpulang kepada pembeli hendak gunakan *option* ini atau tidak. Sekiranya tidak, itu pilihan mereka. Sekiranya hendak, mereka ada satu lagi alternatif untuk dapat pinjaman. So, itulah yang ditawarkan dan tentu kerajaan menerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia akan pastikan bahawa semua peraturan akan dipatuhi supaya kita akan pastikan bahawa semua pihak dapat jaminan yang sewajarnya. Tentang...

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Akan tetapi berkenaan dengan *crowdfunding*—sikit saja. Ya, memang betul pembeli ada pilihan. Tidak sesiapa yang dipaksa untuk beli rumah mereka melalui program *property crowdfunding* ini. Namun pertikaian adalah kenapa program ataupun skim ini dilancarkan sebelum satu kerangka dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berkenaan dengan skim tersebut. Kalau tidak silap saya dua, tiga hari selepas

pembentangan belanjawan, ada pelancaran *FundMyHome* dan ini dibuat melalui satu platform *provider* yang saya difahamkan DH Group.

Jadi saya nak kepastian daripada Yang Berhormat Menteri. Lebih baik Suruhanjaya Sekuriti Malaysia buat kerangka dahulu dan semua boleh mohon untuk membuat platform mereka dan tidak ada *first mover advantage* diberi kepada mana-mana pihak.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sama, isu yang sama.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti. Saya ucapkan terima kasih atas cadangan ini tetapi akhirnya kita nak platform yang terbuka untuk semua. Dalam aspek ini pihak yang berkenaan perlulah dapat sokongan bukan saja daripada institusi kewangan tetapi juga dari pemaju-pemaju kerana kita kena maklum bahawa apabila pemaju yang melibatkan diri, mereka akan jual harga yang lebih rendah sedikit supaya projek ini boleh jalan.

Akan tetapi marilah kita tunggu tentang butiran lanjut apabila ia diumumkan secara muktamad dan kita kena tunggu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ini penting supaya boleh ada transaksi dan perdagangan untuk baki saham 80 peratus ini. Saya tidak mahu cakap lebih daripada itu.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Cuma Yang Berhormat Menteri, *all I'm saying is that* patutnya ada *regulatory framework* dulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itulah yang kita tunggu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang di ..... Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ya, okey.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu yang kita tunggu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia supaya terbuka untuk semua.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Macam kita punya bursa dan sebagainya.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Akan tetapi tadi ia akan dilancarkan satu platform.

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh pendek tidak? Tidak cukup masa. Boleh pendek.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Rembau, sebab ini satu dasar yang baru. Jadi saya ingat kalau sebelum satu dasar baru dibuat, mesti kita buat kajian yang lebih terperinci. Jadi macam negara China sudah ada kesan. Saya hendak tanya contoh dulu kita kenakan satu *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS). Itu satu skim yang baik. Kita beli rumah, bayar deposit, kemudian tidak ada bayar apa-apa sampai rumah siap. Akhirnya Bank Negara mansuh skim tersebut. Jadi adakah kajian dan pandangan Bank Negara semua telah diambil sebelum dasar ini dibuat?

■1930

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya masih ingat semasa Yang Berhormat jadi Menteri Perumahan, kita pun ada berjumpa dan bersetuju tentang DIBS ini. Akan tetapi sekarang bila pihak kerajaan cadangkan DIBS dipulihkan, Bank Negara tidak setuju. Akhirnya— saya ingat Yang Berhormat pun faham, Bank Negara adalah *independent*. So, itu lah pendirian mereka.

Mereka akan memperkenalkan kaedah lain seperti mana yang saya umumkan dalam belanjawan. Mereka tidak bersetuju tentang DIBS kerana bimbang bahawa ia akan meningkatkan peratusan hutang peribadi. So, saya rasa itu lah masalah yang sama yang kita usulkan tetapi akhirnya Bank Negara yang membuat perancangan, mereka lebih suka untuk alternatif lain. Kita cuba alternatif yang dicadangkan, yang disyorkan oleh Bank Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menggulung sekarang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya akan cuba singkatkan. Ada beberapa isu sahaja yang saya perlu minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua. Saya akan habiskan.

Satu perkara tentang cukai keuntungan harta tanah (CKHT). Pihak kerajaan telah umumkan akan dinaikkan sebanyak lima peratus tetapi tidak sebut *cut of date*. Selepas dapat maklum balas daripada pelbagai pihak, ada pihak yang menyatakan kalau kita ada hartanah sejak tahun 1960, sekarang baru jual, macam mana kira? Bukankah ini satu kehilangan yang besar? So, pihak kementerian akan cadangkan *cut of date* ditetapkan pada tahun 2000 iaitu sungguhpun anda mungkin ada harta pada tahun 1960, ia hanya akan dikira mengikut nilai pada tahun 2000. So, itulah untuk memberikan *clarity* atau pun penjelasan kepada semua pihak.

Yang Berhormat daripada Pekan telah sebut tentang ringgit, tentang saham. Ya, memang kita tidak nafikan bahawa dari segi saham dan dari segi nilai ringgit turun. Akan tetapi, Yang Berhormat sebagai mantan Menteri Kewangan harus faham kita kena bandingkan dengan negara-negara lain. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, nilai ringgit hanya menyusut 3.4 peratus pada 15 November 2018 berbanding dengan nilai mata wang negara-negara lain. Kita lihat macam Indonesia lah dan juga Peso Filipina dan sebagainya. So, itu bukan hanya khusus untuk negara Malaysia atau nilai mata wang ringgit sahaja tetapi juga ke atas negara lain kecuali Amerika Syarikat, yang nilai mata wang US Dollar naik kerana mereka mengisytiharkan perang perdagangan ke atas negara China. So, nampaknya buat masa ini hanya Amerika Syarikat yang untung.

Sama juga dengan pasaran saham. Kalau kita lihat dari segi KLCI, memang ada merosot. Akan tetapi kalau kita banding dengan negara-negara lain, KLCI Bursa Malaysia paling kurang sekali. Lihat Singapura 10.2 peratus, Hong Kong 12.8 peratus, Thailand pun 6.6 peratus. Bursa Malaysia hanya 5.7 peratus. Filipina 18.8 peratus. Itu tidak bermakna bahawa kita tidak ambil berat. Memang kita ambil berat tetapi itu adalah sesuatu di luar kawalan kerajaan. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya ambil kira bahawa— yang anehnya, sebelum 9 Mei, ringgit kita, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *was on an upward trend*. Begitu juga KLSE kita juga *on an upward trend*, yang peliknya selepas 9 Mei trend itu bertukar menjadi *downward trend*. Jadi maknanya ada sesuatu yang berlaku, mungkin yang menyebabkan kesan kepada ringgit kita dan kepada saham.

Tuan Yang di-Pertua, kalau izinkan saya ada dua pertanyaan dari segi makro. Pertamanya, pihak Fitch, badan antarabangsa, telah *down grade* kita punya *growth* tahun depan daripada 4.9 peratus kepada 4.2 peratus.

Kedua, Brent Crude hari ini harganya USD63 walhal bajet menetapkan USD72 setong. Jadi, saya hendak tanya kepada Menteri Kewangan, dengan kedua-dua kesan ini, kalau sekiranya *growth* kita kadar pertumbuhan tahun depan menurun, mengucup jauh lebih rendah daripada 4.9 peratus dan seandainya harga minyak jatuh yang hari ini USD63, kalau jatuh lebih rendah daripada itu, apa kesan kepada Bajet 2019?

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan ada sebut bahawa *official debt to GDP* unjuran pada akhir tahun 2019 adalah sebanyak 51.9 peratus. Saya minta tanya pada Menteri Kewangan, nilai ringgit *equivalent*-nya kepada 51.9 peratus *debt to GDP ratio*, apa ringgit *equivalent* nya?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mantan Menteri Kewangan patut faham bila kita sebut tentang penguncupan atau pun susutan pertumbuhan ekonomi, sama seperti saham dan nilai mata wang ringgit, kita kena bandingkan kepada negara-negara lain. Mereka pun menguncup juga. So, bukan hanya negara Malaysia sahaja. Ini adalah kerana kesan di luar kawalan ekoran daripada perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan juga negara China.

Tentang kesan ke atas harga minyak, itu saya rasa Yang Berhormat apabila jadi mantan Menteri Kewangan pernah membuat anggaran bahawa harga minyak adalah pada harga USD110 setong tetapi ia jatuh kepada USD70 setong. Ini pun dianggap sebagai sesuatu yang biasa dan hanya satu pengumuman dibuat. So, mengapa bila sebut di antara USD72 dengan USD63? Ia jauh berbanding dengan masa mantan Menteri Kewangan USD110 kepada USD70 tahun 2014 dan tahun 2015.

So, yang penting ialah kita buat anggaran berdasarkan keadaan semasa dan bila keadaan semasa ada ketidaktentuan oleh kerana pengumuman-pengumuman dasar yang dibuat oleh Presiden Donald John Trump itu yang menyebabkan bahawa ada *volatility*. Itu lah sebabnya ia di luar kawalan kerajaan.

Akan tetapi walau macam mana pun, sungguhpun menghadapi beberapa cabaran sedemikian, kalau kita lihat dari segi *rating agencies*, sungguhpun sebut tadi bahawa mereka buat unjuran bahawa pertumbuhan akan lebih rendah tetapi dari segi *ratings*, Malaysia masih kekal. Ini adalah suatu petanda yang amat penting bahawa mereka masih yakin ke atas komitmen pihak kerajaan untuk memastikan kita dapat memulihkan kedudukan fiskal dan kewangan negara. [Tepuk]

Bukan senang bila keadaan fiskal sudah naik kepada 3.7 peratus. Walaupun buat unjuran pertumbuhan turun tetapi *ratings* masih boleh kekal. Ini kerana mereka tahu bahawa kita hendak bersihkan keadaan sebelum ini. Kita hendak pastikan bahawa pembaharuan institusi dapat menjamin skandal-skandal sebelum ini tidak akan berulang lagi. Di sini saya sebut— nanti saya bagi. Duduk dulu. Tentang 1MDB. Duduk dulu, Yang Berhormat. Duduk dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk dulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduk dulu. Ia tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tentang 1MDB dan IPIC. Meminta bahawa mendedahkan itu perjanjian. Macam mana kerajaan

boleh dedahkan perjanjian bila perkara ini dalam *arbitration*, bila perkara ini dalam mahkamah yang melibatkan Yang Berhormat sendiri? Ini akan menunjukkan bahawa kita tidak hormati undang-undang— *sub judice*. Kalau boleh, saya pun hendak dedahkan kerana ini bukan lah sesuatu yang memberikan faedah kepada Yang Berhormat.

■1940

Ini memihak kepada kerajaan. Akan tetapi kerana kita hormati undang-undang, kita tidak boleh dedahkan. Kalau nak dedahkan, saya suka dedahkan supaya tunjuk siapa cakap betul dan siapa yang cakap tidak benar. So, saya harap Yang Berhormat janganlah desak bila Yang Berhormat Yang Berhormat tahu kerajaan tidak boleh buat demikian. Mengapa hanya sekarang tuntutan tetapi sebelum ini tidak minta langsung.

So, itulah yang saya nak maklumkan tentang kes IPIC dan 1MDB ini. Janganlah cuba mendesak supaya ini didedahkan. Oleh kerana kerajaan tidak berani dedahkan, itu menunjukkan saya cakap benar. Tidak boleh cakap macam itu. Tunggulah di mahkamah. Tunggulah apabila *arbitration* dibuat. Sampai sekarang saya harap Yang Berhormat pun boleh sedar. Ahli Parlimen UMNO sendiri pun tidak percaya dengan Yang Berhormat dari Pekan. *[Tepuk]*

Ahli Parlimen UMNO sekarang pun akui bahawa 1MDB adalah di antara sebab utama mengapa Barisan Nasional kalah dalam PRU ke-14. *[Tepuk]* Akan tetapi sehingga sekarang Yang Berhormat masih mahu berulang-ulang kali tegaskan 1MDB adalah baik untuk Malaysia. 1MDB boleh membawa keuntungan kepada Malaysia. Kalau boleh membawa keuntungan, mana dia keuntungan? *[Disampuk]* Cari daripada atas sampai bawah. Daripada keseluruhannya, mana ada untung. Mana perginya aset? Itulah yang menjadi suatu masalah penting, satu masalah kewangan penting kepada negara.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud bahawa tidak ada apa-apa kecurangan yang berlaku. *[Dewan riuh]* Pada saya, yang penting ialah bahawa kita ambil tindakan untuk memastikan setiap ringgit itu dapat dipulangkan balik kepada Malaysia. Atas sebab itulah IPIC punya perjanjian itu penting. Ini kerana kalau kita tahu pada isi kandungan perjanjian itu, bererti bahawa semua yang kita bayar itu akan dapat balik kepada kita sebab itu saya minta didedahkan. Akan tetapi Yang Berhormat kata *sub judice* tetapi tidak adil pada saya sebab orang akan anggap bahawa sesuatu kesilapan telah berlaku.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Kedua, kita pun ada banyak aset lagi. Aset TRX banyak. Yang Berhormat kata TRX boleh dapat keuntungan. Bandar Malaysia boleh dapat keuntungan yang besar. Lagipun ada satu lagi Tuan Yang di-Pertua, yang tidak disedari bahawa melalui pembelian IPP yang dilakukan oleh 1MDB, kita telah dapat memastikan bahawa IPP yang dulunya yang dikatakan berat sebelah tidak berlaku lagi. Kita buat *open tender*. Dengan itu Petronas dapat jimat RM20 bilion setahun *hidden subsidy* sebab itulah *cash reserve* Petronas bila sebelum akhir April berjumlah RM147 bilion yang digunakan hari ini oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk menutup defisit.

Jadi kalau nak katakan semua buruk, Tuan Yang di-Pertua, tidak betul. Akan tetapi kalau ada kecurangan, ada kesalahan dari segi undang-undang, tindakan perlu diambil dan akan diambil. Itu yang saya nak katakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Damansara bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Damansara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Tidak payah, bikin panaslah. Duduklah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membongkar penipuan daripada Yang Berhormat Pekan. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Pekan kata mengikut perjanjian, IPIC kena bayar kepada 1MDB. Saya nak bacakan pengumuman daripada IPIC di London Stock Exchange mengenai penyelesaian *settlement agreement* yang ditandatangani antara 1MDB bawah arahan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri dengan IPIC di mana IPIC berkata dengan izin *“Under the terms of the settlement, IPIC would receive an amount of USD600,002 million by 31st July 2017 and the further amount of USD600,002 million by 31st December 2017”*. Siapa bayar siapa? 1MDB bayar IPIC ataupun IPIC kena bayar 1MDB? Itu nombor satu.

Kedua, *“Separately, 1MDB and MOF Inc undertake to IPIC to assume the responsibility for all future interest and principle payments under the two bonds issued by 1MDB Group of Companies that are guaranteed by 1MDB and IPIC,”* yang jumlahnya bernilai tiga setengah bilion Dolar. Bon-bon ini sebelum ini hanya dijamin oleh IPIC dan 1MDB tetapi di bawah penyelesaian ini, sekarang MOF pun kena jamin bon ini. Maksudnya akhirnya MOF yang kena bayar bon-bon ini dan bukannya IPIC yang kena bayar. *So, I don't know what the... Sorry. [Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar, sabar, ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Jangan gunakan perkataan empat huruf. *[Disampuk]* Saya tidak faham apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pekan selama ini. Macam dalam mimpi sendiri sahaja. *In your own world. I don't know what you are talking about. The fact are here.* Semua orang tahu! Hanya Yang Berhormat Pekan sahaja yang tidak tahu. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya rasa saya tidak perlu tambah lagi. Yang penting ialah adakah Yang Berhormat dari Pekan setuju atau tidak bahawa pihak Malaysia harus tuntutan bayaran balik daripada Goldman Sachs sebanyak USD588 juta. *Interest rate differential* di mana bon ini dengan harga 100 *basis points* lebih tinggi daripada pasaran dan juga semua kerugian daripada bon sebanyak USD6.5 bilion. *So, itulah perkara pokok kerana ini dilakukan di bawah Yang Berhormat Pekan sendiri.*

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak rujuk kepada kenyataan yang IPIC buat. Kenyataan IPIC buat kata 1MDB tidak terhutang pada

IPIC tetapi IPIC terhutang kepada 1MDB. *[Dewan riuh]* Jadi sebab itu saya minta di *disclose agreement* itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itulah yang Yang Berhormat Pekan masih terkeliru.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]:** Tidak faham bahasa Inggeris!

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia sudah terkeliru. Tidak apalah. Biar si luncai dengan labu-labunya. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat gulungkan sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Bagan, sikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ada dua perkara sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ada perkara yang Yang Berhormat Bagan tidak jawab. Berkenaan 1MDB, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat daripada Ayer Hitam.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Takut kah Yang Berhormat Bagan? Yang Berhormat Bagan takut?

**Tuan Lim Guan Eng:** Selalu sebut tentang TAR University College.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Bagan takut tentang 1MDB, saya nak tanya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Menyatakan bahawa kerana MARA tetap dapat itu...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Bagan takut apabila saya nak tanya tentang 1MDB. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Guan Eng:** MARA tetap dapat peruntukan dan tanya mengapa bila MARA boleh dapat peruntukan, mengapa TAR University College telah dikurangkan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh bagi jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Daripada RM30 juta kepada RM5.5 juta. Saya telah menyatakan bahawa dari segi peruntukan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang diberikan kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Bagan tidak beri laluan. Jadi ikutlah peraturan. Ya, silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, dia takut dengan soalan saya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya telah menyatakan di sini bahawa memang tidak ada banyak perbezaan untuk MARA tetapi nampaknya Yang Berhormat Ayer Hitam tidak puas hati dan menyatakan sekiranya boleh diberikan kepada MARA, mengapa pula peruntukan untuk TAR University College dikurangkan.

Saya harap Yang Berhormat faham bahawa bila perkara ini dinilai oleh pegawai-pegawai Kementerian Kewangan, mereka lihat dari segi peruntukan pembangunan dan yang diberikan kepada TAR University College adalah penyelenggaraan. Akan tetapi sungguhpun penyelenggaraan tetapi dari segi pembangunan masih diberikan RM5.5 juta. So, kalau nak lihat dari segi jumlah, tentu ada pengurangan. Ya, ada pengurangan tetapi bila pihak kerajaan lama

kurangkan daripada RM60 juta kepada RM30 juta, itu pun satu pengurangan yang tidak dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam pada masa itu.

■1950

So, di sini bila kita kurangkan daripada RM30 juta kepada RM5.5 juta mengapalah pula hendak bangkitkan isu berkaitan dengan MARA. Yang Berhormat Ayer Hitam perlu faham MARA adalah dimiliki oleh pihak kerajaan sedangkan ini adalah bukan dimiliki oleh pihak kerajaan tetapi dimiliki oleh MCA.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [*Bangun*]

**Tuan Lim Guan Eng:** Biar saya habis dahulu, biar saya habis dahulu, duduk. MCA tentu ada sumber kewangan yang besar sebanyak RM2 bilion. Pada masa yang sama TAR College ada dana sebanyak RM583 juta. So, di sini saya hendak nasihatkan bahawa sungguhpun ini adalah bukan dimiliki oleh kerajaan, kita pun terus diberikan kerana ini diukur oleh pegawai kerajaan dan mereka rasa berikan untuk tujuan pembangunan.

Saya hendak nasihatkan kalau boleh, kalau hendak minta tahun depan boleh minta kita akan timbang lagi tetapi marilah kita berikan berdasarkan tujuan pembangunan seperti yang diberikan untuk sekolah-sekolah lain. So, saya rasa barulah kita boleh dan di sini saya pun hendak sebut bahawa pihak kerajaan untuk menunjukkan bahawa kita tidak hanya bagi kepada TAR College kerana ini adalah suatu institusi pendidikan yang dimiliki oleh sebuah parti politik. Kita pun, pihak kerajaan sungguhpun dimiliki oleh parti politik masih berikan peruntukan RM5.5 juta.

Tolong Yang Berhormat bayangkan kerana kita hendak asingkan di antara politik dan pendidikan, politik dan perniagaan. Tengok kita punya GLC tidak dibenarkan melantik orang yang ada latar belakang politik lagi. So, di sini sungguhpun begitu kita hendak berikan satu tempoh peralihan dan di sini tentulah pihak kerajaan mengkaji untuk memberikan supaya tidak menyatakan bahawa kita terlalu memihak ataupun berat sebelah kepada TAR College ataupun universiti. Walaupun kita mengkaji untuk berikan peruntukan kepada *Southern College*, kepada *New Era College* dan juga untuk Han Chiang iaitu yang merupakan itu kolej pendidikan-*university college* yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. So, itulah yang dirancang sekarang. Sila.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Saya terkilanlah apabila mendengar penjelasan Yang Berhormat ini. Yang Berhormat boleh tanya kepada ayahanda Yang Berhormat. Pada 22 Ogos 1972 mantan Perdana Menteri iaitu Menteri Pelajaran pada masa itu dalam Dewan yang mulia ini kita telah memberi jaminan penubuhan Kolej Tuanku Abdul Rahman dengan sumbangan 50 *percent* daripada kerajaan dan 50 *percent* daripada kita, dana sumber kita.

Kita menggunakan kutipan derma daripada orang awam untuk bina. Selama ini tidak satu sen pun pihak MCA walaupun sebagai *initiator* dikeluarkan daripada situ. Setiap wang yang dikutip dimasukkan ke *endowment fund* sebab itu kita ada *fund size* untuk memajukan. Yang



Berhormat pun tahu, semak suruh pegawai semak dua kampus di Pahang dan Sabah kita membelanjakan RM100 juta. Yang Berhormat, kerajaan tidak bagi duit kita.

Apa yang kita minta Yang Berhormat, kita minta *matching grant*. Semasa menaik taraf daripada tahun 2012, satu persetujuan Kabinet telah dibuat iaitu kalau di naik taraf Yang Berhormat Pekan boleh sahkan yang mana *cap* nya RM60 juta. Jadi saya masih ingat pada 3 Disember tahun lalu Yang Berhormat sendiri kata, “*Alah MCA baru berjuang dapat RM30 juta patut dapat RM60 juta*”. Yang Berhormat sendiri yang cakap.

Sekarang Yang Berhormat jadi Menteri, Yang Berhormat sepatutnya tolong kita kerana setiap wang ringgit yang diberikan dalam *matching grant* ianya akan menurunkan kadar yuran kepada pelajar. Oleh sebab itulah kalau kita bandingkan kadar yuran di TAR UC adalah terendah dalam kalangan IPTS yang ada. Jadi Yang Berhormat kita merayu ini yang kita minta. Yang Berhormat kata marah betul sebab apa, Yang Berhormat, rakan-rakan Yang Berhormat kata dalam keadaan susah kita sama-sama kena kurangkan. Akan tetapi saya tanya kenapa *matching grant* daripada RM30 juta jadi kosong? Itu yang pertanyaan kita dan terus kita buang.

Apa yang saya minta Yang Berhormat, tolong bagi *matching grant* dalam bentuk *operating expenses* itu yang telah dijanjikan dan ini merupakan kesinambungan daripada dijanjikan oleh Tun Hussein Onn dahulu. Saya minta daripada Yang Berhormat supaya ambil perhatian tentang perkara ini. Bukan kata kerajaan kita kena inklusif, kita kena berlaku adil kepada semua. Bukankah kalau kita bantu kerajaan untuk memberi pembangunan modal insan, kita sendiri yang cari duit. Yang Berhormat tidak bagi satu sen pun.

Sebelum itu kita cari dan kita melalui kerajaan lah kita sumbang sedikit dan ianya dapat mengurangkan. Yang Berhormat Menteri Pertanian adalah alumni TAR UC. Yang Berhormat Industri Utama, kita tidak tengok politik. Oleh sebab itulah kita telah melahirkan generasi yang baik jadi menteri di sini Yang Berhormat. Jadi kita *apolitical*. Jangan anggap ini sebagai *initiator* jadi macam-macam kata dia ada agenda politik. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa masa pun sudah lanjut ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya tahu saya sedikit lagi sebelum pukul 8.00. Saya hendak sebut di sini bahawa Yang Berhormat kena faham. Ini adalah dimiliki oleh parti MCA. Sekiranya hendak diputuskan hubungan mungkin ini akan diberikan itu penilaian yang berlainan, kalau bukan dimiliki oleh parti MCA. Seperti yang kita sebut kita kena asingkan politik daripada pendidikan. So, itulah keputusan berani yang dibuat oleh pegawai saya dan saya akan sokong keputusan pegawai saya. Iaitu...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ini yang dibuat di Dewan Rakyat pada 1972.

**Tuan Lim Guan Eng:** Biar saya habis dahulu. Biar saya habis dahulu.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Itu kesinambungan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Biar saya habis dahulu. Bila Yang Berhormat sebut tentang itu penyelenggaraan. Kita tidak boleh berikan penyelenggaraan kerana kalau kita berikan penyelenggaraan untuk semua sekolah ini akan merupakan satu pengeluaran wang yang tidak

dapat ditanggung oleh kerajaan. Kita hanya berikan untuk pembangunan. Di sini kerajaan masih berikan peruntukan pembangunan sebanyak RM5.5 juta. Kita tidak potong sama sekali.

Kalau kita banding dengan apa *matching grant*, itu geran padanan. Dahulu pihak Kerajaan BN RM60 juta kurang RM30 juta, RM60 juta jadi RM30 juta. Sekarang kita tidak potong RM30 juta, kita potong kepada RM5.5 juta. So, masih ada lagi dan saya masih nasihatkan Yang Berhormat, tahun depan buatlah itu permohonan, kita akan timbang. Akan tetapi pada masa yang sama sekiranya hendak pastikan betul-betul ada pengasingan di antara pendidikan dan politik pastikan ini *TAR College* dan *TAR University* tidak dimiliki oleh MCA. Sekiranya masih dimiliki oleh MCA tentu MCA bertanggungjawab dengan dana MCA sebanyak RM2 bilion takkan RM30 juta akan jadi suatu masalah besar.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, mana ada dana RM2 bilion daripada MCA, Yang Berhormat. Dana Yang Berhormat kena faham.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng:** MCA ada terima wang 1MDB tidak? MCA ada terima wang 1MDB tidak?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Setahu saya tidak, itu sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekarang Yang Berhormat kata tidak tetapi Chua Soi Lek cakap ada.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tahun 1972 sampai hari ini kita berdasarkan kepada sumbangan orang awam, itu memang saya boleh bagi jaminan.

**Tuan Lim Guan Eng:** MCA, MCA sumbangan orang awam?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yes.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okey, tidak apa...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat tidak tahu saya boleh tunjukkan keratan surat khabar.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...itu kita serah kepada MACC untuk siasat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekiranya Yang Berhormat masih nafikan MCA ada terima wang 1MDB, itu kita terpulang kepada SPRM.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak, Yang Berhormat kena cakap ini soal...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila gulung, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Jangan campur aduk dengan...

**Tuan Lim Guan Eng:** Sebelum saya habis, sebelum saya habis saya hanya hendak sebutkan tentang dua perkara sahaja.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kita kata fasal TAR University.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Menteri sedang jawab sekarang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hanya hendak sebut tentang dua perkara sahaja. Tidak apalah, Yang Berhormat boleh hentam saya teruk-teruk dekat surat khabar Cina cakap saya anti Cina tidak apa, saya sedia. Saya sedia terima kerana ini adalah prinsip pentadbiran kewangan yang pihak kerajaan mesti dokong. *[Tepuk]*

Satu lagi ialah berkaitan dengan Skim Subsidi Harga Padi. Saya ingin umumkan di sini bahawa Skim Subsidi Harga Padi akan dinaikkan daripada RM300 setan kepada RM360 setan. *[Tepuk]* Tentang harga rantai IPG untuk getah pun akan dinaikkan daripada RM2.20 kepada RM2.50. *[Tepuk]*

Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada Pakatan Harapan yang telah menyokong usaha kita untuk membersihkan dan menyelamatkan ekonomi Malaysia. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Diputuskan,*

*Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:*

*“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh enam bilion tujuh ratus juta ringgit (RM56,700,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2019, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2018, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempungan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 22 November 2018. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat malam.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam]***